

Jilid I  
Bil. 20



Hari Isnin  
8hb November, 1982

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMETARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2383]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 2416]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 2417]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 2416]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**  
*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M. S.S.M.T. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. ((Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Macang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADIR BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).

- Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOW POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong  
Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin 8hb November, 1982

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

JURUTERA KONTRAK  
KE JAWATAN TETAP

**1. Tuan Yeoh Poh San** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Warganegara Malaysia yang berkelayakan tanpa menerima biasiswa Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Kerjaraya dalam tempoh tiga tahun yang lalu telah mengisi kekosongan dalam kedua-dua jabatan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa tiga tahun kebelakangan ini Kerajaan tidak mengambil jurutera-jurutera kontrak di Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Kerja Raya ke dalam jawatan-jawatan tetap.

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan hanya memberi tawaran perkhidmatan secara kontrak kepada professional yang bukan pemegang biasiswa seperti jurutera, arkitek dan juru ukur bahan di dalam JPT dan JKR, mereka ini tidak akan lama dengan Kerajaan dan ini telah menghasilkan projek yang dijalankan oleh kedua-dua jabatan ketinggalan di belakang masa. Kedua-dua jabatan ini menjadi latihan

bagi jurutera, arkitek dan juru ukur bahan bagi sektor swasta. Sekiranya sedar, adakah Kerajaan pada masa depan akan menimbangkan tawaran mereka yang berkenaan untuk dijadikan pekerja tetap di dalam perkhidmatan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kerajaan tidak mengambil pegawai-pegawai yang disebutkan itu. Bagaimanakah soalan tambahan akan berbangkit.

**Tuan Yeoh Poh San:** Pada masa depan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan akan menukar dasar ini?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada satu rancangan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar terpilih dan setiap pemegang biasiswa diikat bekerja bagi Kerajaan selama 7 tahun. Oleh yang demikian, tempat-tempat yang tertentu perlulah disediakan bagi mereka apabila tamat pelajarannya. Rancangan ini tidak akan mengganggu perkhidmatan yang diberi oleh jabatan-jabatan yang berkenaan kerana tempat yang sementara kosong diisi oleh jurutera-jurutera secara kontrak.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat, sama ada dasar ini akan dikaji semula, saya ingin menjawab bahawa kedudukan ini dikaji dari masa ke semasa.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu, dari jumlah warganegara yang berkenaan yang bekerja dengan JKR dan DID ini berapakah jumlah mereka yang bumiputera dan bukan bumiputera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak berbangkit.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut keterangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah benar tempat atau jawatan kosong kurang daripada jumlah pemegang biasiswa itu dan kalau begitu kenapa pihak Kementerian memberi begitu banyak biasiswa kalau tempat kosong kurang daripada bilangan pemegang biasiswa itu?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Yunit Perancang Tenaga Manusia di Jabatan Perkhidmatan Awam mengkordinasikan jumlah biasiswa-biasiswa yang diberi dengan keperluan tenaga jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi, oleh yang demikian, oleh kerana ada koordinasi, masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

#### PENYELEWENGAN BADAN-BADAN BERKANUN SABAH

**2. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang tindakan penyelewengan dalam badan berkanun di Sabah seperti SAMA, Lembaga Pembangunan Tanah Sabah, KEJOSA dan lain-lain dan adakah beliau telah mengarahkan supaya penyiasatan terhadap badan-badan tersebut dan jika ya, nyatakan hasil penyiasatan tersebut.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada menerima beberapa maklumat tentang tindakan penyelewengan yang dikatakan berlaku di dalam beberapa buah badan berkanun di Sabah. Badan Pencegah Rasuah telah mengkaji maklumat-maklumat itu dan menjalankan siasatan lanjut terhadap kes-kes itu.

Berikutan dengan siasatan-siasatan tersebut BPR telah mengambil tindakan undang-undang mendakwa mereka. Ada antara kes-kes itu sedang dalam perbicaraan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Sin Kwang Yang tidak hadir).*

#### TANDA HALAL DAGING DARI AUSTRALIA

**4. Tuan Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan untuk menambahkan keperluan daging di negara ini Kerajaan telah mengimport daging dari luar negeri terutama dari Australia, adakah Kerajaan sedar di waktu kebelakangan ini ramai daripada umat Islam di negeri ini meragui tanda halal pada daging-daging yang diimport dari Australia itu. Jika ya, nyatakan:

- (a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya keraguan itu;
- (b) Apakah langkah atau tindakan yang berkesan untuk menimbulkan keyakinan mereka bahawa daging-daging yang diimport dari Australia itu benar-benar halal; dan
- (c) Adakah negara-negara Islam yang lain turut sama mengimport daging-daging dari Australia itu.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa di waktu kebelakangan ini ada umat Islam di Negara ini yang meragui tanda "halal" pada daging-daging yang diimport dari Australia.

- (a) Faktor-faktor ini telah timbul disebabkan oleh keputusan satu kajian yang dibuat oleh satu Suruhanjaya yang dilantik oleh Kerajaan Australia yang meneliti keadaan penghasilan daging halal di Negara itu.
- (b) Kerajaan telah mendapat jaminan dari pihak Kerajaan Australia bahawa satu sistem akan diwujudkan di mana semua daging yang akan diimport ialah benar-benar halal. Ke arah ini satu rombongan yang mengandungi wakil Jabatan Ugama Islam akan berlepas ke Australia pada bulan ini bagi

mempastikan peraturan-peraturan dan syarat-syarat ini benar-benar diikuti bagi menjamin kehalalan daging yang diimport dari Australia.

- (c) Ada Negara-negara di Timur Tengah yang mengimport daging dari Australia.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah sistem yang dijanjikan oleh Kerajaan Australia itu?

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Australia ialah mematuhi segala kehendak-kehendak ugama suci kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Pertanian, kita ada mempunyai agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan iaitu MAJUTERNAK. Sehingga bilakah keperluan-keperluan daging ini dapat dibekalkan sendiri oleh MAJUTERNAK di bawah Kementerian Pertanian ini dengan tidak payah lagi kita mengimport daging-daging daripada luar negeri.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, MAJUTERNAK telah pun ditutup.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan Kerajaan sedar di atas keraguan daging halal dan pegawai akan dihantar ke Australia.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang ramai yang ada keraguan, bukan Kerajaan yang ada keraguan. Jawapannya macam itu.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Ya, terima kasih. Jadi, nampaknya Menteri hendak hantar pegawai ke sana, hendak tengok sama ada daging itu betul atau tidak betul halal. Tetapi apabila daging itu datang ke sini apakah tindakan Kerajaan sama ada daging itu diletak secara halal ataupun tidak kerana saya dapati di hotel-hotel besar di Kuala Lumpur ini daging itu bercampur dengan daging-daging yang tidak halal.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang ini siapa-siapa pun boleh mengimport daging-daging sama ada halal ataupun tidak. Mulai tahun hadapan sahaja kita telah membuat perancangan untuk membenar bahawa daging-daging yang halal sahaja akan diimport.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua maklum bahawa Kerajaan Australia itu adalah Kerajaan yang bukan Islam. Dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan badan-badan apakah, adakah satu badan Islam yang menasihatkan Kerajaan Australia yang mengatakan daging itu halal.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Ada.

**Tuan Ismail bin Said:** Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya kita masih juga berkehendakkan mengimport daging daripada Australia bagi menampung keperluan daging di negara kita. Adakah pihak beliau bercadang misalnya untuk mencari avenue yang lain misalnya daging daripada India mungkin agak murah harganya.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita membenar daging diimport dari tahun hadapan daripada mana-mana sahaja asalkan halal. Australia merupakan satu daripada sumber-sumber pengimportan itu.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ternyata nampaknya negara kita kekurangan daging dan nampaknya makanan daging untuk rakyat kita tidak cukup dan untuk memastikan kecukupan daging halal di negara kita ini apakah sikap Kerajaan terhadap kemasukan lembu Thailand ke negara ini.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekatan untuk mengimportan lembu daripada mana-mana juga asalkan lembu itu tidak berpenyakit dan mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Haiwan kita.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan seorang Islam, saya terlalu bimbang kerana saya difahamkan bahawa daging yang diimport dari negeri Australia itu ada bercampur dengan daging-daging binatang lain misalnya Kangaroo atau Kuda. Adakah pihak Kementerian membuat kajian dan apakah tindakan yang ditetapkan untuk menentukan daging-daging yang diimport itu sebenarnya halal dan sebenarnya daging lembu dan bukan daging lain.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi perkara ini memang kita telah bincangkan dengan Kerajaan negeri Australia dan mereka berjanji untuk bekerjasama dengan kita mematuhi segala syarat-syarat yang dikehendaki oleh kita.

#### LEMBAGA INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM)— GARIS PANDUAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Apakah tugas sebenar Lembaga Industri Berat Malaysia (HICOM) dan adakah diberikan garis panduan mengenai scope operasinya supaya tidak menjadi duplikasi dalam usaha sektor swasta dan keupayaannya;
- (b) bagaimanakah kekuatan tenaga pekerja Lembaga Industri Berat Malaysia dengan menimbang fakta bahawa LIBM (HICOM) akan menjalankan perniagaan secara besar-besaran dan juga pelaburan, dan sama ada kakitangan-kakitangan mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk menguruskan semula projeknya;
- (c) berapakah jumlah projek LIBM (HICOM) yang sedang dalam rancangan dan berapa banyak kos yang diperlukan untuk membiayai projek-projek tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah Akta Syarikat Tahun 1965 dan memiliki 100% oleh Kerajaan. Perbadanan ini ditubuhkan dengan tujuan mengenali-pasti, merancang, melaksana dan menguruskan projek-projek perindustrian berat. Penyertaan Kerajaan secara langsung dalam industri berat adalah kerana kekurangan penyertaan sektor swasta dalam bidang ini pada masa ini.

HICOM adalah diletakkan di bawah kawalan Perdana Menteri dan garis panduan tentang operasinya adalah ditentukan oleh saya sendiri dari semasa ke semasa. HICOM telah ditugaskan untuk melaksanakan projek-projek yang tertentu yang tidak melibatkan persaingan dengan sektor swasta. Projek-projek HICOM dijangka akan dapat memesatkan lagi pembangunan perindustrian dalam negara ini dan akan memberi banyak faedah kepada sektor swasta melalui industri sampingan. Misalnya, rancangan HICOM untuk melaksanakan projek-projek enjin motosikal akan menggalakkan sektor swasta bagi mengeluarkan komponen lain untuk motosikal. Dengan adanya industri berat yang dikelolakan oleh HICOM boleh menjamin bekalan bahan asasi dan separuh siap untuk penggunaan industri-industri lain. Dalam keadaan yang tertentu, HICOM akan juga menyertai dalam projek-projek industri berat di mana telah ada penyertaan sektor swasta. Penyertaan HICOM ini bukanlah untuk bersaing dengan sektor swasta, tetapi bagi menambah keupayaan sesuatu industri untuk memenuhi keperluan pasaran. Penyertaan HICOM dalam projek simen di Kedah, misalnya, adalah untuk menambah keupayaan pengeluaran simen untuk keperluan pembangunan negara.

(b) Mengenai kekuatan dan kemampuan tenaga pekerja, pada masa ini bilangan kakitangan HICOM adalah masih kecil memandangkan HICOM baru sahaja ditubuhkan dan projek-projek HICOM pun masih lagi dalam peringkat perancangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, kekuatan kakitangannya akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Di antara tenaga pekerja yang ada, terdapat sebilangan pegawai yang berpengalaman dalam perindustrian ini dan sebilangan lagi masih memerlukan latihan. Berbagai-bagai jenis latihan telah diatitkan untuk mereka ini di dalam negeri dan di luar negeri. Latihan dalam berbagai aspek pengurusan perusahaan berat adalah dianjurkan oleh HICOM dari masa ke semasa untuk pegawai-pegawainya.

Adalah menjadi dasar HICOM untuk melaksanakan projek-projeknya melalui usahasama dengan pelabur-pelabur dalam dan luar negeri. Dengan carta ini rakan usahasama akan dapat memberi sumbangan terhadap pemindahan teknologi, kepakaran teknikal, pengurusan dan pemasaran untuk menentukan kejayaan HICOM. Misalnya, dalam projek besiwaja di Terengganu, HICOM telah menubuhkan usahasama dengan Nippon Steel Corporation, sebuah syarikat antarabangsa yang terkenal dalam bidang industri besiwaja.

Buat masa ini, dalam menguruskan projek-projeknya, HICOM menggunakan khidmat perunding dari dalam dan luar negeri di mana difikirkan perlu bagi menambah keupayaan melaksanakan projek-projeknya, khasnya dalam bidang teknikal. Adalah juga menjadi harapan HICOM untuk mewujudkan kepakaran pengurusan industri berat melalui projek-projeknya yang diadakan dari semasa ke semasa.

(c) Sehingga ini HICOM sedang melaksanakan dua projek dengan jumlah kos sebanyak \$1.65 ribu juta. Kedua-dua projek itu ialah Kilang Simen di Pulau Langkawi dan Kilang Besiwaja di Terengganu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan, adakah benar bahawa ekuiti saham HICOM dalam bidang kenderaan ini majoritinya dipegang oleh syarikat asing dan jika benar, dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan peratus sahamnya yang dipegang oleh mereka yang menyertai HICOM dalam bidang kenderaan ini. Yang keduanya, adakah benar HICOM dalam bidang kenderaan ini diberi tugas untuk mengeluarkan kereta buatan Malaysia sendiri?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan kenderaan dimaksudkan injin motosikal, maka ekuiti HICOM adalah lebih rendah daripada ekuiti yang akan dipegang oleh pelabur asing dan juga pelabur tempatan. Tetapi di dalam bidang pembuatan motokar Malaysia, ekuiti yang akan dipegang oleh HICOM adalah sebanyak 70% yang telah ditentukan setakat ini, tetapi masih mungkin kita membuat perubahan jika ekuiti ini perlu diubah.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. HICOM adalah industri-industri yang paling mahal. Memandangkan kemelesetan ini, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimanakah negara kita dapat menampung atau finance industri-industri ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan di dalam industri-industri HICOM ini bukanlah memerlukan wang di waktu ini tetapi memerlukan wang di sepanjang masa daripada sekarang sehingga tahun 1990. Dalam jangka masa itu kita percaya bahawa ekonomi kita akan pulih semula dan juga segala barang buatan yang akan dihasilkan

daripada usaha HICOM ini pasarannya akan meningkat dan boleh memberi return yang mencukupi untuk membiayai segala pinjaman yang terpaksa dibuat untuk pelaburan di dalam perusahaan-perusahaan ini.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa industri-industri berat ini memerlukan pelaburan dan juga harus memastikan pasaran yang mencukupi, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah HICOM bercadang untuk menjalankan projek-projek industri berat secara kerjasama dengan negara-negara ASEAN, dan kalau ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bidang tugas HICOM ialah industri berat dan kita sanggup mengadakan kerjasama ataupun usahasama dengan mana-mana pihak jika didapati bahawa kajian kemungkinannya dapat meyakinkan kita atau memberi hasil daripadanya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahana. Menurut keterangan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, HICOM ini adalah satu pertubuhana yang begitu penting untuk negara kita. Oleh itu, Ahli Lembaga Pengarah mestilah dilantik dari orang yang begitu berpengalaman untuk menjalankan segala tugas-tugas mereka. Saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan siapakah yang menjadi ahli dalam Lembaga Pengarah itu, adakah mereka dilantik sebagai lantikan politik atau separuh dari pihak swasta?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bila perlu kita akan melantik pengarah daripada pihak swasta juga.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi nampaknya

HICOM cuma berkenaan dengan perusahaan-perusahaan berat. Sebagai contoh Simen Langkawi dan besiwaja dan mana-mana industri yang tidak terjejas dengan industri-industri yang ada. Mengapa dan sebab apa HICOM pilih Simen Langkawi, kerana simen telah pun ada di dalam negara kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Simen Langkawi itu dirancang kerana berbagai sebab. Di antaranya ialah walaupun diwaktu ini simen mencukupi tetapi dijangka dalam tahun 1985 sehingga 1990 keperluan simen tidak dapat ditampung oleh kilang-kilang simen yang ada ataupun kilang-kilang simen yang dalam rancangan yang belum diselenggarakan. Selain daripada itu, pihak Kerajaan berpendapat bahawa perlu diadakan perusahaan di Langkawi untuk membangunkan Pulau Langkawi dan perusahaan yang sesuai untuk Langkawi ialah perusahaan yang mana bahan mentahnya terdapat di Langkawi dan di antara bahan mentah yang diperlukan ialah limestone yang terdapat dengan banyaknya di Pulau Langkawi serta juga clay. Inilah sebabnya yang HICOM memasuki dalam bidang ini.

Selain daripada itu, pelaburan untuk simen ini adalah satu pelaburan yang amat besar yang mana tidak seperti di waktu dahulu di mana pelaburan dalam bidang pembuatan simen ini tidak memerlukan belanja yang banyak. Untuk kilang simen di Langkawi pelaburannya adalah lebih daripada \$400 juta dan di samping itu pula oleh kerana kilang ini diletak di tepi laut, maka ianya perlu mempunyai pelabuhan dan pelabuhan ini cuma boleh dibiayai jika pihak Kerajaan mengambil bahagian di dalamnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, memandangkan bahawa negara kita berhasrat untuk membuat kereta-motor sendiri sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah peranan yang akan dimainkan oleh HICOM dalam perkara ini dan sekiranya HICOM bercadang untuk melaksanakan projek ini, sama ada ini akan menjejaskan kilang-kilang pembuat kereta-kereta yang wujud sekarang?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya tidak ada kilang yang membuat kereta sekarang ini di Malaysia, cuma ada kilang-kilang yang memasangkan kereta sahaja. Hasrat HICOM ialah supaya pada suatu hari kita akan membuat kereta di dalam negara kita ini. Walaupun hasrat ini menjadi tumpuan kita tetapi tidaklah kita mengadakan satu perusahaan membuat kereta 100% di dalam negara kita ini dengan sekali gus. Oleh kerana itu, perlulah diadakan satu permulaan dan permulaan ini merupakan satu kerjasama antara HICOM dengan sebuah syarikat motokar daripada Jepun di mana daripada peringkat awalnya sudah pun diadakan kerjasama dalam bidang-bidang yang biasanya dirahsiakan oleh syarikat-syarikat motokar, umpamanya dalam bidang merekabentuk dan membuat ujian awal di dalam motokar yang belum biasa dibuat oleh syarikat-syarikat ini.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan di dalam beberapa hal HICOM memerlukan usahasama daripada luar dan di samping itu HICOM juga memerlukan kemasukan modal teknologi dan kepakaran lantaran negara kita kekurangan ketiga-tiga faktor yang saya sebutkan tadi. Jadi sejauh manakah penelitian Kerajaan tentang pengawasan kemasukan modal, teknologi dan kepakaran tersebut ke dalam HICOM ini supaya kemasukan modal, teknologi dan kepakaran itu benar-benar memberikan manfaat dan faedah kepada HICOM itu sendiri?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu kita boleh tentukan sama ada kepakaran teknologi dan sebagainya adalah benar-benar kepakaran teknologi dan modal yang diperlukan, tetapi untuk menentukan perkara itu kita sendiri perlu mengadakan pengalaman dan kecekapan itu tidak akan diperolehi oleh kita melainkan kita masuk di dalam bidang itu. Jadi ini adalah soal yang sama seperti yang mana lebih dahulu telur ataupun ayam. Kalau kita hendak tunggu dapat ayam tetapi tak ada telur mungkin takkan wujud ayam, begitu juga kalau tak ada ayam mungkin tak ada

telur. Jadi kenalah ada satu-satu titik-permulaan dan mungkin juga dalam proses itu kita mengalami kerugian ataupun kita ditipu, tetapi itu bergantunglah kepada kecekapan kita sendiri.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan kita akan pada satu hari kelak mengeluarkan kereta-kereta sendiri. Adakah HICOM ini juga bercita-cita pada satu masa nanti akan mengeluarkan enjin kapalterbang memandangkan Perdana Menteri sebagai Menteri Pertahanan tentulah mengetahui bahawa kita mengeluarkan banyak wang, beratus-ratus juta ringgit kepada Kementerian Pertahanan, mungkin dapat kira mengurangkan dengan izin, foreign exchange dan juga membekalkan angkatan tentera kita sendiri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia bercita-cita besar dan kita berhasrat bukan sahaja untuk membuat enjin kapalterbang, bahkan enjin roket pun (*Ketawa*) kita teringin juga kita hendak buat, tetapi sepertimana saya katakan tadi semua ini mestilah ada permulaan dan apa yang sedangkan kita usahakan sekarang ini ialah titik permulaan supaya kita dapat mencapai matlamat seberapa tinggi yang boleh.

#### SKIM RUKUN TETANGGA— KAJIAN SEMULA

**6. Tuan Tan Kok Hooi** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar banyak hari kerja telah dibazirkan oleh kerana Rukun Tetangga; jika ya adakah beliau sedia mengkaji semula Skim Rukun Tetangga.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, dari penilaian am mengenai Skim Rukun Tetangga yang telah bermula pada tahun 1975, adalah didapati bahawa ianya berguna dan berkesan untuk rakyat. Ia telah dapat memainkan peranan yang berkesan dalam

mencegah serta membentasi ancaman-ancaman jenayah dan keharmonian kejiranan dan telah dapat memelihara kesejahteraan penduduk tempatan. Dengan demikian tidaklah tepat kalau dikatakan bahawa banyak hari kerja telah dibazirkan kerana Skim Rukun Tetangga.

Sebagaimana yang telah diumumkan, Kerajaan telah pun membuat kajian semula dari aspek pelaksanaan Skim Rukun Tetangga yang dikaitkan pula dengan rancangan perhubungan masyarakat untuk dikuatkuasakan di beberapa tempat tertentu sahaja. Dengan lain perkataan, kajian ini dibuat dengan tujuan untuk mengubahsuaikan Skim Rukun Tetangga kepada suatu corak yang lebih praktikal. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Urusetia Rukun Tetangga telah pun dicantumkan dengan Lembaga Perpaduan Negara. Jadi kajian yang telah dibuat itu tertumpu kepada penerapan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga dengan aktiviti-aktiviti Perhubungan Masyarakat yang selama ini mempunyai banyak aspek yang bertindih. Hasilnya ialah bahawa aktiviti-aktiviti yang sama ini, iaitu yang bercorak muhibah dan bagi memupuk keharmonian kaum sambil menjaga keselamatan tempatan, disatukan di bawah nama Rukun Tetangga.

Pengubahsuaian ini melibatkan tiap-tiap sektor Rukun Tetangga itu dibahagikan kepada 3 kategori:

**Kategori 1** — Kawasan/Sektor yang dianggap aman dan tenteram di mana perhubungan masyarakat adalah baik. Pendaftaran serta rondaan wajib tidak diadakan dan kegiatan kemasyarakatan melalui konsep kejiranan dijalankan.

**Kategori 2** — Kawasan-kawasan di mana keadaan mula merosot maka pendaftaran penduduk-penduduk di-

wajibkan, tetapi rondaan belum dikuatkuasakan. Konsep kejiranan terus dijalankan.

**Kategori 3** — Kawasan-kawasan di mana keamanannya terancam atau tiada lagi wujud keamanan di situ akibat jenayah dan sebagainya, maka pendaftaran terus dilaksanakan dengan ronda wajib dikuatkuasakan di bawah Undang-undang Rukun Tetangga. Rondaan adalah dianggap sebagai salah satu kegiatan kejiranan. Kegiatan-kegiatan kejiranan yang lain terus dijalankan.

Jadi walaupun kawasan-kawasan dibahagikan kepada tiga kategori, di ketiga-tiga kategori itu konsep kejiranan untuk memupuk muhibah dan keharmonian antara rakyat dijalankan. Pembahagian kategori ini boleh ditukar-tukarkan mengikut keadaan keselamatan kawasan itu masing-masing.

Ketetapan mengenai kategori kawasan akan dibuat oleh pihak-pihak berkuasa dengan kerjasama jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga, pihak polis dan badan-badan lain.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kerajaan bercadang memberi elaun kepada anggota-anggota Rukun Tetangga yang menjalankan tugas mereka?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya Perbendaharaan telah bersetuju satu peruntukan yang mencukupi bagi tahun 1983 tetapi jumlah belumlah ditentukan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Suka saya bertanya Timbalan Menteri apakah garis panduan yang digunakan untuk membahagikan Rukun Tetangga kepada ketiga-tiga kategori yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jawab soalan itu dengan lanjutnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kajian semula yang tersebut tadi adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri akan mencadangkan bahawa dalam kategori ketiga bagi orang yang mengambil bahagian dalam rondaan itu akan menerima latihan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kajian itu telah pun selesai.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa peruntukan kewangan akan diberikan kepada sektor-sektor Rukun Tetangga pada masa yang akan datang. Jadi, adakah pemberian peruntukan itu melibatkan ketiga-tiga jenis kawasan yang telah disebutkan tadi ataupun hanya diberikan kepada kawasan yang dikatakan sebagai kawasan terancam di mana rondaan-rondaan dijalankan oleh ahli-ahli dalam sektor tersebut?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sewajarnya akan diberikan kepada sektor-sektor Rukun Tetangga tak kira apa kategori pun.

**Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri mengenai pegawai-pegawai Kerajaan ataupun badan-badan swasta apabila mereka menjalankan tugas Rukun Tetangga ini mereka akan diberi cuti tanpa rekod dan bergaji penuh. Bagaimana pula dengan orang-orang awam yang tidak bekerja atau yang bekerja sendiri di mana pada esok harinya mereka tidak dapat menjalankan tugas kerana telah berjaga sepanjang malam, adakah Kerajaan akan memberi sedikit saguhati kepada orang-orang yang seperti ini?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kakitangan Kerajaan atau pekerja swasta yang membuat rondaan,

keadaan tidak akan berubah, berkenaan dengan cadangan saguhati, soal itu tidak timbul.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Soalan tambahan. Buat sementara ini Sekim Rukun Tetangga cuma dilaksanakan dalam bandar, adakah pada tahun hadapan Sekim Rukun Tetangga dilaksanakan juga di luar bandar, misalnya kampung-kampung, kampung-kampung baru dan juga dalam estet?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sektor-sektor Rukun Tetangga di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalain, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tertinggal daripada menjawab soalan No. 3, sekarang saya mempersilakan Tuan Sim Kwang Yang memulakan soalan No. 3 ini.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu tidak ada?

**Tuan Fung Ket Wing:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf, saya ingat Yang Berhormat itu ada, tidak payah dijawab soalan itu. Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

## LINTASAN KERETAPI (LEVEL CROSSING) BERGATE

7. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebabnya diakhir-akhir ini banyak sangat gate keretapi (level crossing) dipasang semula, yang pada suatu masa dahulu dipunggang buang langsung. Adakah ini disebabkan kerana banyak kemalangan jiwa di situ semakin bertambah; dan berapa banyak perbelanjaan negara ditanggung oleh Keretapi Tanah Melayu memunggang gate lama dan memasang gate baru.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tiada gate ataupun lintasantara keretapi (level crossing) yang pada satu masa dahulu dipungyah dan buang langsung dan pada akhir-akhir ini dipasang semula seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Apa yang sebenarnya berlaku adalah bahaya akibat daripada beberapa kemalangan yang telah berlaku semenjak beberapa tahun yang sudah, seluruh rangkaian lintasantara KTM telah diarah dijadikan lintasantara bergate. Perbelanjaan untuk menukar taraf 45 buah lintasantara terbuka itu untuk dijadikan lintasantara bergate ialah \$10.6 juta iaitu lebih kurang \$236,000 sebuah. Pembinaan kesemua lintasantara bergate ini bermula pada 10hb Disember, 1982 dan disiapkan pada 12hb Mac, 1983.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sungguh terperanjat apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab mengatakan tidak ada lintasantara ini dibuang, tetapi di tempat saya di Kobah dan di Tokai memang ada dahulu, semasa saya kecil saya masih ingat ada dua gate keretapi itu dibuang, tetapi sekarang dipasang balik di tempat saya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diberi kepada saya ini tidak termasuk perkara yang berlaku berpuluh-puluh tahun dahulu iaitu apabila Yang Berhormat masih kecil lagi. (*Ketawa*).

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Kerajaan menimbangkan untuk mengadakan pintu lintasan automatik (automatic level crossing gate) di semua lintasan keretapi supaya dapat mengelakkan daripada kesilapan, dengan izin, human error.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah ditimbangkan oleh pihak Kerajaan dan di mana difikirkan perlu boleh diadakan

otomatik gate seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi ada tempat-tempatnya, terutama sekali di tempat-tempat yang mana tidak banyak kenderaan berlaku di jalan-jalan yang berkenaan adalah memadai kalau kita adakan lintasantara bergate dan tidak memakan belanja yang begitu banyak, sekiranya otomatik gate diadakan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan saya Rantau Panjang didapati banyak lintasantara yang dibuat, tetapi dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi harga tiap-tiap satu lintasantara dipuratakan harganya sebanyak lebih daripada \$236,000. apakah harga yang begini mahal tidak sepadan dengan lintasantara yang telah didirikan, apakah ini juga kerana termasuk bangunan pengawal lintasantara ini?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, harga yang saya sebutkan tadi memanglah termasuk bangunan pengawal, akan tetapi keadaan adalah merupakan harga purata. Tempat-tempat yang mana dari segi keadaan dan juga kawasan, harga itu adalah kurang daripada harga purata yang saya sebutkan tadi. Saya tidak dapat memberi harga yang sebenarnya seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai lintasantara terbuka di kawasannya.

## UNIT PENYERTAAN BUMIPUTERA

**8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah Unit Penyertaan Bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perindustrian yang wujud di peringkat Persekutuan itu boleh dilaksanakan di peringkat negeri yang benar-benar boleh dinikmati oleh Bumiputera agar Pelaksanaannya tidak lari jauh daripada dasar unit ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa di samping Bahagian Penyertaan Bumiputera di lain-lain Kementerian dan Jabatan Kerajaan di peringkat pusat yang juga mempunyai fungsi untuk mempertingkatkan lagi penyertaan Bumiputera di bidang-bidang di mana Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dipertanggungjawabkan. Malahan di Bank-bank Perdagangan juga Unit-unit Penyertaan Bumiputera telah pun ditubuhkan untuk mempergiatkan lagi penyertaan Bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian.

Memanglah terdapat cadangan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputera di Kementerian saya untuk membuka cawangan-cawangan di peringkat negeri. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan pembukaan cawangan-cawangan di peringkat negeri tidak dapat dipenuhi. Sungguhpun begitu Bahagian Penyertaan Bumiputera di Kementerian saya sentiasa sahaja mengadakan hubungan yang rapat dengan Unit Penyertaan Bumiputera yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menentukan terdapat penyelarasan tugas dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Oleh yang demikian akan mengelakkan percanggahan di dalam pelaksanaan program-program peningkatan Bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian.

Di samping itu Bahagian Penyertaan Bumiputera di Kementerian saya juga sentiasa mengadakan perhubungan yang rapat dengan lain-lain agensi dan persatuan di peringkat negeri seperti Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, Pejabat MARA Negeri, Dewan-dewan Perniagaan dan Persatuan-persatuan Penjaja Melayu untuk menentukan pelaksanaan dasar Kerajaan dapat dilakukan dengan berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Mohamad Razlan bin Haji Hamid tidak hadir).

## PROJEK TLDM LUMUT— PENGAMBILAN TANAH

**10. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pertahanan adakah beliau sedar bahawa semenjak pengambilan tanah untuk tapak TLDM di Lumut pada 1970, sebahagian pemilik tanah sehingga hari ini masih belum menerima pembayaran pampasan kerana kehabisan peruntukan wang di Kementerian Pertahanan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, semua pemilik-pemilik tanah yang terlibat dalam pengambilan balik tanah untuk projek TLDM Lumut, Perak itu telah pun dibayar pampasan mereka masing-masing. Walau bagaimanapun masih terdapat seramai 30 orang yang enggan menerima bayaran ini kerana mereka tidak puas hati dengan nilai pampasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua penilaian dan bayaran pampasan adalah diuruskan oleh Pemungut Hasil Tanah Dinding, Perak. Mereka ini yang tidak puas hati terhadap nilai pampasan telah membuat rayuan ke Mahkamah. Sementara menunggu arahan Mahkamah atas rayuan tersebut wang pampasan mereka itu adalah disimpan oleh Mahkamah.

Oleh itu adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan ada pemilik tanah yang masih belum menerima pembayaran pampasan kerana kehabisan peruntukan wang di Kementerian saya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Timbalan Menteri berkenaan apakah garis panduan untuk menentukan nilai pembayaran itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak berarkan. Perkara itu terkandung di dalam Akta Pengambilan Tanah, sila baca yang itu adalah syarat-syarat, bagaimana panduan-panduan dan sebagainya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Terima kasih.

## KAD PENGENALAN BEKAS PERAJURIT

11. **Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar beberapa orang bekas-bekas perajurit tanahair belum dapat balik kad-kad pengenalan mereka selepas mereka tamat berkhidmat dari Angkatan Tentera Malaysia. Adakah mereka tidak mempunyai kad pengenalan selama beberapa tahun selepas tamat berkhidmat. Jika ya, apakah langkah-langkah dan tindakan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa ada sebilangan kecil bekas-bekas perajurit yang belum lagi dapat kad-kad pengenalan mereka walaupun mereka telah tamat perkhidmatan dari Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses untuk mengeluarkan kad pengenalan awam kepada bakal-bakal pesara dilaksanakan 9 bulan sebelum tempoh persaraan seseorang anggota Tentera itu. Butir-butir mengenai kad-kad pengenalan yang belum lagi dapat dikembalikan kepada mereka yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) di Semenanjung Malaysia 77 orang
- (b) Negeri Sarawak .. .. 48 orang
- (c) Negeri Sabah .. .. 15 orang

Kad-kad pengenalan tersebut tidak dapat dimajukan kepada mereka kerana mereka telah menukar alamat asal tanpa memberitahu alamat baru kepada pihak berkenaan. Kementerian saya telah dan masih lagi berusaha menghubungi mereka yang berkenaan melalui sebaran am dan juga melalui Persatuan Bekas-bekas Perajurit Negeri untuk mengesan mereka supaya kad-kad tersebut dapat disampaikan.

Adalah tidak benar bahawa mereka ini tidak mempunyai sebarang kad pengenalan diri selepas tamat perkhidmatan, sebaliknya mereka ini sedang memiliki surat pengenalan

sementara NR 7 yang telah diberikan kepada mereka semasa penyerahan kad pengenalan semasa tarikh persaraan mereka. Mereka ini akan terus menggunakan NR 7 sehingga kad pengenalan awam mereka siap.

## RUMAH PANGSA KOS RENDAH—KEKURANGAN

12. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kekurangan teruk rumah-rumah pangsa kos rendah di Kuala Lumpur dan terdapat pemohon-pemohon yang menunggu selama 10 tahun untuk menyelesaikan masalah ini dan juga nyatakan jumlah unit rumah termasuk rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya bercadang membina dalam tahun 1982 hingga 1988; sila beri angka-angka bagi setiap tahun.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan memang menyedari masalah kekurangan rumah-rumah pangsa kos rendah di Wilayah Persekutuan ini dan memberi perhatian yang berat terhadap masalah itu. Oleh yang demikian berbagai tindakan telah dan sedang diambil untuk mengatasinya:

- (1) Mengenakan syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah unit rumah yang hendak dibina oleh sesuatu pemaju perumahan swasta mestilah terdiri daripada rumah kos rendah, termasuk jenis rumah pangsa.
- (2) Penggunaan secara maksima dan ekonomi ke atas tanah-tanah Kerajaan yang diluluskan untuk tujuan perumahan awam dengan mendirikan rumah-rumah yang bertingkat.
- (3) Membina rumah-rumah panjang sama ada mengikut cara biasa ataupun secara pasangsiap bagi memenuhi keperluan yang segera dan dalam jangka masa yang pendek.
- (4) Menggunakan teknik-teknik pembinaan yang baru yang dapat mempercepatkan proses pembinaan seperti sistem pasangsiap ataupun secara "turnkey".

- (5) Melantik agensi-agensi separuh Kerajaan bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan, misalnya PAREMBA bagi memajukan kawasan Ladang Hawthornden.

Kesemua tindakan-tindakan yang telah disebutkan itu diharap dapat mencepatkan lagi matlamat menyiapkan lebih kurang 30,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat untuk menampung keperluan yang sentiasa meningkat.

Jumlah rumah kos rendah yang dirancang untuk dibina oleh Dewan Bandaraya mengikut tahun ialah:

3,968 unit bagi tahun 1982.

2,507 unit bagi tahun 1983.

9,127 unit bagi tahun 1984.

13,265 unit bagi tahun 1985.

Sebanyak 2,109 unit telah pun siap dibina dalam tahun 1981.

Mengenai jumlah bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988 yang mana Yang Berhormat ingin tahu itu tidaklah dapat dikemukakan lagi di Dewan yang mulia ini kerana perancangan itu akan dimasukkan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kelima kelak. Kerajaan juga sedang menggalakkan supaya pihak swasta juga memperhebatkan lagi usaha-usaha membina rumah-rumah kos rendah dan menjualkannya kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa dengan pembinaan rumah-rumah pangsa yang tinggi di tengah-tengah bandar atau Wilayah Persekutuan ini akan memburukkan pandangan dari segi keadaan penggunaan flat tersebut. Jadi apakah ada dalam perancangan Kementerian untuk membina rumah-rumah pangsa yang tinggi ini di pinggir-pinggir bandar, di luar-luar tepi sempadan supaya pandangan keindahan Kuala Lumpur ini tidak akan dikotori.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan kita rumah-rumah yang dibina ini, terutama rumah-rumah tinggi ini mengikut keadaan dan tempat-tempat yang sesuai tetapi saya ingat Yang Berhormat itu tentu sedia maklum Wilayah Persekutuan kurang dari 100 batu persegi, terlalu kecil untuk menampung satu juta lebih manusia, jadi terpaksa rumah-rumah yang bertingkat-tingkat diadakan untuk memberi juga peluang kepada perusahaan-perusahaan perdagangan untuk ditambah supaya lebih banyak lagi di Kuala Lumpur ini.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu Kerajaan kita ada membuat rumah-rumah kos rendah dan kos tinggi. Rumah yang kos tinggi ialah \$70,000 ke atas, yang kos rendah \$25,000 ke atas. Apakah Kerajaan tidak ada cadangan membuat rumah kepada orang-orang yang berpendapatan meleset, iaitu orang yang berpendapatan sedikit betul yang tidak berkemampuan beli rumah yang \$25,000, oleh yang demikian orang-orang ini didapati tidak ada rumah langsung. Yang \$25,000 mereka itu berupaya membeli rumah-rumah juga tetapi berapa banyak rakyat yang langsung tidak ada rumah, kenapa tidak ada dinamakan "kos meleset" namanya.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya kurang faham yang dipanggil "kos meleset" ini, mungkin sulap agaknya, tetapi dalam keadaan barang yang sudah meningkat saya rasa perkara kos ini tentu tidak dapat diturunkan. Walaupun begitu, bagi mereka yang benar-benar tidak dapat membeli rumah ini kita telah memberi peluang bagi mereka untuk menyewa pula rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan ini. Selain daripada itu, seperti yang saya katakan tadi kita juga bercadang membina rumah-rumah panjang yang mana rumah ini harganya lebih rendah daripada rumah kos rendah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa

penjagaan dan penyeliaan rumah-rumah pangsang di sekitar Kuala Lumpur ini boleh dikatakan tidak memuaskan langsung, sampah berselerak di sana sini dan lif pun sentiasa rosak, tempat-tempat rekreasi tidak cukup dan dewan-dewan bagi kebajikan penghuni boleh dikatakan tidak ada langsung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak berbangkit.

### PEPERIKSAAN KELAYAKAN LULUSAN PERUBATAN

**13. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan peperiksaan kelayakan bagi mereka yang memegang ijazah perubatan daripada universiti dan kolej yang tidak diiktirafkan; sama ada beliau bersetuju adalah lebih baik membenarkan mereka ini memasuki perkhidmatan Kerajaan di bawah penyeliaan doktor-doktor yang berpengalaman lebih kurang lima tahun untuk mereka memperolehi pengalaman sebelum mereka diiktirafkan mengatasi masalah kekurangan doktor di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, peperiksaan kelayakan bagi lulusan perubatan daripada Universiti-universiti yang tidak diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia diadakan 2 kali setahun. Peperiksaan ini diselenggarakan bersama oleh Majlis Perubatan Malaysia dengan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia secara bergilir-gilir.

Usaha ini dapat membantu menambah bilangan para doktor negara ini di samping memenuhi hasrat beberapa orang warganegara untuk mengamalkan ilmu perubatan yang dituntut oleh mereka. Oleh itu pada masa ini peperiksaan ini masih diteruskan. Walau bagaimanapun Majlis Perubatan Malaysia sedang mengkaji masalah-masalah berkaitan dengan peperiksaan kelayakan ini dan akan memberi pandangannya kepada Kementerian saya.

### HOSPITAL BARU SIBU

**14. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan Negeri Sarawak menyampaikan cadangan-cadangan dan pelan-pelan bagi membina Hospital Sibu dan memohon peruntukan wang baginya. Jika ada, bila Hospital baru yang dicadangkan mula dibina dan jumlah perbelanjaan baginya.

**Dato' Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu projek hospital baru telah diluluskan untuk Sibu. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan telah diluluskan untuk pengambilan tapak tanah sahaja. Pembinaan Hospital Baru Sibu dijadual untuk dimulakan pada pertengahan tahun 1985. Kos hospital baru ini dianggarkan sebanyak \$59.7 juta.

### CUKAI PUNGUTAN SAMPAH

**15. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar pihak Dewan Bandaraya telah mengumumkan secara rasmi satu perintah bahawa semua bangunan perdagangan besar termasuk hospital persendirian; terpaksa memungut sampah sendiri; jika benar adakah beliau sedar salah satu perkhidmatan pokok Dewan Bandaraya yang dijangkakan oleh penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan yang membayar cukai ke atas hartanya ialah pungutan sampah dan jika ya, sekiranya pihak Dewan Bandaraya tidak memungut sampah sarap maka mengapa pemilik-pemilik bangunan perdagangan besar terpaksa membayar cukai.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat itu izinkan saya memaklumkan bahawa perintah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah Undang-undang Kecil (Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap) Wilayah Persekutuan, 1981 yang telah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1982 yang lalu.

Undang-undang Kecil itu memperuntukkan supaya buangan perindustrian dan buangan perdagangan dilupuskan oleh establishment perindustrian atau yang berkenaan di mana-mana tempat pembuangan sampah yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur atau sebagaimana yang telah diarahkan oleh Dewan Bandaraya. Establishment perindustrian atau perdagangan yang dimaksudkan ini meliputi kompleks membeli-belah, bangunan pejabat dan firma, hotel, bank dan hospital persendirian yang mengeluarkan sampah-sarap melebihi muatan biasa sebanyak 1.53 meter padu sehari. Ini bermakna rumah-rumah dan bangunan-bangunan perdagangan kecil yang mengeluarkan sampah-sampah yang kurang daripada muatan itu tidak terlibat. Sebenarnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun mengeluarkan arahan sedemikian secara administrative sejak tahun 1980 lagi.

Dengan berkuatkuasanya Undang-undang Kecil (Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap) Wilayah Persekutuan, 1981 dan pengeluaran notis kepada 47 buah bangunan perdagangan supaya menyelenggarakan sendiri pungutan sampah masing-masing mulai 1hb Oktober, 1982; Perintah itu lebih efektif. Sehingga 6hb Oktober, 1982 hanya 4 buah bangunan perdagangan yang masih memerlukan perkhidmatan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur atas sebab-sebab tertentu dan mereka dikenakan bayaran berdasarkan kepada jumlah sampah yang dipungut.

Izinkan saya menjelaskan di sini bahawa rasional disebalik penguatkuasaan Undang-undang Kecil itu ialah untuk menjimatkan perbelanjaan bagi perkhidmatan pembuangan sampah, kegunaan kenderaan dan tenaga pekerja oleh kerana sampah-sarap yang dikeluarkan oleh bangunan-bangunan perdagangan yang besar-besar adalah terlalu banyak dan berbagai-bagai jenis di samping sukar untuk dianggarkan jumlah dan jenisnya. Sebagai contoh, bagi tahun 1982 sahaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terpaksa membelanjakan lebih

daripada \$13 juta untuk perkhidmatan memungut sampah-sarap. Ini tidak termasuk memungut sampah-sarap perindustrian. Faktor kedua ialah membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menumpukan perkhidmatannya terhadap kawasan-kawasan dan taman-taman perumahan.

Saya tidaklah menafikan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memungut cukai taksiran iaitu untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan awam dan kemudahan-kemudahan asas yang dibekalkan untuk penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan. Tetapi kita harus ingat bahawa perkhidmatan pungutan sampah hanyalah salah satu daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Ada lagi perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain yang lebih penting daripada itu, misalnya perkhidmatan kesihatan, pembinaan jalan-jalan dari parit-parit dan lain-lain lagi. Lagi pun Undang-undang Kecil itu tidak dikenakan kepada kesemua bangunan perdagangan, hanyalah meliputi bangunan-bangunan perdagangan yang besar-besar sahaja yang mempunyai muatan sampah-sarap yang tertentu. Oleh itu adalah wajar bagi bangunan-bangunan tersebut menyelenggarakan pungutan sampah masing-masing atau dikenakan bayaran jika Dewan Bandaraya yang menyelenggarakannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan seumpama ini dikuatkuasakan bukan sahaja di beberapa bandar lain di Malaysia ini tetapi di lain-lain tempat, misalnya di London dan di Tokyo. Walau bagaimanapun, hospital-hospital persendirian yang tidak berkemampuan dan ingin menggunakan perkhidmatan Dewan Bandaraya bolehlah mengemukakan permohonan mereka untuk dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Saya tidak benarkan soalan tambahan.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 9 dan 16 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).*

## BADAN PENCEGAH RASUAH SARAWAK—SIASATAN

**3. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes-kes yang telah dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah di Sarawak dalam tempoh dua belas bulan yang lalu, bilangan yang disiasat, bilangan yang dibawa ke mahkamah dan apakah kekuatan Badan tersebut di Sarawak.

**Perdana Menteri:** Dalam tempoh setahun yang lalu sebanyak 459 kes telah dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah di Sarawak. Daripada jumlah itu sebanyak 259 kes sedang disiasat oleh BPR dan 3 kes telah pun dibawa ke mahkamah.

Mengenai kekuatan BPR Sarawak, dari segi tenaga pekerja, badan itu sekarang mempunyai sejumlah 43 orang kakitangan yang terdiri daripada berbagai kumpulan.

## TANAH KAWASAN PADI DI TANAM GETAH

**9. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada sebidang tanah yang ada pada asalnya adalah untuk penanaman padi dan diluluskan untuk tanaman getah dan seterusnya bayaran hasilnya dinaikkan tetapi apabila permohonan dibuat untuk ditanam dengan getah permohonan ini ditolak oleh RISDA jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil supaya perkara seperti ini tidak akan berlarutan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Soalan Ahli Yang Berhormat tidak dapat saya pastikan oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak membangkitkan masalah yang khusus. Bagaimanapun secara am bantuan Tanaman Semula yang diberi oleh RISDA adalah menurut peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Tiap-tiap tanah yang diberi bantuan Tanaman Semula seharusnya mempunyai atau telah ditanam dengan getah tua. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bantuan Tanaman Semula adalah daripada wang ses yang dikenakan daripada

getah yang diekspot. Pekebun Kecil yang memerlukan bantuan Tanaman Semula bagi tanah yang di Ubah Syarat seharusnya menentukan bahawa tanah itu berhak mendapat bantuan sebelum mereka membuat permohonan Ubah Syarat daripada Kerajaan Negeri tertentu. Sekiranya tanah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak mempunyai pokok getah tua sebelum Ubah Syarat dilaksanakan sudah seharusnya ia tidak berhak menerima bantuan Tanaman Semula daripada RISDA. Dalam lain perkataan tiap-tiap tanah yang telah diluluskan Ubah Syarat daripada lain-lain jenis kepada getah tidak semestinya berhak menerima bantuan tanaman semula dari RISDA.

## MARA—LANTIKAN PENERUSI

**16. Datuk Haji Aabu Bakar bin Umar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapakah MARA dipindahkan dari Kementerian Perusahaan Awam kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan mengapakah Pengerusi MARA yang biasanya dilantik dari kalangan MCS tetapi sekarang ini MARA diketuai oleh seorang ahli politik. Adakah beliau sedar bahawa anak-anak Syarikat MARA sedang menghadapi kerugian berjuta-juta ringgit. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi hal-hal tersebut.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** MARA pada mulanya memang telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tetapi apabila Kementerian ini telah dibubarkan, MARA telah diletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Apabila Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan semula wajarlah MARA diletakkan kembali di bawah Kementerian asalnya.

Perlantikan Pengerusi MARA adalah sebagaimana mengikut Seksyen 4 Akta MARA yang mana tiada menghadkan

perlantikan kepada mana-mana profession. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat belum pernah seorang ahli MCS dilantik sebagai Pengerusi MARA.

Saya sedar memang ada terdapat anak-anak Syarikat MARA yang rugi. Walau bagaimanapun terdapat juga anak-anak Syarikat MARA yang telah membuat keuntungan. Salah satu faktor bagi kerugian ini ialah disebabkan peranan sosial yang telah dibebankan ke atas anak-anak syarikat ini.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui Pasukan Petugas buat pertama kalinya, sedang mengkaji dengan mendalam kedudukan anak-anak Syarikat MARA. Anak-anak syarikat yang mendapat keuntungan akan dipindah milik kepada bumiputera yang layak, sejajar dengan dasar kerajaan. Bagi anak-anak syarikat yang rugi, usaha-usaha akan dibuat supaya dapat anak-anak syarikat itu dibaik-pulih. Anak-anak syarikat yang rugi berterusan dan tidak dapat diselamatkan akan ditutup.

#### DASAR PANDANG KE TIMUR— PERATURAN VISA

17. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berlandaskan dasar pandang ke Timur sama ada Kerajaan Malaysia akan mencapai aturan saling (Reciprocal Arrangements) dengan Jepun dan Korea Selatan supaya warganegara Malaysia tidaklah lagi payah memohon visa untuk melawat negara-negara tersebut.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Jepun di peringkat pegawai berkaitan dengan peraturan Visa yang baru yang melibatkan kedua-dua negara.

Mengenai peraturan dengan visa dengan Korea Selatan, Kerajaan sedang mengadakan kajian kemungkinan sebelum tindakan selanjutnya diambil.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.39 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan proviso Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1983 telah dibacakan kali yang kedua dan Usul Pembangunan, tahun 1983 disetujui dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini ditangguhkan kepada jam 2.30 petang hari esok.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan proviso Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1983 dibacakan kali yang kedua dan Usul Pembangunan, tahun 1983 disetujui dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini ditangguhkan kepada jam 2.30 petang hari esok.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (5hb November, 1982).

## DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,699,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (5hb November, 1982).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Menteri Pertanian.

3.40 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan mata pukat, percubaan-percubaan telah pun dilakukan di atas penggunaan mata pukat 38 millimeter ataupun 1½ inci dan didapati bahawa perbezaan tangkapan dari mata pukat tersebut berbanding dengan mata pukat 25 milimeter ataupun 1 inci tidak jauh bezanya.

Seperti yang dimaklumkan bahawa negara kita sedang mengalami kekurangan sumber ikan dan ini dapat dilihat daripada tangkapan ikan komersial yang menurun dari setahun ke setahun. Oleh itu, tindakan mengawal sumber ikan yang lebih efektif perlu dijalankan. Dengan penggunaan mata pukat

di atas iaitu 38 millimeter lebih banyak anak-anak ikan akan terselamat dari ditangkap dan seterusnya dapat menjamin sumber ikan di masa hadapan.

Menyentuh tentang pemerosesan pemberian subsidi kepada nelayan-nelayan tradisional, suka dimaklumkan di sini bahawa mulai tahun depan pemerosesan dan pemilihan nelayan yang layak dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia yang akan bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Tempatan. Saya percaya dengan ada kerjasama di antara kedua pihak ini pemberian subsidi akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Kerajaan memberi insentif kepada nelayan untuk menceburkan diri dalam perusahaan, pembinaan, perniagaan, pemerosesan dan pemasaran, sukacita saya maklumkan bahawa pihak Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia memang memberi insentif kepada nelayan untuk menceburkan diri di dalam berbagai perusahaan berkaitan dengan perikanan melalui Persatuan-persatuan Nelayan.

Menjawab teguran dan cadangan dari beberapa Ahli Yang Berhormat supaya bekalan daging dan susu dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan negara dan juga mengenai perbekalan susu di sekolah-sekolah, sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan memang menggalakkan penternakan lembu susu khusus untuk menambah pendapat penternak-penternak kecil. Strategi dan langkah jangka panjang sedang dikaji merangka pelan-pelan pelaksanaan untuk mempergiatkan lagi pengeluaran dan mempertingkatkan kadar penggunaan serta pemasaran susu keluaran tempatan. Kementerian Pertanian juga melalui agensi-agensinya, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan FAMA sedang giat memperluaskan ruang-ruang pemasaran susu cair di seluruh negara. Kementerian juga sedang berusaha bersama Kementerian Pelajaran untuk menambahkan bekalan susu ke sekolah-sekolah dan juga bilangan sekolah-sekolah yang mengambil bahagian di bawah rancangan amalan makanan dan

pemakanan. Pungutan susu oleh pusat-pusat perkumpulan susu mengikut tahun-tahun adalah berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Litre</i>
1978 .. .. .	1,600,418
1979 .. .. .	1,571,542
1980 .. .. .	1,718,824
1981 .. .. .	2,670,968
1982 sehingga akhir bulan September	3,685,029

Kutipan susu telah meningkat lebih daripada 130% jika dibandingkan dengan pungutan tahun 1978.

Mengenai cadangan supaya daging dieksport ke luar negeri, adalah dimaklumkan bahawa kos pengeluaran ayam daging di Malaysia adalah terlalu tinggi. Oleh yang demikian peluang untuk mengeksport ayam daging adalah terhad. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji pengalakkan perusahaan tersebut bagi membolehkan pengeksportannya di negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemasaran pula beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memperbaiki sistem yang ada. Saya suka tegaskan bahawa usaha ke arah mewujudkan golongan pertanian yang berorientasikan perdagangan akan terus dipesatkan. Petani-petani dan peladang-peladang akan diberi kesedaran mengenai kenaikan dan kejatuhan harga komoditi pertanian yang mereka hasilkan, terutamanya yang bergantung kepada pasaran dunia. Mereka harus sensitif mengenai perkara ini dan berusaha meningkatkan mutu hasil yang dikeluarkan di samping meninggikan produktiviti mereka. Kemudahan-kemudahan yang diperlukan telah sedia wujud dan akan diperbanyakkan.

Menyentuh cadangan supaya diadakan jaminan harga adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini tidak bercadang hendak mengadakan harga-harga tetap

jaminan bagi hasil-hasil pertanian selain daripada padi yang merupakan hasil tanaman stratifik untuk negara kita. Sungguhpun demikian, Kerajaan melalui cara-cara yang lain sedang berusaha untuk menentukan bahawa petani-petani mendapat harga-harga yang berpatutan untuk hasil-hasil mereka seperti menyertai dalam pembelian dan pemerosesan hasil-hasil pertanian sekiranya petani-petani sukar menjualnya. Mengawal pembeli-pembeli supaya memberi layanan yang adil kepada petani-petani dari segi timbang-menimbang, potong-potongan dan penetapan mutu untuk hasil-hasil mereka. Memberi tunjuk ajar kepada petani-petani untuk mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi. Meluaskan pasaran di luar negeri supaya Malaysia dapat mengesport hasilnya kepada lebih banyak negara daripada masa-masa yang lalu. Di samping itu bagi hasil-hasil tanaman jangka pendek dan sederhana seperti sayur-sayuran, ternakan, Kementerian Pertanian telah mewujudkan Jawatankuasa Bersepadu khas untuk menyelaraskan semua aspek kegiatan bukan sahaja dari segi pertanian tetapi juga dari segi pemasaran, persediaan kemudahan-kemudahan kredit, penyelidikan dan lain-lain perkhidmatan dan sokongan. Usaha-usaha bersepadu seperti ini akan dapat mengurangkan sebahagian daripada masalah-masalah pasaran yang dihadapi oleh petani-petani.

Berhubung dengan kemudahan kredit, Bank Pertanian Malaysia akan membuka cawangan-cawangan mengikut keperluan satu-satu kawasan itu dengan berpandukan kepada perancangan untuk memesatkan aktiviti pertanian dan asas pertanian di kawasan-kawasan berkenaan. Di Sarawak Bank Pertanian telah pun membuka dua cawangan iaitu di Kuching dan Sarikei. Bank Pertanian juga bercadang untuk membuka empat lagi cawangan menjelang akhir tahun 1985. Dengan adanya cawangan-cawangan ini kelak petani di Sarawak akan mengambil kesempatan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Bank Pertanian untuk kemajuan pertanian dan asas pertanian di negeri tersebut.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian yang telah diberikan terhadap Kementerian Pertanian. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

3.50 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menggulung serta memberi penjelasan di atas saranan, cadangan dan buah fikiran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian Penerangan semasa berucap membahaskan Usul Rang Undang-undang Perbekalan 1983, yang telah berlangsung sejak beberapa hari yang lalu. Di atas segala cadangan dan teguran yang disampaikan itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih serta menyanjung tinggi kerana pandangan dan teguran itu adalah dengan maksud membawa ke arah meningkatkan lagi prestasi di Kementerian saya ini. Namun begitu jika ada pandangan dan teguran yang tidak saya sentuh kelak, tidaklah bermakna saya mengeneipikan langsung, tetapi pihak saya telah pun memberi perhatian dan jika perlu tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil bagi melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bahasa dan rancangan-rancangan di Radio dan TV telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini. Mengenai bahasa di rangkaian-rangkaian Radio dan TV sepertimana yang telah diterangkan dahulu di Dewan ini, Kementerian saya sangat berpuas hati dengan penggunaan bahasa-bahasa tersebut. Penggunaan Bahasa Malaysia yang tersusun dan sistematik telah dilaksanakan di semua rangkaian Radio dan TV sejajar dengan cita-cita Kerajaan untuk menjadikan sebagai satu bahasa kebangsaan dan alat perpaduan negara ini.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa selain daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin, pihak RTM juga mempunyai rancangan-rancangan dalam Bahasa-bahasa lain iaitu Kongfu (Cantonese), Hakka, Teochew, Kadazan, Murut, Bajau, Bidayu, Iban, Dusun, Bisaya, Kayan, Melanau, Semai, Temiar, Arab, Indonesia, Burma, Thai, Tagalog dan Hokkien, menjadikan jumlah semuanya sebanyak 25 bahasa. Semua perantara bahasa-bahasa ini digunakan adalah dengan tujuan-tujuan tertentu. Penggunaannya di rancangan-rancangan radio tidak pernah dipersoalkan dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai rancangan-rancangan di Radio dan TV pula, saranan dari Yang Berhormat Wakil Parit Buntar mengenai pembaca-pembaca berbangsa Melayu membaca berita-berita dalam Bahasa China dan Tamil, ini akan hanya dapat dilaksanakan jika sekiranya ada orang-orang Melayu yang fasih serta mempunyai kelayakan sepertimana yang diperlukan bagi sesuatu pembacaan berita itu, yang pada masa ini masih berkurangan. Dalam aspek ini pembaca-pembaca bukan sahaja mesti fasih dan faham akan bahasa yang dibacakan tetapi juga hendaklah dinilai dari segi suara, cara persembahan dan kelancaran membaca.

Mengenai pelajaran Bahasa Malaysia di TV, pihak saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas cadangan yang membina ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pelajaran Bahasa Malaysia di radio telah pun dilaksanakan sehingga sekarang pada tiap-tiap hari pukul 7.15 pagi di rangkaian biru. Pihak RTM bukan sahaja menitik beratkan rancangan-rancangan mengenai pelajaran Bahasa Malaysia, juga mengambil perhatian berat kepada soal-soal pendidikan dan pembelajaran yang lain, bergantung kepada cita-cita dan aspirasi rakyat dan Kerajaan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, janganlah pula ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyalah anggap bahawa

semua rancangan-rancangan RTM itu berunsurkan pendidikan dan pembelajaran, ada untuk penerangan dan ada untuk hiburan. Misalnya RTM menayangkan sembahyang dua Imam baru-baru ini bukanlah bertujuan untuk pendidikan tetapi adalah untuk tujuan penerangan semata-mata, berdasarkan kepada kenyataan yang benar-benar berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Kerajaan "Pandang Ke Timur", peranan yang dimainkan oleh Kementerian saya telah pun sama-sama kita nikmati dari kaca televisyen kita. Semenjak pengumuman Dasar Kerajaan memandang ke Timur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, RTM telah mengimport filem-filem dari Jepun dan Korea. Kebanyakan daripada filem-filem ini adalah berbentuk Dokumentari yang mengesahkan cara hidup serta aspirasi rakyat negara-negara tersebut serta kemajuan-kemajuan dari segi teknologi dan perindustrian yang telah dicapai oleh negara-negara itu semenjak lepas Perang Dunia Yang Kedua. Selain daripada itu filem-filem cereka juga diimport, tetapi oleh kerana bilangan filem-filem cereka yang boleh dialihsuarakan ke Bahasa Malaysia dan yang telah dialihsuarakan ke dalam Bahasa Inggeris oleh pengedar-pengedarnya adalah terhad, maka bilangan filem-filem dalam ketogeri ini tidaklah banyak. Walaupun begitu RTM akan meneruskan usaha-usaha untuk menambahkan lagi bilangan filem import dari Negara Jepun dan Korea dari semasa ke semasa. Baru-baru ini RTM telah menghantar satu unit penggambaran untuk membuat penggambaran di negara Jepun atas bantuan Kerajaan negeri tersebut. Kita tidak mengangap hanya tayangan filem-filem Jepun dan Korea sahaja dapat membantu dasar pandang ke timur. Ini hanya salah satu dari saluran (means) sahaja kepada matlamat yang lebih besar iaitu pembangunan diri kita sendiri menerusi pemindahan teknologi.

Ahli Yang Berhormat kawasan Jerai telah menyentuh mengenai cadangan Dasar Komunikasi Baru Kementerian Penerangan. Pihak Kementerian saya memang mengambil perhatian yang serius bagi mewujudkan dasar

ini. Segala rumusan atas Dasar Komunikasi ini kelak, dibuat setelah dapat mencapai ke matlamat yang dicita-citakan.

Dasar Komunikasi Kementerian Penerangan sekarang yang terdiri dari tiga komponen Dasar iaitu Penerangan Am, membantu ke arah pembangunan (Development Support) dan membina Bangsa (National Building) adalah perlu diperluas dan diperkembangkan merangkumi asas-asas yang ditetapkan dalam Perlembagaan Negara, Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran serta lain-lain aspek pembangunan, Keselamatan dan Sosio Budaya. Aspek-aspek penerangan, pendidikan dan hiburan juga akan diambil kira supaya dasar yang digubal itu benar-benar dapat diterima oleh semua golongan rakyat di negara ini.

Akhir kata, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ulasan dan pandangan yang membina itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

3.58 *ptg.*

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan bidang tugas dan bidang kuasa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh bahawa badan-badan berkanun dan agensi-agensi hendaklah mengadakan post mortem untuk menyelaraskan dengan amalan cekap dan bersih serta amanah. Seterusnya, Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai sistem pengurusan termasuk sikap pengurus-pengurus dan program-program yang diatur. Untuk sebenarnya post mortem yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat makluman Ahli Yang Berhormat itu telah pun dijalankan oleh Kementerian ini dan mana sahaja pihak yang didapati memerlukan tindakan ataupun gesaan perkara-perkara itu telah pun dijalankan.

Bagi makluman Yang Berhormat, ahli-ahli Lembaga bagi tiap-tiap agensi ini adalah terdiri dari golongan yang mewakili berbilang sektor dan mahir pula lagi berpengalaman dalam bidang masing-masing. Mereka ini adalah sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian dan apa-apa petua atau dasar adalah disampaikan dengan jelas kepada mereka.

Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyentuh mengenai masalah mengadakan sekolah di rancangan-rancangan FELDA dan juga menyebut tentang pentingnya penyelarasan antara jabatan dan agensi. Untuk makluman Yang Berhormat itu berkenaan dengan mengadakan sekolah-sekolah di rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA, sebenarnya memang telah diadakan atau dirancangkan lebih-lebih lagi di rancangan-rancangan FELDA yang mana kelazimannya sebelum peneroka-peneroka dibawa masuk, sekolah-sekolah rendah ada disediakan. Tetapi adakalanya sebelum pihak Jabatan Pelajaran menyediakan bangunan sekolah, FELDA telah membenarkan supaya rumah-rumah peneroka digunakan sebagai kelas sementara.

Pada masa ini satu jawatankuasa bertindak khas telah pun diwujudkan antara Kementerian dengan Kementerian Pelajaran khususnya bagi menentukan agar perancangan pelajaran atau khususnya bilik-bilik darjah dan sekolah dapat dibina menurut jadual.

Yang Berhormat dari Jasin mengesyorkan supaya Pekebun-pekebun Kecil yang menanam semula getah diberi insentif seperti pinjaman sara hidup selama hingga empat tahun seperti yang dibuat oleh FELDA. Bagi makluman Yang Berhormat, sebenarnya pihak Kerajaan telah mengadakan skim ini yang dipanggil Skim SEPENTAS yang

dilaksanakan oleh RISDA. Menurut skim ini, tiap-tiap pekebun kecil yang menanam getah dan menepati syarat tertentu diberi bantuan sara hidup antara \$60-\$100 sekeluarga sebulan bagi jangka masa 6 tahun. Ini adalah bertujuan supaya bantuan ini dapat menolong mereka dalam jangka masa tanah mereka ditanam semula dan tidak mengeluarkan hasil. Pada masa ini Kementerian telah mengenal pasti beberapa langkah tambahan yang perlu diambil dan dijalankan supaya tekanan ekonomi yang negatif sekarang tidak melanda cara hidup peneroka-peneroka dan juga pekebun-pekebun kecil. Jawatankuasa Semak Semula telah pun diwujudkan dan beberapa skim ini akan dapat dilancarkan secepat mungkin.

Yang Berhormat dari Jerai mengesyorkan supaya satu institusi formal tanah perlu segera ditubuhkan iaitu penubuhan "Bank Tanah" untuk menyelesaikan masalah pembangunan tanah. Saya mengucapkan banyak terima kasih atas syor Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan kewangan negara sekarang dan juga dasar Kerajaan untuk berjimat cermat, maka penubuhan Bank Tanah ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Selain dari ini penubuhan Bank Tanah ini juga memerlukan kajian yang teliti dan mendalam mengenai aspek undang-undang agar ianya tidak bercanggah serta dapat menepati kehendak Perlembagaan. Adalah dirasakan bahawa buat masa ini, peruntukan-peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960 dapat memenuhi keperluan untuk projek-projek awam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, di beberapa Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Tanah, cadangan yang dikemukakan itu memang telah dilaksanakan dan menunjukkan hasil yang memuaskan. Misalnya, di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor, dalam masa satu hari sahaja, iaitu bagi kes-kes biasa yang "straightforward", malah bagi beberapa kes begini, ianya dapat diselesaikan dalam masa tidak sampai satu hari.

Di Pejabat-pejabat Tanah lain, usaha ini akan dan sedang dilaksanakan. Seksyen Odit Pengurusan di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang berusaha dengan giatnya untuk membuat lawatan ke Pejabat-pejabat Tanah bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat-pejabat Tanah khususnya mengenai cara-cara bagaimana mempercepatkan proses pendaftaran urusaniaga. Setakat ini 10 buah Pejabat Tanah telah dilawati di seluruh Semenanjung dan laporan-laporan mengenai segala masalah yang dihadapi di Pejabat-pejabat Tanah dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Yang Berhormat dari Jerantut telah menyentuh tentang kedudukan agensi pembangunan wilayah. Untuk makluman, satu-satu dasar pembangunan wilayah adalah untuk menyusun semula masyarakat negara ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Cara yang berkesan bagi mencapai tujuan ini ialah dengan menggunakan sumber-sumber yang ada di kawasan pembangunan wilayah itu bagi mewujudkan peluang-peluang aktiviti ekonomi yang boleh diceburi dan juga dapat mengubah corak ekonomi penduduk-penduduknya yang kebanyakannya terdiri dari bumiputera. Penduduk-penduduk kawasan pembangunan wilayah ini kebanyakannya adalah datang sebagai penghijrah dari kawasan-kawasan mundur di negara ini dan kawasan luar bandar di mana ekonominya adalah pertanian dan sangat miskin. Pelaburan di dalam projek-projek pelancungan yang dijalankan oleh KEJORA di Johor melalui syarikat-syarikat anak dan usahasanya telah dapat mewujudkan perubahan corak di dalam aktiviti ekonomi penduduk-penduduknya dan secara langsung mencapai tujuan untuk menyusun semula masyarakat. Penghijrahan-penghijrahan yang berasal dari ekonomi "subsistence" dan pertanian akan mengubah corak hidupnya kepada bidang "tertiary".

Adalah tidak benar penceburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) di dalam aktiviti pelancungan menggambarkan kelemahan perancangan diperingkat Persekutuan ataupun kelemahan pentadbiran

diperingkat pembangunan wilayah tersebut. Segala projek pembangunan sedang dan akan terus berjalan, maka apa-apa teguran yang hendak dikenakan terhadap KEJORA perlulah dalam konteksnya yang sebenar.

Adalah juga tidak benar kawasan strategik di sepanjang Lebuhraya Kuantan ke Segamat di kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) tidak terdapat bandar-bandar baru di rancangan untuk digunakan. Sebenarnya lebih kurang 6 buah bandar baharu akan dibangunkan dan sekarang telah dimulakan pembinaan di sepanjang Lebuhraya tersebut. Bandar-bandar baharu itu ialah Paloh Hinai, Kota Perdana, Mu'adzam Shah, Perantau Damai, Bandar Tun Abdul Razak dan Cenderawasih.

Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh mengenai sistem dan jentera pelaksanaan di KEDA dan juga strategi-strategi pembangunan serta kempung-kampung tradisional. Untuk makluman Yang Berhormat, memang telah menjadi hasrat Kerajaan agar KEDA dapat memainkan peranan Kerajaan dan juga memenuhi hasrat orang-orang kampung serta penduduk-penduduk di dalam wilayahnya.

Sumber-sumber tempatan yang selama ini dianggap tidak mempunyai nilai telah mula mendapat pasaran di dalam negeri mahupun di luar negeri. KEDA telah menjalankan beberapa langkah untuk mencapai penghasilan dari segi projek perindustrian yang berasaskan sumber-sumber tempatan seperti buluh, kayu, getah, kayu bermutu rendah, rotan, tanah liat dan besi-besi yang terbuang. Perindustrian ini diadakan di luar bandar bagi menampung tenaga buruh tempatan dari berhijrah ke bandar-bandar besar. Penduduk-penduduk tempatan menerima faedah secara tidak langsung di mana penduduk-penduduk berkenaan dapat menjualkan buluh-buluh berkenaan ke Kilang Buluh KEDA dan penduduk-penduduk berhampiran.

Program pembangunan perindustrian desa ini adalah merupakan strategi terpenting kepada KEDA dan seterusnya untuk rakyat

di dalam kawasan tersebut. Dan dengan adanya program seperti ini ianya akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi wilayah, khususnya untuk menarik ekonomi masyarakat luar bandar keluar dari bergantung kepada ekonomi ini.

Buat penutupnya sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat menyentuh beberapa perkara dan juga aspek Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*4.10 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sepanjang perbincangan mengenai dasar Belanjawan tahun 1983. Saya tidak bercadang untuk menghurai atau menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan, tetapi saya akan cuba menjawab dengan secara am sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos merupakan salah sebuah Kementerian yang memikul amanah rakyat dalam menyediakan infrastruktur utama bagi melengkapkan jentera pembangunan negara yang pesat. Soal-soal bekalan tenaga, sistem perhubungan anti-visual seperti telekomunikasi dan surat-surat menjadi satu dari nadi dalam menggerakkan tempo pembangunan.

Pada asasnya Kementerian ini sentiasa mengkaji dan memberi perhatian berat terhadap mutu perkhidmatan semua jabatan dan agensi di bawahnya supaya matlamat besarnya untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat umum pada paras yang maksima.

Seperti Yang Berhormat maklum, pemusatan pembinaan tenaga selama ini banyak bergantung kepada minyak dunia. Kerajaan telah merangka garis-garis panduan dan melaksanakan strategi-strategi tenaga tertentu dengan tujuan mengurangkan pergantungan negara kita ke atas minyak dan sebaliknya berusaha mencari dan menggunakan sumber-sumber tenaga alternatif khususnya dari sumber tempatan seperti hidro, gas asli, arang batu dan sebagainya.

Matlamat yang mahu dicapai dalam strategi negara ini bukan sahaja dalam bidang penjanaaan elektrik, bahkan dalam bidang-bidang lain seperti penggunaan gas asli cecair untuk kereta dan industri di masa hadapan di samping tenaga solar untuk keperluan-keperluan tertentu dan lain-lain lagi.

Dalam bidang penjanaaan tenaga elektrik, kita sedang merancang untuk mengurangkan pergantungan ke atas minyak dari 85% sekarang kepada 61% pada tahun 1985 dan seterusnya kepada lebihkurang 4% sahaja menjelang tahun 2000. Bagi memastikannya, badan-badan yang bertanggungjawab atas elektrik seperti Lembaga Letrik Sabah, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak dan Lembaga Letrik Negara telah diberi tugas besar dalam mengusahakan beberapa projek janakuasa seperti skim hidro di Bersia, Kenering dan Kenyir, di Semenanjung Malaysia—Tenom Pangi di Sabah dan Batang Ai di Sarawak. Di samping itu beberapa skim mini hidro akan dilakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dengan sebahagian darinya telah dan akan disiapkan pada tahun 1981, 1982 dan 1983 manakala sebahagian besarnya dijangka dilaksanakan dalam tahun 1983, 1984 dan 1985. Projek mini hidro pada asasnya semata-mata untuk memberikan kemudahan tenaga elektrik kepada rakyat di kawasan-kawasan terpencil di luar bandar.

Gas asli pula, dijangka akan mula digunakan untuk penjanaaan kuasa elektrik mulai pertengahan dekad ini. Lembaga Letrik Negara akan menggunakan gas yang

akan disalurkan ke Pantai Semenanjung Malaysia di Stesen Janakuasa Paka, Terengganu yang mana peringkat pertamanya dijangka siap menjelang bulan Mei 1984. Keseluruhan stesen ini yang berkeupayaan 900MW akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 1985.

Mengenai arang batu, saya suka memaklumkan bahawa Lembaga Letrik Negara sedang menubuhkan Stesen Janakuasa Elektrik yang menggunakan arang batu di Pelabuhan Kelang. Ini akan merupakan stesen janakuasa yang pertama seumpamanya di negara ini.

Bagi menyelaraskan bekalan kuasa elektrik di seluruh negara, Kerajaan telah pun mengambilalih tugas bekalan elektrik di kawasan-kawasan yang sebelum ini dilakukan oleh Perak River Hydro Electric dan anak syarikatnya KED. Kerajaan Persekutuan juga dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sedang mengambil tindakan untuk menyerahkan balik SESCO dan SEB dari Kerajaan-kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah kepada Kerajaan Pusat. Segala masalah yang bersangkutan dengannya sedang dirundingkan dengan adil dan saya bercadang akan mengemukakan rang undang-undang yang diperlukan pada penghujung Persidangan Dewan yang berlangsung sekarang ini.

Dalam hubungan ini, suka saya menarik perhatian tentang adanya suara-suara sumbang dari pihak Pembangkang untuk menjadi batu api bagi mengeruhkan suasana licin dan mesra antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching secara tektiknya membuat dakwaan Kerajaan Negeri akan hilang hasil pendapatan bila SESCO diserahkan kepada Kerajaan Pusat. Sebenarnya Kerajaan Negeri akan bertambah ringan dari beban menyediakan peruntukan dan mengendalikan projek-projek elektrik yang memakan belanja yang begitu besar.

Ahli Yang Berhormat itu ada menyatakan bahawa perlunya integrasi dieratkan lagi antara Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk

Negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan tetapi apabila Kerajaan mengambil langkah bagi memenuhi matlamat itu beliau dengan putarbelitnya sengaja membuat tohmah dan cuba memasukkan jarum hasutan supaya timbul pecahbelah. Kita mengalu-alukan jaminan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan juga dari Sibru yang nampaknya kedua-duanya tidak ada di Dewan pada setakat ini, untuk menyokong penuh hasrat integrasi di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, tetapi kita merasa was-was sama ada jaminan itu dari hati yang ikhlas dan suci kerana selepas memberi jaminan dia pun cuma melimpar tohmah dan dakwaan dengan tujuan yang jelas iaitu untuk perpecahan. Inilah sifat orang-orang yang nampaknya telunjuknya telunjuk lurus, kelingking berkait. Tugas orang-orang seperti ini ialah untuk menimbulkan kekeliruan, terutama di kalangan rakyat supaya timbul kebencian kepada Kerajaan Barisan Nasional. Yang sebenarnya tugas ini sememangnya dalam bidang tugas Kerajaan Persekutuan dan memanglah menasabah bagi Kerajaan Persekutuan bersedia menanggung beban tugas sebagai satu langkah yang positif bagi meringankan beban Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, rentak pembangunan tidak akan berjalan lancar jika sistem perhubungan di negara ini mundur. Dan menyedari masalah ini, Kementerian saya telah mengarahkan supaya kelengkapan telekomunikasi dipermodenkan sesuai dengan kehendak-kehendak masakini di mana permintaan bertambah dengan pesat. Kementerian juga telah merancang untuk menambahkan lagi bilangan telefon dari jumlah lebihkurang 400,000 dan telex dari 35,000 di akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kepada masing-masing 1,200,000 dan 15,000 di akhir Rancangan Malaysia Keempat. Sejajar dengan ini, Jabatan Telekom sedang membelanjakan \$711,009 juta dalam tahun 1982 dan diperuntukkan sebanyak \$1,000 juta bagi tahun 1983, bagi mengembangkan lagi perkhidmatan telefon. Jumlah keupayaan alat talian ibusawat akan ditambahkan dan kerja-kerja memasang

talian kabel telefon terus giat dilaksanakan bagi meningkatkan lagi bilangan pemasangan telefon baru untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Keempat untuk mengadakan 1.2 juta telefon pada hujung tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, dalam setiap usaha untuk kepentingan masyarakat dan negara, yakni kepentingan umum, maka proses pembangunan itu sedikit sebanyak tentu ada pihak yang akan terjejas oleh projek-projek pembangunan itu. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu rancangan atau sesuatu langkah penyesuaian, seperti misalnya penyesuaian tarif telefon atau projek hidro Batang Ai dan sebagainya yang masing-masing dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Serian, juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Sibul.

Keputusan pengubahsuaian kadar pos dan telekom dibuat setelah Kerajaan mengkaji dengan teliti implikasinya dan didapati bahawa dalam konteks integrasi negara ia adalah memberi faedah yang besar bukan sahaja kepada urusan pentadbiran badan-badan tersebut, bahkan kepada negara seluruhnya.

Sepertimana yang saya telah umumkan, kadar bayaran perkhidmatan Pos telah dinaikkan sedikit sahaja. Ini pun berasaskan kepada kos perkhidmatan-perkhidmatan Pos yang semakin naik dan kebanyakan kadar pos belum pernah diubah semenjak tahun 1947. Selain daripada ini, faktor-faktor lain seperti harga barangan, kenaikan gaji kakitangan dan pegawai yang menguruskan perkhidmatan berkenaan, kos pengangkutan serta nilai matawang telah dikaji sebelum kenaikan kadar diluluskan. Perubahan kadar bayaran telah diputuskan supaya jumlah terimaan bayaran bagi khidmatan pos setimpal dengan perbelanjaan yang dibuat bagi mengendalikan perkhidmatan tersebut. Itu pun dilakukan setelah disepak bahawa kadar yang baru itu, jika dibandingkan dengan kadar di beberapa negara dunia

termasuk negara-negara ASEAN, atau agensi lain yang menjalankan perkhidmatan serupa itu, kedudukan kadar pos kita masih rendah dan menasabah. Kerajaan yakin ianya tidak membebankan rakyat.

Mengenai kadar sewaan telefon pula, saya ingin menegaskan bahawa tujuan utama bagi pengubahsuaian dan penyesuaian tersebut adalah berasaskan kepada beberapa faktor antaranya merapatkan hubungan di antara penduduk di Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah yakni integrasi, membolehkan penduduk-penduduk luar bandar menggunakan perkhidmatan telefon dengan kadar sewa yang menggalakkan dan menyokong pembiayaan pembangunan Jabatan Telekom Negara yang semakin meningkat yang mana perbelanjaan untuk pembangunan Telekomunikasi di negara ini adalah hasil pelaburan semula dari sumbangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua kadar telefon itu dalam pengumuman pengubahsuaian yang akan berkuatkuasanya pada 1hb Disember, 1982 itu dinaikkan. Ada yang naik dan banyak pula yang turun dan ada yang naik hanya sedikit sahaja. Sebagai contoh, sewa tambahan telefon berwarna dihapuskan, panggilan jarak jauh antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah dikurangkan dari \$6.00 sekarang kepada \$4.50 tiap-tiap tiga minit pertama panggilan. Dalam salah satu kategori dalam pengubahsuaian tarif baru, panggilan-panggilan antara Semenanjung dan Selatan Thailand, Medan atau Brunei atau antara Sabah dan Sarawak dikenakan \$9.00 berbanding tarif sekarang sebanyak \$12.00 dan \$9.60.

Dalam hubungan pengubahsuaian tarif telefon ini banyak tempat turun harga tak ada pula tempat yang naik harga, sama juga dengan perubahan jam yang sama mengikut waktu kebangsaan dahulu, orang Semenanjung terpaksa berkorban dengan bergagas pagi-pagi buta ke pejabat, kerana biasanya pukul 6.30 hingga 7.00 pagi di Semenanjung masih perlu pasang lampu kereta di jalanraya, sementara orang Sarawak dan Sabah masih boleh relax sedikit.

Jadi soal "luxury" atau sebagainya seperti yang dibangkitkan oleh wakil Sandakan tidak timbul. Ahli dari Sandakan ini memang menjadi kebiasaannya sentiasa merendah-rendahkan segala rancangan Kerajaan, kerana khuatirkan masa depan politik perkauman yang dianutinya, kerana apabila pembangunan berkembang pesat dan integrasi bertambah cepat, ruang bagi ahli-ahli politik atau parti politik perkauman akan bertambah sempit dan pendek.

Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perubahan baru-baru ini dibuat dengan cermat atas kadar minima yang mengelakkan rakyat dari menanggung beban yang berat dalam mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan telefon dan pos. Perubahan kadar-kadar itu masih lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar pos dan telekom di negara lain. Yang lebih penting ialah perubahan itu dilakukan demi mencapai matlamat integrasi negara dan dari segi ini tentulah nilainya tidak dapat diukur dengan sen dan ringgit. Malaysia masih boleh berbangga bahawa kedudukan tarif pos-telekomnya masih rendah dibandingkan dengan kebanyakan negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di dalam dunia ini juga terlalu kerap muncul orang yang mahu menjadi juara atau "champion" tanpa mengeluarkan setitik peluh, terlalu suka memukul gendang yang suaranya seperti guruh sedangkan isinya kosong dan dua wakil yang punya suara gendang kosong dan mahu jadi juara kering itu ialah dari Bandar Kuching dan Bandar Sibü.

Perlulah diingat bahawa jika kita mendengar hujah-hujah dari ahli-ahli dari Sibü dan Bandar Kuching sekali imbas seolah-olahnya ianya juara yang patut diberi perhatian, bukan sahaja juara kepada negeri Sarawak bahkan pembela golongan luar bandar seperti kaum Dayak di negeri Sarawak. Kerajaan sangat memahami bahawa penduduk luar bandar memang jauh ketinggalan, golongan yang ketinggalan itu termasuklah kaum Dayak dan bumiputera

yang lain. Kerajaan sedang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan salah satu dari objektif utamanya ialah meninggikan taraf sosio-ekonomi penduduk yang terbiar dan ketinggalan. Dalam hal ini kaum Dayak dan Bumiputera lain dengan sendirinya tergolong dalam kategori yang terbiar dan ketinggalan. Oleh itu golongan yang ketinggalan ini diberi perhatian oleh Kerajaan dan Kerajaan memang sedar bahawa beberapa tindakan akan secara terus menerus diambil untuk menentukan mereka dapat menikmati hasil kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mendengar ucapan-ucapan wakil dari Sibü atau Bandar Kuching sekali lalu sangatlah manis dan menarik seolah-olah Kerajaan tidak berbuat apa-apa terhadap kebajikan kaum Dayak atau penduduk luar bandar. Sesungguhnya tidak ada apa-apa yang dapat dilaksanakan oleh dua atau beberapa kerat Ahli Pembangkang lebih-lebih lagi apabila pihak Kerajaan bekerja kuat dan menolong rakyat secara berkesan seperti sekarang. Mereka hanya menyuarakan apa yang Kerajaan sedang dan akan dilakukan. Tindakan yang terbaik bagi mereka dan apatah lagi bagi rakyat termasuk rakyat luar bandar di negeri Sarawak ialah untuk menyokong Barisan Nasional.

Kaum Dayak walaupun mereka di luar bandar, rasa saya dapat menilai hujah-hujah kosong untuk mendapat nama seperti ini apabila mereka meninjau latar belakang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, dari mana asal mereka dan juga asal usul serta parti apa yang mereka wakili iaitu parti DAP yang merupakan Parti Perkauman untuk satu golongan yang sama dengan asal usul Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibü dan Bandar Kuching. Orang-orang inilah sekarang bertempik untuk jadi juara orang Dayak sedangkan pada asasnya parti DAP yang mereka wakili itu sentiasa mempertikaikan Dasar Ekonomi Baru yang dengan tegas mahu menolong golongan yang terbiar, terutama penduduk luar bandar termasuk kaum Dayak dan Bumiputera lain.

Saya mendapati hujah-hujah mereka sungguh tidak mewakili orang-orang susah malah jika dipraktikkan akan menyusahkan orang-orang luar bandar yang memang sudah lama menderita. Apakah maksudnya dari hujah-hujah itu jadi supaya tidak berlaku integrasi, supaya berlaku pecah-belah, supaya timbul rasa tidak puas hati. Jika demikianlah maksudnya maka jelaslah tujuannya untuk pecah-belah dan bukan untuk membela orang-orang yang susah, sebaliknya untuk mengelakkan kedudukan orang-orang Dayak dan Bumiputera dalam kesusahan selama-lamanya. Dan tukang tiup terompet sebagai juara itu akan dapat memijak naik melalui timbunan melapetaka yang mereka rancangkan itu. Inilah namanya politik otak Sang Kancil yang memijak kepala buaya bagi menyampaikan hasratnya menyeberangi sungai.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tidak. Saya sangat pasti bahawa kaum Dayak dan Bumiputera lain khasnya di Sarawak menyedari taktik seperti ini dan tidak rela kepala mereka dijadikan batu loncatan oleh orang-orang opportunist yang memang kerja mereka menanggung apa sahaja kesempatan yang ada. Taktik seperti ini sudah menjadi rahsia umum dan semua orang mengetahuinya dan kerana itu kita tidak bimbang terhadap kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak dapat menjawab satu persatu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memberi jaminan bahawa semua pandangan-pandangan yang konstruktif akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.29 *ptg.*

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian saya semasa membahaskan Belanjawan 1983 yang dibentangkan baru-baru ini terutamanya di bidang perumahan.

Bagaimanapun saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang disentuh tetapi sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program rumah sewa kos rendah yang mana akan merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal kekurangan rumah kos rendah. Dalam hal ini jumlah rumah kos rendah yang dirancangkan oleh Kerajaan dan akan dibina oleh sektor awam dan swasta ialah 266,500 unit yakni 20% daripada sasaran unit Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 923,300 unit.

Selain dari itu boleh dikatakan hampir semua unit yang dibina oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dalam rancangan pembangunan mereka berjumlah 110,000 unit adalah ditujukan kepada mereka yang berpendapatan rendah manakala lebih kurang 50% daripada sasaran kategori perumahan orang perseorangan dan kumpulan sebanyak 150,000 unit boleh dianggarkan sebagai perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah. Jika diambilkira jenis program perumahan tersebut ini di samping program perumahan kos rendah sebanyak 266,500 unit tadi bermaknalah sebanyak 451,500 unit ataupun 49% daripada sasaran Rancangan Malaysia Keempat ialah perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah.

Sasaran program perumahan RME yang telah dirancang adalah berdasarkan keperluan perumahan yang diramalkan setelah diambilkira penambahan penduduk dan tiang rumah yang sudah buruk dan backlog. Oleh yang demikian, saya berpendapat bilangan rumah kos rendah yang dijangkakan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah cukup untuk menampung keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah. Saya tidak menafikan bahawa permintaan untuk rumah kos rendah adalah sangat mendesak, cuma saya ingin menjelaskan beberapa faktor yang telah mempengaruhi keadaan ini.

Pertamanya ialah permintaan daripada mereka yang tidak layak ditimbangkan untuk pembahagian rumah awam kos rendah atas sebab-sebab tertentu termasuklah kekurangan rumah kos sederhana dalam pasaran. Oleh yang demikian, mereka ini cuba sedaya-upaya mereka untuk mendapatkan rumah kos rendah.

Keduaanya ialah permohonan berkali-kali daripada ahli-ahli keluarga yang sama atau orang yang sama bagi projek-projek yang lain. Ini telah memberi gambaran yang lebih buruk daripada keadaan yang sebenar.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan tentang sistem pembahagian perumahan awam kos rendah. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian saya telah memberi garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal ini yakni pemohon yang layak ditimbangkan mestilah berpendapatan tidak lebih daripada \$750.00 sebulan, mestilah rakyat Malaysia dan belum mempunyai rumah atau tanah, keutamaan perlulah diberikan kepada mereka di antara umur 30 hingga 40 tahun, sudah berumahtangga dan mempunyai bilangan keluarga yang banyak, pilihan pemohon yang layak adalah berdasarkan kepada jumlah markah yang diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah meminta dasar perumahan negara ditubuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat itu, negara kita sememangnya sudah mempunyai satu dasar perumahan.

Mengenai cadangan supaya satu Perbadanan Perumahan Negara ditubuhkan, saya sedar bahawa cadangan ini telah dikemukakan demi untuk mempertingkatkan pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah.

Pada pendapat saya tidak perlu diwujudkan Perbadanan ini kerana beberapa forum perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sememangnya sudah ada untuk mengkaji masalah ataupun dasar dan strategi berkenaan dengan perumahan. Forum yang paling tinggi ialah Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, di sini dasar dan perubahan strategi pelaksanaan dibincangkan dan dipersetujui.

Selain dari itu, saya sendiri mempengerusikan satu Majlis Perumahan Negara yang ahli-ahlinya terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri. Majlis ini membincangkan masalah pelaksanaan dan mengkaji cara-cara untuk mengatasinya. Lain-lain forum ialah Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Jawatankuasa penyelarasan program perumahan kos rendah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya. Oleh kerana kerjasama rapat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui forum-forum tersebut di atas dan juga melalui lawatan ke negeri-negeri, banyak masalah mengenai pelaksanaan program perumahan awam kos rendah telah dapat diatasi, dan buktinya ialah prestasi pencapaian yang lebih baik berbanding dengan tempoh yang sama dalam Rancangan Malaysia ketiga.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelambatan industri perumahan ini adalah ketara bagi perusahaan perumahan pemaju swasta. Soalnya bukanlah soal lambat mendapatkan penukaran syarat dan kelulusan plan sahaja yang mana Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengatasinya. Tetapi soal kekurangan pembeli yang mampu membeli rumah-rumah yang berharga lebih daripada \$100,000.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah yang dimajukan oleh pemaju-pemaju swasta adalah jenis-jenis rumah harga tinggi. Saya katakan demikian kerana secara purata bilangan-bilangan yunit rumah pemaju-pemaju swasta yang telah diluluskan oleh Kementerian saya pada tiap-tiap tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah lebih kurang 50,000 yunit manakala bagi tahun 1981 lebih kurang 58,000 yunit telah diluluskan. Sungguhpun demikian, bilangan yunit yang siap dibina oleh pemaju swasta adalah jauh kurangnya daripada sasaran 70,000 yunit setahun yakni bagi tahun 1981 hanya 17,500 yunit sahaja siap dibina dan di antara bulan Januari hingga Jun tahun 1982 hanya 12,000 yunit sahaja telah dapat disiapkan.

Saya yakin kelambatan ini boleh diatasi sekiranya pemaju-pemaju swasta membina rumah kos sederhana. Seperti yang saya pernah terangkan rumah kos sederhana amat berkurangan sedangkan sebahagian besar dari bakal pembeli rumah hanya mampu boleh membeli jenis rumah ini. Oleh yang demikian, sekali lagi saya ingin menggesa pihak pemaju swasta menumpukan usaha mereka untuk memenuhi kehendak rakyat negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah merayu kepada Kerajaan Pusat supaya peruntukan perumahan kos rendah bagi negeri Pulau Pinang ditambahkan, permohonan ini telah pun dikemukakan kepada Kementerian saya sejak awal-awal dahulu. Selain daripada negeri Pulau Pinang beberapa negeri yang lain telah juga meminta peruntukan mereka ditambahkan. Kementerian saya akan menimbangkan semua permohonan ini dalam persediaan bagi Separuh Penggal RME. Walau bagaimanapun, dengan keadaan ekonomi yang kurang baik masa ini, keutamaan akan diberi kepada peruntukan tambahan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat mengikut bilangan yunit yang telah

ditentukan. Oleh yang demikian, Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai projek-projek tambahan bolehlah melaksanakannya dengan mendapatkan kewangan dari sumber lain, umpamanya bank-bank perdagangan ataupun boleh mendirikannya secara usahasama dengan pemaju swasta. Perkara ini telah pun dibincangkan dengan semua Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dalam Persidangan Menteri-menteri Besar baru-baru ini dengan pendapat Persatuan Pemaju Swasta Malaysia dalam hal ini adalah menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Serian ada mencadangkan supaya rumah-rumah kos rendah dibina di daerah-daerah kecil dan di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk makluman Dewan ini mengikut tafsiran Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri satu pertiga daripada bilangan projek perumahan awam kos rendah negeri-negeri adalah di kawasan bandar. Sungguhpun demikian, dari segi bilangan yunit lebih kurang 50% bilangan yunit adalah ditempatkan di projek-projek luar bandar.

Bagi negeri Sarawak semuanya projek RME adalah diklasifikasikan sebagai projek luar bandar. Ada satu buah rumah panjang, iaitu di Batang Ai. Lubok Antu mengandungi 263 unit sedang dalam peringkat pembinaan pembangunan tetapi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pula 4 buah rumah panjang yang kesemuanya mengandungi 93 unit telah dilaksanakan. Kementerian saya bolehkah menimbangkan lebih banyak projek-projek rumah panjang pada masa-masa akan datang apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Kementerian ini sentiasa membina lebih banyak lagi rumah-rumah demi memajukan industri perumahan di negara kita. Berkenaan rumah-rumah harga murah yang dibina oleh pemaju swasta, peratusannya di satu-satu projek perumahan swasta adalah ditetapkan oleh pihak Kerajaan negeri masing-masing. Mengenai harganya pula, Kementerian saya telah pun mengeluarkan garis panduan dengan harga

maksimanya adalah dihadkan kepada sebanyak \$25,000. Rumah-rumah yang berharga lebih daripada harga tersebut tetapi kurang daripada \$100,000 adalah disifatkan sebagai rumah-rumah harga sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling supaya mengadakan sistem Pendaftaran Rumah Negara, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih. Sebenarnya Kementerian saya telah pun membuat satu keputusan untuk mewujudkan satu pusat penyelarasan peruntukan rumah khasnya rumah awam kos rendah supaya orang yang benar-benar layak diberi keutamaan untuk memiliki rumah. Seterusnya Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menubuhkan pusat ini dan kajian-kajian sedang dibuat bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MAMPU untuk mewujudkan satu sistem yang berkesan bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membangkitkan soal perkembangan dan perkhidmatan Bomba yang tidak seimbang dengan perkembangan dan kepesatan bandar-bandar baru yang mana beliau mengharapkan supaya perkhidmatan bomba diperkuat lagi bagi memenuhi kepesatan bandar-bandar tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya menyatakan bahawa semenjak Perkhidmatan Bomba diambil alih dan ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1976 soal perkembangan dan kemajuan perkhidmatan bomba telah pun dipertingkatkan. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan sambungannya di dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 29 balai-balai bomba dan rumah kediaman anggota telah pun dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan dan ini hanya menunggu masa untuk didirikan. Bagi alat-alatan bomba pula, selain dari apa yang dilengkapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telah diusahakan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini bagi mengganti dan menambah

kekuatannya. Sebanyak 95 buah kenderaan akan dibeli dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini. Kesemua ini tidak lain dan tidak bukan bagi maksud memperkuatkan dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan bomba bagi memenuhi kepesatan pembangunan di seluruh negara.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula, iaitu mengenai kelengkapan Pasukan Bomba Seberang Perai Tengah yang tidak memuaskan yang mana beliau menggesa Kerajaan memperuntukan wang yang banyak bagi bomba di kawasan berkenaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada bulan Julai, 1981 Pasukan Bomba Seberang Perai Tengah telah pun diperuntukan sebuah jentera baru yang mana sehingga kini baru berusia 1 tahun, dengan ini jelaslah bahawa Pasukan Bomba Seberang Perai Tengah dapati memuaskan. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat juga Kerajaan telah pun memperuntukkan wang yang banyak di dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi memenuhi masalah-masalah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa supaya keputusan mengenai kelulusan pelan dijalankan dengan segera. Sebenarnya saya suka menyatakan bahawa satu garis panduan untuk melicinkan lagi proses kelulusan pelan telah disediakan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan dan ianya akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Negara Bagi Kerajaan Tempatan yang ke 27 pada 4hb Disember, 1982 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih di atas semua cadangan dan teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membebaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian saya. Mana-mana cadangan yang membina ianya akan diambil perhatian dalam merangka Dasar Pelaksanaan Program Pembangunan Kementerian saya nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

4.46 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 1983 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam perbahasan saya dapati ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menumpukan kepada 4 perkara, iaitu pembinaan jalan, penyelenggaraan dan kenaikan taraf jalan, pemberian tawaran kepada kontraktor antarabangsa, kekerapan pertukaran pegawai profesional dalam Jabatan Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar bahawa Kerajaan tidak mengambil berat tentang perancangan pembinaan jalan-jalan baru. Sebenarnya perancangan sentiasa dilakukan oleh Kementerian saya dan di samping itu jalan-jalan luar bandar juga dirancang dengan secara rapi dengan penglibatan Majlis Tindakan Daerah, Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tentang cadangan supaya diadakan rekabentuk jalan-jalan yang boleh dijadikan landasan kapalterbang untuk kegunaan masa darurat, Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Pertahanan telah pun meneliti dan berpendapat bahawa ianya masih lagi belum diperlukan, walau bagaimanapun cadangan ini akan diberi perhatian di masa-masa akan datang.

Suka saya menjelaskan bahawa kebanyakan kerosakan-kerosakan jalan adalah disebabkan oleh penggunaan

kenderaan-kenderaan yang berat melebihi had keupayaan jalan-jalan tertentu, walau bagaimanapun pembaikan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Kerjaraya.

Tentang kenaikan taraf untuk ditarkan jalan-jalan, Kementerian saya juga dari masa ke masa membuat kajian dan pelaksanaannya ditentukan mengikut keutamaan serta kedudukan kewangan.

Dalam pemberian tawaran bagi mengendalikan kerja-kerja pembinaan, Kerajaan tidak pernah menafikan kepentingan kontraktor-kontraktor tempatan melainkan bagi pelaksanaan projek raksaksa ataupun yang lebih kompleks bila mana kontraktor-kontraktor tempatan tidak ada keupayaan, maka tawaran diberi kepada kontraktor-kontraktor antarabangsa. Walaupun demikian, kontraktor-kontraktor antarabangsa ini diikat dengan syarat-syarat tertentu untuk memastikan kontraktor-kontraktor dan pekerja-pekerja tempatan yang terlibat tidak dieksploitasikan oleh mereka itu. Di samping itu Kerajaan juga telah mengambil perhatian serius untuk memastikan pekerja-pekerja tempatan mendapat latihan-latihan sesuai di tapak serta mendapat perpindahan teknologi moden yang diperlukan di negara ini.

Kementerian saya sedar tentang berlakunya kekerapan pertukaran pegawai-pegawai dalam Jabatan-jabatan Kerjaraya, akan tetapi perkara ini tidak dapat dielak khasnya apabila mereka terlibat dalam proses kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengatasi perkara ini dengan menentukan pegawai-pegawai berkenaan diberi peluang untuk menyandang kenaikan pangkat di dalam jawatan-jawatan lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Betong yang menjemput Menteri-menteri Persekutuan melawat ke Sarawak. Sebenarnya rancangan itu memang ada diatur oleh Kementerian-kementerian tertentu, termasuklah Kementerian saya untuk membuat lawatan kesemua negeri,

termasuklah negeri Sarawak bagi memahami secara dekat kehendak rakyat serta meninjau kemungkinan pembangunan dapat dirancang dengan lebih bererti dan lebih berkesan.

Bagi mengakhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi teguran dan pandangan mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.50 ptg.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan dasar-dasar am Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Sibul telah membangkitkan tentang Dasar Kebudayaan. Suka saya menegaskan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan sememangnya tidak menafikan supaya unsur-unsur lain yang sesuai dan wajar diterima dalam pembentukannya. Ini termasuklah unsur-unsur Cina, India, Arab, Barat, Jepun dan sebagainya. Perubahan budaya telah dialami oleh negara kita sejak zaman-berzaman. Demikian juga penerimaan simbol-simbol univers atau "material culture" sekarang dalam sistem perhubungan, pengangkutan, sains dan teknologi.

Masalah penyatuan kebudayaan secara total bukanlah satu jalan penyelesaian dan hasrat membina kebudayaan bangsa. Penyatuan secara "parallelism" tidak akan membawa integrasi, kesatuan nilai, norma dan perpaduan negara. Sikap ini akan menyebabkan percanggahan semata-mata

dan juga kebudayaan kebangsaan itu haruslah dibezakan dengan kebudayaan kesukuan atau kaum. Prinsip-prinsip dasarnya itu mestilah difahami benar-benar oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jasin telah menyentuh tentang tema "Sukan Untuk Masyarakat". Tuan Yang di-Pertua, tema ini telah menjadi suatu dasar kepada perancangan sukan dalam negara ini. Pelaksanaan dasar tersebut adalah dalam usaha Kementerian saya untuk memberi peluang kepada masyarakat dalam kegiatan-kegiatan fizikal dengan tujuan menjamin kesihatan tiap-tiap individu. Dasar ini juga mengalakkan belia-belia negara ini mengisi masa lapang mereka secara yang berfaedah dan kreatif melalui kegiatan fizikal seperti sukan dan rekreasi. Kementerian saya telah mengadakan pelbagai rancangan ke arah memastikan pencapaian objektif dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin mengambil kesempatan menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Batang Lupar yang tidak sempat dijawab pada minggu lalu di Dewan yang mulia ini. Memandangkan soalan dari Yang Berhormat itu yang sebegitu rupa, saya akan membahagikan jawapannya dalam dua bahagian iaitu Sukan dan Kebudayaan.

Jawapan yang pertama mengenai rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf sukan yang sedang berjalan sekarang ialah seperti berikut:

#### Projek

1. Klinik Rakyat.
2. Kem Bakat.
3. Pasukan Remaja.
4. Pembinaan/Pembangunan Kemudahan-kemudahan Sukan.
5. Bantuan Kewangan kepada Badan-badan Sukan.
6. Skim Persijilan Sukan Kebangsaan (Kursus Permulaan Jurulatih di daerah-daerah).

7. Latihan Kemahiran (Kursus/Klinik pemain daerah/negeri).
8. Pusat Latihan Sukan (Latihan sepanjang masa di bawah kelolaan jurulatih yang berkelayakan).
9. Latihan Kepimpinan (Kursus Kepimpinan dan Pentadbiran Sukan).

Rancangan-rancangan tersebut meliputi sejumlah 162 projek dan menggunakan peruntukan sebanyak \$3,010,769.00. Mulai pada awal tahun ini Majlis Sukan Negara telah diaktifkan semula khususnya bagi menumpukan projek-projek berkaitan dengan meninggikan prestasi ahli-ahli sukan yang akan mengambil bahagian di pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Berkenaan kebudayaan, Kementerian saya sedang menjalankan beberapa aktiviti untuk memperkayakan kebudayaan dan kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Aktiviti-aktiviti ini juga telah diubahsuai mengikut kehendak-kehendak sezaman. Antara aktiviti dan jenis projek yang dijalankan oleh Kementerian saya adalah Kem Khidmat Budaya, Kem Muzik Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Kanak-kanak, Kursus Teater, Seni Lakon Seni Tari dan Seni Hias. Projek ini memakan peruntukan sejumlah \$964,410.00.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang hal-hal Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian saya akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang disyorkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Awam.

4.57 ptg.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian mereka kepada aktiviti-aktiviti agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Di dalam menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya pertamanya ingin menyentuh tentang Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Yang Berhormat tersebut mengetahui benar tentang masalah-masalah PKEN dan usaha-usaha Kementerian saya untuk mempertingkatkan lagi prestasi PKEN kerana beliau sendiri pernah terlibat secara langsung di dalam pengurusan PKEN. Beliau ada menyentuh tentang Skim Pemindahan Syarikat-syarikat PKEN kepada Pelaburan Nasional Berhad (PNB) di mana sebanyak 5 buah syarikat sahaja yang telah dipindahmilik kepada PNB. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi prestasi syarikat-syarikat PKEN dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memindahmilik syarikat-syarikat yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditentukan. Suka saya menyatakan bahawa selain daripada 5 syarikat yang telah dipindahmilik kepada PNB dan usaha-usaha memindahmilik ini sedang berjalan sekarang.

Kementerian saya juga menyedari masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Nerus tersebut mengenai kekurangan tenaga profesional dan pengurusan yang mahir di dalam PKEN. Saya percaya Yang Berhormat itu bersetuju bahawa masalah ini bukanlah merupakan masalah PKEN sahaja tetapi juga dihadapi oleh perusahaan-perusahaan awam yang lain serta juga syarikat-syarikat di sektor swasta. Sebagai perusahaan awam, PKEN-PKEN adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perlantikan untuk mengisi jawatan-jawatan seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Namun demikian, Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti INTAN, telah menganjurkan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk menambahkan lagi kemahiran dan kecekapan pegawai-pegawai PKEN.

Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga menyentuh mengenai peruntukan Anggaran Belanjawan KPA (Kementerian Perusahaan Awam) bagi tahun 1983. Sukalah ditegaskan di sini bahawa selaras dengan dasar Kerajaan untuk berjimat-cermat memandangkan keadaan ekonomi negara yang meleset ketika ini, Kementerian telah mengambil langkah mengkaji semula pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian mengikut keutamaan masing-masing. Di dalam usaha ini, Kementerian memastikan bahawa pelaksanaan projek-projek yang dipotong peruntukannya tidak akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang diamanahkan kepada PKEN-PKEN. Bagi projek-projek yang didapati berdaya hidup untuk maju dari segi kewangan atau berbentuk "bankable", Kementerian telah menasihati PKEN-PKEN supaya memperolehi pinjaman dari sumber Institusi Kewangan di pasaran terbuka. Kementerian percaya bahawa banyak PKEN-PKEN boleh memperolehi pinjaman kewangan dari pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, sukalah saya tegaskan di sini bahawa sekiranya keadaan kewangan negara mengizinkan, Kerajaan akan menambah peruntukan, terutamanya kepada agensi-agensi yang menghadapi masalah kewangan untuk melaksanakan projek-projek yang mempunyai unsur-unsur sosial, supaya pelaksanaan projek-projek tersebut tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 5 orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Yang Berhormat daripada kawasan Bandau telah menyentuh kelemahan LPN Cawangan Sabah untuk mengadakan sistem pengangkutan yang berkesan bagi memungut hasil jualan padi. Beliau juga ada menyentuh berkenaan dengan sistem pembelian padi dari petani di mana LPN Cawangan Sabah tidak berkemampuan membeli kesemua padai petani dan pihak swasta pula meletakkan harga yang rendah pada setiap pembelian. Beliau mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah yang positif untuk menjamin kecekapan LPN Cawangan Sabah khususnya.

Di bawah sistem pemasaran padi sekarang pesawah-pesawah adalah dikehendaki memasarkan padi mereka ke pusat-pusat belian yang ditetapkan. Untuk tujuan ini pesawah-pesawah mendapatkan kemudahan pengangkutan lori dari pihak kilang-kilang swasta, pengusaha-pengusaha lori tempatan ataupun dari badan-badan pesawah. Di Sabah pada masa ini jumlah kompleks LPN adalah terhad iaitu hanya terdapat di Kota Kinabalu, Papar dan Kota Belud. Oleh kerana terdapat kawasan-kawasan padi di mana pesawah-pesawah menghadapi kesulitan untuk memasarkan padi-padi mereka, LPN telah mengadakan unit bergerak untuk membeli padi di kawasan-kawasan tertentu termasuklah kawasan Bandau. Pada masa ini LPN mempunyai 3 unit bergerak dan akan menambahkannya sebanyak 4 lagi unit pada musim yang akan datang. Saya harap tindakan-tindakan ini akan mengurangkan masalah-masalah yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

Mengenai harga belian padi, harga belian di Sabah adalah berdasarkan kepada Harga Tawaran Padi yang ditetapkan oleh Kerajaan pada masa ini iaitu \$30.00 sepikul untuk padi jenis panjang dan \$28.00 sepikul untuk padi sederhana. Di samping itu potongan dikenakan mengikut keadaan padi itu iaitu sama ada baik, bersih, masak dan kering dan juga padi tidak melebihi 14% kandungan wap basah. Jadual-jadual potongan telah ditentukan bagi tiap-tiap syarat mutu yang dinyatakan di atas. Selain daripada harga padi di atas, Kerajaan jug membayar subsidi harga padi sebanyak \$10.00 bagi tiap-tiap pikul padi dijual oleh pesawah.

Mengenai harga belian yang rendah oleh pihak swasta pula, harga tawaran LPN adalah bertujuan untuk menjamin supaya petani-petani tidak menerima harga yang lebih rendah daripada itu dengan syarat petani-petani menjual padi mereka kepada LPN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menyatakan bahawa cara pemberian subsidi sekarang tidak teratur dan

rancangan Kerajaan tidak sampai ke sasarannya. Ahli-ahli tersebut telah mengesyorkan supaya sistem pemberian subsidi dikaji semula dan ditukarkan kepada pemberian subsidi mengikut keluasan sawah.

Tuan Yang di-Pertua, Skim subsidi harga padi telah dilaksanakan pada tahun 1979 dan Kerajaan sentiasa menilai kekesan skim subsidi tersebut. Saya akui terdapat beberapa kelemahan kepada skim ini tetapi setengah-setengah kelemahan ini tidak akan dapat diatasi jika sekalipun skim ini ditukar corak dan dijadikan subsidi mengikut keluasan sawah yang diusahakan. Pada masa ini Kementerian Perusahaan Awam bersama-sama dengan beberapa agensi-agensi yang lain telah meminta kerjasama Universiti Pertanian Malaysia untuk menilai kekesan Skim Subsidi Harga Padi. Sungguhpun pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menukar Skim Subsidi Harga Padi ini kepada satu Skim Subsidi Padi yang berlainan corak, saya memberi perakuan bahawa pelaksanaan Skim Subsidi Padi dan kekesanannya akan terus diawasi. Setengah-setengah masalah Skim ini adalah masalah pelaksanaan yang boleh diperbaiki dengan cara mempertingkatkan lagi pengurusan dan pengawasan pelaksanaan Skim tersebut. Tindakan akan diambil dari masa ke semasa bagi memperbaiki lagi sistem pelaksanaannya di samping menilai kekesan keseluruhan Skim ini dan faedahnya kepada penanam-penanam padi.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau, Sabah membangkitkan soal pelaksanaan subsidi harga padi dipertingkatkan lagi di Sabah agar menggalakkan penanaman padi dua kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa Skim Subsidi Harga Padi telah dilaksanakan di Sabah hanya pada tahun 1981 dan saya akui masih terdapat masalah-masalah terutama sekali berkaitan dengan masalah perhubungan yang menyebabkan setengah-setengah petani tidak mendapat faedahnya daripada Skim Subsidi

Harga Padi ini. Sungguhpun demikian, Lembaga Padi dan Beras Negara akan berusaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga tersebut di seluruh negeri Sabah bagi mengatasi masalah ini. Pada masa ini terdapat 60 pusat belian di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengambil kesempatan di sini memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Keningau bahawa pada masa ini terdapat 9 buah pusat padi di Keningau iaitu 2 pusat yang diusahakan oleh LPN dan 7 lagi pusat swasta. Kedua-dua pusat belian LPN ialah di Keningau dan Pingkir. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pusat belian ini, petani-petani di kawasan Keningau dapat menikmati bantuan subsidi harga padi, sungguhpun mungkin terdapat penduduk-penduduk di kawasan pendalaman yang masih menghadapi masalah. Jumlah kupon subsidi yang telah dikeluarkan di kawasan Keningau pada tahun 1982 sehingga bulan September ialah 4,374 kupon bernilai \$275,735.00.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu ada menyentuh berkenaan dengan kerosakan 200,000 guni beras. Kerosakan beras berlaku setiap tahun dan tindakan sentiasa diambil bagi mengurangkan kerosakan ini. Kadangkala apa yang dianggap sebagai kerosakan, sebenarnya bukan kerosakan tetapi kejatuhan mutu. Dalam melaksanakan tanggungjawab menyimpan beras stokpail bagi memenuhi keperluan negara di masa kecemasan, LPN membuat "rotation" beras-beras di dalam simpanannya sebahagian daripada beras-beras itu kurang laku dan penjualnya mengambil masa yang lebih lama sedikit. Oleh yang demikian, keadaan kualitasnya telah menurun. Bagaimanapun beras-beras lama tersebut adalah masih boleh dimakan dengan hanya perlu dibersihkan semula sebelum dipasarkan.

Sebagai langkah untuk mengurangkan kejatuhan mutu beras di dalam simpanan, LPN sedang mengambil tindakan mengadakan gudang-gudang yang sesuai bagi menggantikan gudang-gudang lama.

Suka saya memberitahu bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat, LPN sedang membina 11 lagi gudang beras di seluruh Malaysia. Satu projek gudang dengan muatan 10,000 tan metrik dirancang di Kuching, Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sibu, LPN telah membina sebuah gudang simpanan baru di Sibu dengan muatan 20,000 tan metrik. Gudang tersebut telah siap dan digunakan mulai September 1982.

Mengenai penggunaan sistem metrik, saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya semua urusan-urusan jual beli padi akan dikendalikan dalam timbangan metrik mulai 1hb Januari 1983. Dengan ini bermakna bahawa mengikut kadar metrik, padi akan ditimbang dengan berat kilogram dan berasaskan kepada berat padi 100 kg. harga padi kelas panjang ialah \$49.61, bagi kelas sederhana \$46.30 dan seterusnya nilai subsidi padi bagi padi yang dipasarkan ialah \$16.54 bagi tiap-tiap 100 kg.

Buat masa ini pihak LPN bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkenaan sedang menjalankan usaha penerangan-penerangan di kawasan-kawasan padi untuk memastikan petani-petani dan juga pihak-pihak pembeli padi dapat memahami sistem metrik dan juga bersedia sedia menggunakan sistem itu mulai pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma seorang Ahli Yang Berhormat sahaja yang menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membangkitkan masalah permit teksi Pulau Pinang. Beliau ada menyebut bahawa pada masa ini beratus-ratus permohonan terpaksa menunggu bertahun-tahun tanpa apa-apa balasan dari pihak berkuasa. Ahli Yang Berhormat tersebut juga ada menyatakan di Dewan ini bahawa perkhidmatan teksi untuk orang ramai di Pulau Pinang tidak mencukupi, yang menyebabkan banyak pengusaha-pengusaha teksi tanpa lesen diusahakan oleh pemohon-pemohon yang kecewa mendapat permit

tersebut. Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya pengeluaran permit teksi dibuat mengikut keperluan sesuatu negeri. Untuk mempatikan keperluan negeri tersebut tercapai dan mencukupi, beliau juga mengesyorkan supaya pemohon-pemohon yang memandu teksi diberi keutamaan apabila Lembaga menimbang permohonan-permohonan untuk mendapatkan permit teksi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setengah-setengah syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera seperti memberi keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi, telah pun dilaksanakan sejak tahun 1979 apabila Kementerian saya memperkenalkan Dasar Milik Pandu Sendiri. Selaras dengan dasar tersebut, permit-permit teksi sejak tahun 1979 lagi hanya dikeluarkan kepada orang-orang yang mengusahakannya sendiri dan tidak memajakkan kepada orang lain.

Untuk membaiki lagi sistem pengeluaran permit-permit teksi di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia, Kementerian saya telah pun meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat mengenai teksi di peringkat negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat negeri ini adalah diminta memberi nasihat kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengenai keperluan teksi di negeri masing-masing, bilangan permit-permit teksi yang diperlukan, tempat-tempat yang sesuai yang dijadikan pengkalan teksi dan lain-lain penentuan mengenai perkhidmatan teksi. Sehingga masa ini, 7 buah Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun memberi maklum kepada Kementerian saya bahawa mereka telah pun mengambil tindakan untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa ini. Dengan bantuan Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat negeri ini, saya berharap taburan pengeluaran permit teksi akan dapat dibuat dengan lebih berkesan lagi mengikut keperluan yang wujud di negeri-negeri yang berkenaan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, sukalah saya memaklumkan bahawa dari bulan Januari hingga Oktober 1982, sebanyak 134 permit teksi tambahan telah dikelurakan atau diluluskan untuk Pulau Pinang yang menjadikan jumlah permit teksi untuk Pulau Pinang yang telah dikeluarkan sehingga akhir bulan Oktober 1982 sebanyak 960 kesemuanya.

Berkenaan dengan pemohon-pemohon dari Pulau Pinang yang dikatakan terpaksa bertahun-tahun sebelum mendapat jawapan dari Kementerian saya, sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa semua permohonan yang diterima daripada Pulau Pinang sehingga akhir bulan Mac 1982 telah pun selesai diproses, dan semua pemohon-pemohon berkenaan telah diberitahu melalui surat. Bagi permohonan-permohonan yang diterima di antara bulan April 1982 hingga bulan Ogos 1982, Lembaga telah pun selesai memproses permohonan-permohonan tersebut dan layak dipanggil temuduga telah pun ditemuduga pada 4hb Oktober yang lepas, dan keputusan-keputusan ini telah pun selesai diproses dan semua pemohon yang berjumlah 221 itu akan diberitahu sedikit masa lagi. Jumlah permohonan dari Pulau Pinang yang belum dikemukakan kepada Lembaga hanyalah 73 sahaja dan ini pun dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi. Dengan maklumat-maklumat ini, nyatalah bahawa tidaklah timbul kononnya beratus-ratus pemohon dari Pulau Pinang yang menunggu bertahun-tahun untuk mendapat jawapan daripada LPPJ.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menekankan di sini bahawa tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mempercepatkan lagi sistem pemerosesan di LPPJ tidaklah terbatas kepada permohonan-permohonan teksi sahaja, dan juga tidaklah terbatas kepada permohonan-permohonan daripada Pulau Pinang sahaja. Bahkan usaha-usaha pembaikan ini adalah untuk semua jenis permohonan kenderaan bagi tiap-tiap negeri. Tindakan-tindakan yang telah diusahakan beberapa bulan yang lalu telah dapat mengatasi masalah "backlog" atau

tunggakan permohonan yang dihadapi sebelum ini oleh Lembaga. Pada masa ini baki permohonan-permohonan yang masih ada di Lembaga adalah seperti berikut:

Bas Ekspres .. ..	883 permohonan
Bas Persiaran .. ..	126 permohonan
Bas Berhenti-henti	169 permohonan
Bas Kilang .. ..	78 permohonan
Bas Sekolah .. ..	40 permohonan
Teksi .. .. .	3,900 permohonan
Teksi Limousine ..	53 permohonan
Hire and Drive ..	55 permohonan
Lori C .. .. .	400 permohonan
Lori A .. .. .	140 permohonan

Daripada angka-angka yang saya sebut itu, dapat diperhatikan bahawa masih banyak permohonan perlu diproses untuk perkhidmatan Bas Ekspres. Tetapi sungguhpun begitu, daripada jumlah 883 permohonan Bas Ekspres yang perlu diproses, 371 adalah untuk permohonan laluan Lebuhraya Timur/Barat dan semua permohonan ini sedang diproses sekarang. Adalah diharap perkhidmatan melalui Lebuhraya Timur/Barat akan dapat bermula pada awal tahun 1983. Untuk laluan-laluan yang lain, pihak Lembaga sedang memproses semua permohonan-permohonan yang ada dan pada asasnya bagi laluan-laluan yang tidak memerlukan tambahan perkhidmatan, permohonan-permohonan yang terlibat tidak akan diluluskan.

Untuk permohonan-permohonan permit kenderaan lori, teksi dan bas, sukalah saya memaklumkan bahawa Lembaga tidak lagi mengenakan apa-apa pembekuan kepada permohonan-permohonan baru dan semua pembekuan yang telah dikenakan kepada beberapa jenis permohonan permit dahulu dengan ini ditarik balik. Lembaga sekarang ini berupaya memproses semua permohonan-permohonan yang diterima.

Namun demikian untuk mengelakkan datangnya permohonan yang begitu banyak daripada pihak-pihak yang berminat untuk

memohon, saya ingin menegaskan bahawa bakal-bakal pemohon hendaklah memberikan perhatian kepada beberapa perkara utama sebelum mengemukakan permohonan:

- (i) Mereka hendaklah mengkaji terlebih dahulu keperluan untuk jenis pengangkutan yang dipohon itu di tempat yang berkenaan oleh kerana untuk mengelakkan permohonan ditolak disebabkan oleh perkhidmatan yang sedia ada telah pun mencukupi. Pihak Kementerian dan juga pihak Lembaga dalam mengeluarkan permit-permit baru untuk apa juga jenis pengangkutan adalah memberi perhatian berat kepada kedudukan pengusaha-pengusaha yang sedia ada di dalam perkhidmatan itu dan perlu memastikan supaya mereka ini tidak terjejas akibat pertandingan tidak sihat.
- (ii) Bakal-bakal pemohon hendaklah juga memastikan keupayaan mereka adalah mencukupi untuk menjalankan jenis-jenis perkhidmatan pengangkutan yang dipohon oleh kerana pihak Kementerian dan juga pihak Lembaga ingin mengujudkan pengusaha-pengusaha pengangkutan yang benar-benar mengendalikan sendiri perniagaan pengangkutan ini tanpa menghadapi masalah.
- (iii) Pihak Lembaga telah pun mengeluarkan beberapa pra syarat yang mesti dipatuhi oleh setiap permohonan bagi mana-mana jenis permit dan sekiranya pra syarat-pra syarat itu tidak dipenuhi, maka permohonan akan tidak dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan saya akan mengambil perhatian atas mana-mana perkara yang tidak saya jawab sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

*5.16 ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas teguran-teguran dan ulasan-ulasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai aktiviti-aktiviti/program-program Kementerian Pelajaran, semasa membahaskan Ucapan Dasar Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kementerian saya akan meneliti kesemua cadangan-cadangan dan ulasan-ulasan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga akan memberi perhatian yang sewajar serta mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk memperbaiki lagi kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang serta untuk meninggikan lagi prestasinya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan program-program Kementerian saya.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan keperluan mengadakan peruntukan yang mencukupi serta perlunya memberi perhatian khas terhadap keperluan-keperluan KBSR di sekolah-sekolah terpencil dan pembahagian peruntukan di sini bahawa Kementerian saya telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan KBSR dalam tahun 1983 adalah mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, jumlah yang diperuntukkan bagi pelaksanaan KBSR ialah sebanyak \$36 juta dan ini adalah dianggap mencukupi. Di samping itu, guru-guru yang mencukupi dan yang terlatih juga akan dibekalkan kepada

sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR itu. Kementerian saya memang memberi perhatian khas kepada sekolah-sekolah terpencil dan mundur. Pembahagian peruntukan adalah diberi mengikut keperluan sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah menyentuh mengenai beberapa perkara juga berkaitan dengan dasar pelajaran, nama sekolah-sekolah, penggunaan Bahasa Malaysia dan pengajaran Bahasa Malaysia melalui radio dan televisyen.

Mengenai dasar pelajaran, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bidang kurikulum sekolah perlu mengeluarkan belia-belia yang mencintakan negara dan sanggup mengorbankan diri untuk negara. Dengan kata-kata lain kurikulum sekolah patutlah dapat menghasilkan masyarakat yang berdisiplin dan terlatih. Walau bagaimanapun saya tidak dapat menyetujui pandangan beliau yang menyatakan bahawa selepas 25 tahun merdeka matlamat tersebut tidak dapat dicapai. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya berbagai jenis latihan di semua peringkat khususnya di lapangan teknik dan vokasional kita sudah dapat mengeluarkan belia-belia yang terlatih. Matlamat dasar pelajaran kita adalah memang jelas iaitu untuk menghasilkan identiti nasional yang harus dicapai melalui perpaduan rakyat yang diberi pendidikan dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya bagi semua jenis sekolah dan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama.

Berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia, dasar Kerajaan adalah jelas dan tegas untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menjadi matlamat ini tidak perlulah dipersoalkan lagi terutama sekali dengan adanya Dewan Bahasa dan Pustaka, jadual pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa

rasmi di semua peringkat pentadbiran. Tidak benar sama sekali jika dikatakan bahawa keutamaan masih diberi kepada bahasa Inggeris. Mengenai cadangan mengajar Bahasa Malaysia melalui radio dan Televisyen Malaysia, Kementerian saya memang telah mengadakan rancangan ini melalui Radio dan Televisyen Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah memberi beberapa ulasan mengenai sistem dan mutu pelajaran di negara ini. Beliau juga telah mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi mutu pelajaran. Saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas segala ulasan dan cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tersebut dan Kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajar terhadap semua cadangan itu.

Mengenai cadangan beliau supaya Maktab-maktab Perguruan mempunyai rancangan untuk melahirkan para pendidik yang berakhlak tinggi, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian saya sememangnya telah merancang dan melaksanakan kurikulum latihan perguruan yang bertujuan menghasilkan, antara lain, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Untuk memenuhi hasrat dan objektif inilah maka di dalam kurikulum, latihan perguruan dimasukkan dan diwajibkan matapelajaran-matapelajaran Sivik untuk semua guru pelatih, Agama Islam bagi pelatih-pelatih Islam dan mata pelajaran moral bagi pelatih-pelatih bukan Islam. Di samping itu kursus-kursus lain juga adalah dianjurkan seperti Kursus Kepimpinan, Kursus Tatanegara, Kursus Dakwah dan sebagainya. Pendeknya, saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa sistem latihan guru sekarang akan melahirkan guru-guru terlatih yang bersifat sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi guru-guru panduan kerjaya pula, Kementerian saya telah mengendalikan Kursus Khas, iaitu Kursus Dalam Perkhidmatan sepenuh masa selama satu tahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas, sejak

tahun 1980 lagi. Kursus masa cuti selama 8 minggu dalam bidang yang sama juga telah diadakan mulai tahun 1982. Latihan-latihan seumpama ini akan terus diadakan sehingga keperluan guru kerjaya yang terlatih dapat dipenuhi seluruhnya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sistem pendidikan berorientasikan Islam, sukalah saya menyatakan bahawa sistem pendidikan yang kita jalankan sekarang adalah bertujuan untuk mewujudkan satu identiti nasional. Selaras dengan kedudukan agama Islam sebagai agama resmi, maka matapelajaran Agama Islam telah diberi tempat yang sewajarnya di dalam sistem pelajaran kita dan segala langkah untuk mengukuhkan kedudukannya itu telah juga diambil dari masa ke semasa. Sistem pelajaran kita memanglah memelihara kedudukan dan kepentingan Agama Islam dan tidak ada tempat dalam sistem itu yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Saranan Ahli Yang Berhormat itu lagi supaya Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dilengkapi dengan kakitangan yang mencukupi adalah memang dalam perhatian Kementerian saya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat keperluan perjawatan bagi pejabat-pejabat itu telah pun dipertimbangkan dan jawatan-jawatan yang dianggap mencukupi diluluskan. Sebilangan besar jawatan-jawatan tersebut telah pun diisi dan tindakan sedang diambil untuk mengisi yang lain. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu lagi supaya bilik-bilik latihan amali diadakan dengan sempurna, suka saya maklumkan bahawa Kementerian saya memang menyediakan kemudahan-kemudahan bagi latihan-latihan amali seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini adalah dengan tujuan memberi kesempatan bagi pelajar-pelajar untuk menjalani latihan-latihan dengan sempurna dalam bidang-bidang tertentu.

Berhubung dengan pergerakan koperasi, Kementerian Pelajaran sememangnya menggalakkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum diadakan di sekolah-sekolah. Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum ini termasuk juga pergerakan-pergerakan koperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah mencadangkan supaya satu skim pertukaran guru-guru Sabah dan Semenanjung diadakan. Mengenai cadangan ini, suka saya maklumkan bahawa skim pertukaran guru-guru antara Sabah dan Semenanjung telah lama dijalankan. Mulai tahun 1978, dengan adanya penyatuan skim perkhidmatan perguruan antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak, maka pertukaran guru-guru ke Sabah adalah sekarang diuruskan seperti pertukaran-pertukaran lain yang biasa dilakukan.

Penempatan guru-guru dari Semenanjung di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah telah dilaksanakan oleh Kementerian saya dan ramai guru-guru tersebut telah pun ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar sepertimana bagi menampung keperluan guru-guru terlatih di Sabah dan Sarawak. Ianya juga membawa kesan yang baik ke arah Integrasi Nasional.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Silam supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Kolej Islam di Sabah, ingin saya terangkan bahawa setakat ini, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk membina Kolej Islam seperti yang disarankan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya bercadang untuk membina Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bagi Negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus yang membangkitkan masalah bangunan sekolah yang uzur dan buruk di sekitar bandar dan meminta supaya keadaan ini diperbaiki. Saya tidak dapat memberi ulasan yang tepat kerana Ahli Yang Berhormat telah tidak memberitahu nama sekolah-sekolah yang dimaksudkan itu. Namun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya memang mempunyai rancangan-rancangan untuk memperbaiki dan menggantikan bangunan-bangunan sekolah yang uzur dan buruk dan perhatian sewajar akan diberi sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu saya sekolah-sekolah yang dimaksudkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Betong telah mengemukakan beberapa ulasan serta cadangan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di Sarawak, bilangan guru-guru yang terlatih dan pengajaran Bahasa Jepun. Berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di Sarawak, suka saya maklumkan bahawa rancangan-rancangan untuk mempercepatkan penggunaan Bahasa Malaysia di Sarawak sedang diuruskan dengan pesatnya oleh Kementerian saya. Untuk makluman Yang Berhormat itu guru-guru Sekolah Rendah sudah pun diberi intensif Bahasa Malaysia dan bagi guru-guru Sekolah Menengah kursus ini sedang berjalan pada masa ini. Kementerian saya juga sedang merancang untuk menghantar ramai lagi guru-guru Bahasa Malaysia ke Sabah dan Sarawak.

Mengenai pengajaran Bahasa Jepun, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk menubuhkan sebuah Institusi Bahasa Jepun adalah di antara bahasa-bahasa yang akan diajarkan untuk murid-murid yang dipilih berkursus ke Negeri Jepun. Murid-murid dari Sarawak dan Sabah juga akan diberi peluang untuk mengikuti kursus Bahasa Jepun di Institusi tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Hulu Selangor dan Pelabuhan Klang telah membangkitkan mengenai pengajaran bahasa ibunda yang tidak memuaskan pada masa ini. Berhubung dengan perkara tersebut suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian saya sentiasa mengadakan kemudahan-kemudahan untuk murid-murid mempelajari bahasa ibunda. Kelas-kelas untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa itu disediakan oleh Kementerian saya jika syarat-syarat untuk berbuat demikian dipenuhi. Adalah didapati bahawa kelas-kelas bahasa ibunda yang disediakan oleh Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di seluruh negara kian bertambah dari setahun ke setahun untuk memenuhi permintaan ibubapa yang kian bertambah bilangannya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan proses untuk menyediakan kelas-kelas yang mencukupi berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan memanglah

mengambil masa pada awal tahun persekolahan. Ini ialah kerana sekolah-sekolah berkenaan terpaksa mengambil benci untuk menentukan bilangan murid-murid yang sebenarnya ingin mengikuti kelas-kelas tersebut. Selain daripada itu juga Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian terpaksa menyediakan guru-guru yang benar-benar mahir untuk menyampaikan pengajaran itu dengan cukup berkesan. Sekolah-sekolah pada keseluruhannya mengambil masa untuk menyediakan jadual waktu bagi semua matapelajaran pada awal tahun persekolahan disebabkan oleh faktor-faktor seperti pertukaran dan penempatan guru-guru, kemasukan murid-murid baru dan lain-lain masalah pentadbiran yang terpaksa dibereskan terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tidak semua kelas bahasa ibunda dijalankan pada hari Sabtu atau diluar waktu persekolahan. Ada juga sekolah-sekolah yang mengadakan kelas-kelas itu di dalam jadual waktu biasa persekolahan. Sekolah-sekolah tersebut yang tidak menghadapi masalah-masalah seperti kekurangan bilik darjah, kesukaran memasukkan bahasa-bahasa ibunda ke dalam jadual waktu biasa dan kekurangan guru bahasa ibunda yang khas. Kementerian saya akan terus berusaha untuk mencari jalan bagaimana perkhidmatan yang lebih memuaskan dapat diadakan pada setiap peringkat persekolahan dan bagi semua matapelajaran termasuk pengajaran bahasa ibunda. Dalam usaha-usaha tersebut cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan diambil ingatan dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Damansara mengenai dasar pelajaran serta penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan telah mengambil usaha-usaha yang diperlukan untuk meningkatkan lagi mutu dan peluang pelajaran di negara ini. Dalam hal ini saya rasa Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa perkhidmatan pelajaran negara ini masih sedang berkembang dan

membangun. Oleh sebab sistem pelajaran kita masih dalam proses perkembangan tidak mungkin sistem tersebut memenuhi semua permintaannya dan tekanan yang dicurahkan ke atasnya. Walau bagaimanapun Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran untuk semua yang memerlukannya. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu bagi penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi, suka saya terangkan bahawa kajian sedang dibuat untuk menambahkan lagi kapasiti universiti-universiti yang sedia ada di samping mengkaji perlunya menubuh sebuah universiti lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah menyentuh tentang keperluan memasukkan murid-murid bukan bumiputera ke sekolah-sekolah Kebangsaan, kekurangan kelayakan guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Rendah dan keperluan kelonggaran kepada pelajar-pelajar Sabah memasuki institusi-institusi di Malaysia. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya murid-murid bukan bumiputera dimasukkan ke dalam Sekolah Kebangsaan adalah baik dan sesuai dengan hasrat Kerajaan yang menggalakkan rakyat Malaysia dari keturunan asing memasuki sekolah-sekolah tersebut. Walau bagaimanapun pemulihan jenis sekolah-sekolah yang hendak dimasuki oleh murid-murid tersebut tidaklah boleh ditetapkan oleh Kerajaan tetapi ditentukan sendiri oleh ibubapa atau penjaga murid-murid berkenaan.

Mengenai kekurangan kelayakan guru-guru darjah VI itu, adalah dimaklumkan bahawa terdapat guru-guru yang berkelulusan rendah tetapi bilangan mereka tidaklah ramai dan beransur-ansur kurang kerana persaraan, kematian dan sebagainya.

Mengenai peluang pelajaran bagi pelajar-pelajar Sabah, calon-calon dari Sabah dan Sarawak memanglah diberi kelonggaran untuk memasuki universiti-universiti tempatan jika dibandingkan dengan calon-calon yang sama kelulusannya di Semenanjung Malaysia. Ini memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan di Sabah

dan Sarawak adalah berkurangan sama ada dari segi tenaga guru terlatih maupun kemudahan fizikal. Di samping itu tenaga terlatih sangat-sangat diperlukan. Berhubung dengan cadangan tambahan bilangan sekolah di Sabah, Kementerian saya memang sedar akan keperluan untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah untuk menampung pertambahan murid-murid yang sentiasa bertambah dari setahun ke setahun. Bagi mencapai matlamat tersebut khususnya di Negeri Sabah, Kementerian saya telah merancang untuk melaksanakan sejumlah 642 buah Sekolah Rendah dan 59 buah projek Sekolah Menengah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menyentuh tentang keperluan dan kepentingan pelajaran Komputer Sains dimasukkan ke dalam kurikulum Sekolah-sekolah Menengah dan Vokasional. Dalam perkara ini Kerajaan telah pun menyedari keperluan tersebut sejak beberapa waktu yang lalu. Selain daripada menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus dalam bidang ini, Kementerian saya sedang memberikan pertimbangan yang serius untuk memasukkan pengetahuan pelajaran Komputer sebagai satu matapelajaran baru di Sekolah Menengah.

Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang telah membangkitkan masalah keadaan bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Segambut, Pelabuhan Kelang dan Panglima Garang dan telah meminta supaya bangunan baru dibina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk membina sebuah bangunan gantian bagi S.R.J.K. Tamil Segambut dalam Rancangan Malaysia Keempat. Mengenai sekolah-sekolah di Pelabuhan Kelang dan Teluk Panglima Garang yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya belum menerima sebarang permohonan untuk bangunan baru dari sekolah-sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengkaji kedudukan sekolah-sekolah berkenaan dan mengambil tindakan yang setimpal jika didapati perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok telah mengemukakan beberapa pandangan mengenai penubuhan institusi pelajaran tinggi, disiplin di sekolah-sekolah, syarat-syarat bagi pemegang biasiswa Kerajaan dan jadual pembinaan sekolah-sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sebenarnya memang mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap semua penuntut yang menerima biasiswa dari Kementerian Pelajaran. Syarat-syarat tersebut adalah juga meliputi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan dengan itu tidak perlulah ditambah syarat-syarat lain. Namun demikian Kementerian saya adalah sentiasa mengawasi perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam hal ini dan pengubahsuaian kepada syarat-syarat yang sedia ada akan tetap dibuat sekiranya didapati perlu.

Mengenai kelewatan yang berlaku dalam pembinaan sekolah di Telok Intan, projek itu telah tergendala disebabkan oleh masalah pengambilan tanah bagi tapak yang dicadangkan dan hanya dapat diselesaikan pada tahun 1981. Buat masa ini pihak Jabatan Kerjaraya sedang menyediakan dokumen-dokumen tender yang perlu dan tender adalah dijangka dipanggil dalam masa 2 bulan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, keadaan disiplin di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah adalah sentiasa diawasi dan adalah terkawal. Di samping itu Kementerian saya juga telah mengambil langkah-langkah seperti penubuhan Unit Disiplin di Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian, mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan disiplin, mengeluarkan Pekeliling-pekeliiling tertentu dan sebagainya dengan tujuan memperketatkan serta memperkemaskan lagi disiplin di semua sekolah.

Pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau bahawa Sistem 3M merupakan sistem yang paling baik pada masa ini adalah sebenarnya mencerminkan penerimaan rakyat terhadap KBSR itu. Jika dibandingkan di antara tentangan-tentangan sebelum KBSR dilaksanakan pada tahun

1982 ini dengan pandangan yang diberikan selepas pelaksanaannya ternyata sekali perbezaan ialah bak kata pepatah "tak kenal maka tak cinta". Pandangan-pandangan yang terdahulu mencerminkan kesangsian dan rasa was-was manakala pandangan yang terkemudian menampakkan keyakinan. Berdasarkan kepada hakikat ini daya bertambah yakin bahawa sesungguhnya suara-suara penentangan yang kita dengar baik di Dewan yang mulia ini mahupun di luar adalah suara yang sumbang belaka.

Ahli Yang Berhormat dari Labis telah mengesyorkan supaya mata pelajaran Hak Pengguna dimasukkan di dalam kurikulum sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, dalam perancangan kurikulum baru Sekolah Menengah yang sedang dibuat sekarang isu Hak Pengguna dan isu-isu semasa yang lain seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya adalah diberi pertimbangan yang serius.

Mengenai penyusunan semula Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta, suka saya terangkan di sini bahawa urusan penyusunan semula tersebut telah pun dilaksanakan oleh semua negeri hanya pengisian beberapa jawatan sahaja yang belum diselesaikan kerana ianya melibatkan guru-guru yang mengajar di kelas-kelas peperiksaan.

Mengenai jawatan-jawatan kosong akibat pelaksanaan KBSR, suka saya maklumkan bahawa sebenarnya terdapat banyak jawatan kosong untuk guru-guru. Di mana berlaku kekosongan jawatan, selalunya tindakan segera adalah diambil untuk kekosongan tersebut terutama sekali jika ianya melibatkan kelas-kelas KBSR.

Mengenai kempen jimat cermat yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pelajaran adalah turut terlibat dalam kajian semula peruntukan belanja mengurus dan perkara itu tidaklah dapat dielakkan. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah pun mengambil langkah-langkah yang diperlukan dan akan berusaha untuk memastikan supaya kecekapan dan prestasinya tidak terjejas akibat pengurangan peruntukan tersebut.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam supaya bahasa Inggeris diajarkan mulai Darjah III di Sekolah-sekolah Kebangsaan, Kementerian saya tidak dapat melaksanakannya kerana ini adalah bertentangan dengan kehendak Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang memperakukan supaya peringkat bagi bahasa Inggeris mula diajarkan di Sekolah-sekolah Rendah adalah seperti yang berjalan sekarang. Ini bermakna bagi Sekolah Rendah Kebangsaan adalah mulai tahun I dan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah mulai tahun III.

Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang juga di antara lain telah menyentuh mengenai dasar memandang ke Timur, bilangan pelajar-pelajar di Universiti; dan blangan di universiti-universiti tempatan. Suka saya tegaskan di sini bahawa membuat satu perbandingan dari segi kuantiti pelajar dan jumlah universiti di negara ini dengan negara Jepun adalah suatu yang tidak praktikal. Ini adalah kerana Kerajaan mesti memandang soalan pelajaran tinggi dalam negara ini dengan berlandaskan kepada elemen-elemen tempatan iaitu seperti dasar keperluan gunatenaga, dasar pelajaran dan juga kemampuan negara.

Suka saya mengesahkan di sini bahawa sungguhpun enrolmen pelajar di semua universiti-universiti tempatan pada tahun 1981/82 adalah lebih kurang 20,000 orang, Kerajaan memang merasakan jumlah ini adalah kecil dan oleh sebab itu pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji kedudukan perkembangan bagi kelima-lima universiti tempatan yang sedia ada untuk menentukan perkembangan yang sepatutnya dicapai oleh universiti-universiti tersebut. Ini adalah kerana universiti-universiti tempatan masih belum berkembang dengan sepenuhnya dan mereka masih mampu untuk menampung bilangan pelajar yang lebih ramai. Dengan langkah ini Kerajaan berharap akan dapat memperluaskan peluang pelajar-pelajar mendapatkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan. Peluang-peluang ini pula

hendaklah dinilai daripada segi permintaan tenaga manusia, kemampuan negara dan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam hal keperluan tenaga manusia, negara mestilah mengeluarkan jumlah siswazah yang seimbang supaya masalah pengangguran siswazah tidak berlaku seperti di setengah negara-negara yang sedang membangun.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh mengenai pengambilan ke universiti-universiti tempatan dalam mana beliau menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang dinafikan tempat dan sebaliknya pelajar yang lebih rendah pencapaiannya telah diberi tempat di universiti-universiti tempatan. Suka saya terangkan di sini bahawa pemilihan pelajar-pelajar memasuki universiti-universiti tempatan yang dijalankan sekarang adalah mengikuti prinsip-prinsip yang telah ditentukan dan keutamaan pencapaian pelajar-pelajar bagi kumpulan masing-masing. Cara ini adalah berdasarkan kepada sistem yang bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam kumpulan masing-masing pengambilan adalah mengikut keutamaan merit.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah meminta supaya Kementerian saya mengambil perhatian yang lebih terhadap semua sekolah dan mengambil tahu dengan lebih rapi apa yang berlaku di sekolah-sekolah tertentu. Beliau telah merujuk kepada kes-kes yang berlaku di dua buah sekolah tertentu iaitu Sekolah Lelaki Bukit Bintang dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yok Chi, Bukit Petaling.

Saya suka menegaskan di sini bahawa dalam kes-kes yang berkenaan itu ianya juga melibatkan Agensi-agensi Kerajaan sama ada diperingkat negeri ataupun peringkat pusat. Kerana mereka itu adalah sebahagian daripada Kerajaan ada tindakan-tindakan yang terpaksa diambil dahulu oleh Agensi-agensi tersebut terutamanya Agensi-agensi Kerajaan Negeri kerana termasuk dalam bidang kuasa mereka.

Kementerian Pelajaran memang senantiasa mengawasi keadaan sekolah di semua bidang tanpa membezakan Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Satu atau dua contoh sekolah menghadapi nasib yang kurang baik tidak bermakna Kementerian tidak mengambil berat tentang sekolah-sekolah tersebut kerana terdapat banyak sekolah-sekolah yang telah menikmati rancangan pembangunan dan bantuan sama ada dari segi fizikal ataupun kewangan tetapi hakikat ini kadangkala tidak disedari atau sengaja tidak mahu diakui oleh orang-orang yang tertentu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedar bahawa apa yang sangat-sangat perlu ialah koordinasi yang lebih rapi di antara Agensi-agensi Kerajaan terutamanya di antara Kementerian dengan Agensi-agensi Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi kerana pentadbiran tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri kecuali Wilayah Persekutuan. Kementerian Pelajaran adalah bertindak ke arah koordinasi yang lebih rapi lagi dan penubuhan pejabat-pejabat pelajaran daerah bertujuan ke arah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya Kementerian saya mengadakan guru-guru terlatih yang mencukupi. Kementerian saya memangnya telah berusaha untuk mengadakan jumlah guru yang mencukupi untuk keperluan semua sekolah-sekolah di negara ini. Langkah-langkah telah diambil untuk menambahkan pengambilan calon-calon untuk kursus asas Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China sepenuh masa dan juga telah menganjurkan Kursus Latihan Asas Dalam Masa Cuti bagi guru-guru sementara di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China). Sejak tahun 1969 hingga 1981, sejumlah kira-kira 3,376 orang guru terlatih Kursus Dalam Masa Cuti telah dikeluarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga telah membangkitkan perkara peruntukan yang lebih bagi sekolah-sekolah China di Sarawak. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat itu, ingin saya tegaskan bahawa dalam meluluskan peruntukan kepada sekolah, Kerajaan tidak membezakan antara Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Sebenarnya pemberian bantuan perkapita kepada sekolah-sekolah adalah berdasarkan kepada bilangan sebenar murid-murid yang terdapat di sesebuah sekolah itu dan bukannya mengikut aliran bahasa pengantar sekolah berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan mengenai kekurangan dan kelayakan guru-guru di Sabah, suka saya jelaskan bahawa guru-guru yang terlatih di Sabah, sama ada berasal dari Sabah atau Semenanjung adalah terikat dengan perjanjian untuk bertugas di Sabah selama 5 tahun. Tidak ada pengecualian diberi dalam perkara ini. Taraf pelajaran tidaklah terjejas dengan bertukarnya guru-guru yang berasal dari Semenanjung, kerana tempat mereka akan diambil oleh guru-guru lain dari Sabah sendiri atau dari Semenanjung. Dari segi kelayakan untuk mengajar matapelajaran tertentu, guru-guru di Sabah adalah sebolebolehnya diberi tugas untuk mengajar matapelajaran mengikut opsyen pertama mereka. Ada kalanya mereka terpaksa mengajar matapelajaran yang bukan opsyen pertamanya tetapi ini adalah dalam kes-kes tertentu yang mana memang tidak dapat dielakkan.

Berhubung dengan kekurangan buku teks, ini tidaklah benar kerana sekolah-sekolah yang berhak mendapat bantuan buku teks telah pun dibekalkan buku-buku berkenaan dengan sepenuhnya. Buku yang diberi pada awal tahun adalah merupakan buku-buku tambahan untuk menampung tambahan murid-murid atau bagi menggantikan buku-buku yang rosak. Segala usaha sudah dibuat untuk menentukan bahawa semua buku tambahan ini sampai ke tangan murid-murid pada permulaan minggu pertama persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, program-program di bawah Kementerian saya telah menarik perhatian banyak Ahli-ahli Yang Berhormat

dan saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai program-program Kementerian saya. Kementerian saya akan mengambil ingatan mengenai kesemua cadangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul—sebelum saya mengakhiri—sekali lagi membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Bolehlah dikatakan perkara-perkara yang beliau bangkitkan kali ini adalah ulangan belaka, cuma kali ini beliau mula mengemukakan cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa berjuta-juta rakyat Malaysia telah memberikan perhatian berat terhadap Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tetapi tidak benar sama sekali dakwaan beliau bahawa berjuta-juta rakyat Malaysia telah menyatakan tentangan terhadap kurikulum ini. Jika dakwaan beliau benar nescaya satu keadaan huru-hara telah berlaku di negara ini. Tiap-tiap kali saya mengadakan lawatan atau pertemuan dengan orang ramai hanya alu-aluan dan sokongan sahaja yang saya dengar dan bukan tentangan. Inilah sebabnya saya berani mengatakan bahawa yang sebenar-benarnya tidak puas hati terhadap Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini hanyalah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul dan rakan-rakan beliau sahaja. Sebarang penjelasan yang diberikan oleh Menteri Pelajaran bahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun tidak dapat memuaskan mereka.

Saya tidak tahu sama ada beliau faham penjelasan yang telah diberikan di Dewan yang mulia ini, yang diberikan dalam Bahasa Malaysia yang sehingga ini Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul masih lagi menggunakan dengan izin special privileginya sebagai wakil dari Sarawak berucap dalam Bahasa Inggeris. Saya belum nampak lagi Ahli Yang Berhormat itu benar-benar berusaha mencuba bercakap dalam Bahasa Malaysia dalam Dewan ini.

Saya percaya dakwaan saya ini tidaklah meleset. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul menuduh bahawa Menteri Pelajaran berasa bahawa seruannya atas pertambahan peruntukan waktu pengajaran Bahasa Inggeris di SRJK China di dalam KBSR merupakan bahan publisiti atau, dengan izin, cheap publicity stunt, sedangkan dalam ucapan penjelasan yang diberikan di Dewan ini pada 20hb dan 21hb Oktober lalu Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak pun menyebutkan demikian. Ini merupakan Ahli Yang Berhormat itu tidak faham penjelasan yang diberikan.

Dari segi sikap juga kelihatan jelas bahawa Ahli Yang Berhormat tidak menimbulkan kepentingan rakyat dan negara, sebaliknya Yang Berhormat lebih menimbulkan kepentingan segelintir manusia yang sudah ketinggalan zaman, yang masih mendewadewakan Bahasa Inggeris. Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah digubal untuk mencapai matlamat mewujudkan identiti nasional dan perpaduan. Bahasa Malaysia adalah berfungsi sebagai bahasa perpaduan rakyat, akan tetapi Yang Berhormat itu tidak sedikit pun menyentuh kepentingan negara yang tersebut ini. Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah mengutarakan saranan supaya peruntukan waktu pengajaran Bahasa Malaysia di SRJK China ditambah.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan negara menjamin hak rakyat keturunan Cina untuk terus dapat mempelajari bahasa mereka, dan Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menambah peruntukan waktu pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SRJK yang berkenaan dalam KBSR. Langkah inilah yang selaras dengan kemahuan rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul sedikit pun tidak menyentuh perkara ini. Mungkin beliau malu—sekali lagi malu—menyebutkannya kerana ini adalah langkah dan inisiatif Kerajaan dan bukannya hasil perjuangan beliau dan rakan-rakannya.

Cabaran Ahli Yang Berhormat supaya Menteri Pelajaran mengadakan pertemuan dengan belia-belia keturunan China,

pertubuhan-pertubuhan Cina dan badan-badan pendidikan Cina, saya anggap cabaran dari seorang yang kehabisan modal. Kementerian Pelajaran sekarang mengetahui sikap dan pandangan golongan ini melalui berbagai saluran iaitu dari akhbar-akhbar, orang-orang perseorangan, seminar, memorandum dan lain-lain. Kementerian Pelajaran telah pun mengambil kira semua pandangan yang diberikan. Memang tidak semua pandangan dapat diterima kerana Kementerian saya adalah diamanahkan untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat, hanya pandangan-pandangan yang konstruktif ke arah pencapaian matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan sahaja yang diterima.

Bagi menjelaskan lagi penerangan yang telah diberikan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu pengajaran bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menurut Kurikulum Baru Sekolah Rendah, saya ingin menyatakan bahawa bahasa Inggeris adalah satu matapelajaran yang diletakkan di dalam bidang kemahiran asas iaitu setempat dengan matapelajaran bahasa pengantar dan matematik. Pertambahan atau pengurangan peruntukan waktu dalam salah satu daripada matapelajaran tak dapat tiada akan menjejaskan matapelajaran yang lain. Jika Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu mendesak supaya peruntukan waktu pengajaran bahasa Inggeris ditambah, maka peruntukan masa yang boleh dikurangkan ialah sama ada bahasa pengantar (bahasa Cina) atau matematik. Matapelajaran-matapelajaran lain seperti pendidikan moral, agama Islam, pendidikan seni dan lain-lain tidak boleh diusik. Sekarang adakah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu yakin bahawa rakyat keturunan China mahu jika peruntukan masa bagi bahasa Cina atau matematik dikurangkan untuk membolehkan peruntukan waktu pengajaran bahasa Inggeris ditambah? Saya percaya jika hal ini berlaku Ahli Yang Berhormat tersebut tidak akan berani lagi menghadapi rakyat kerana beliau memperjuangkan sesuatu yang bertentangan dengan hasrat rakyat.

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membangkitkan ulasana-ulasan mengenai Kementerian saya.

**Timblan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

5.58 ptg.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian saya dalam Perbahasan Belanjawan bagi tahun 1983. Saya akan cuba memberi penjelasan kepada perkara-perkara penting yang telah ditimbulkan. Moga-moga dengan penjelasan ini dapatlah Ahli-ahli Yang Berhormat memahami kedudukan yang sebenar dalam usaha-usaha kita untuk membangun Wilayah Persekutuan ini dalam prospektif yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap Pelan Induk Kuala Lumpur yang mengikut pendapat beliau merupakan terlalu banyak perhatian terhadap pembangunan kawasan-kawasan baru seperti Bukit Jalil, Hawthornden, Sungai Pencala dan Segambut, dan mengeneipkan kawasan-kawasan seperti yang terletak dalam kawasan pilihanraya di Sungai Besi.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Pelan Induk ini bolehlah saya rumuskan sebagai bertujuan untuk mewujudkan suatu perancangan bandar yang tersusun, bersepadu, seimbang dan rasional berasaskan kepada pembentukan satu hairaki pusat-pusat bandar. Konsep hairaki pusat-pusat bandar ini memberi penekanan terhadap pembangunan pusat-pusat bandar mengikut saiz yang ditentukan, di mana pusat-pusat bandar tersebut dibangunkan mengikut

kelas-kelas pemeringkatannya. Pemeringkatan ini bermakna penumpuan yang tidak sama rata dalam proses memajukan pusat-pusat bandar tersebut. Dalam konteks Pelan Induk Kuala Lumpur ini, Wilayah Persekutuan dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu: Taraf Pertama yang mengandungi pusat bandaraya; Taraf Kedua yang merangkumi pusat-pusat bandar kecil utama; Taraf Ketiga yang terdiri daripada pusat-pusat pertentangan dan tempatan; dan Taraf Keempat yang meliputi kawasan yang selainnya. Sehubungan dengan ini, di atas tuduhan Yang Berhormat itu, izinkanlah saya menjelaskan bahawa kawasan-kawasan yang dimaksudkan itu, iaitu Bukit Jalil dan Hawthornden adalah sebahagian besarnya terdiri daripada tanah Kerajaan. Dengan itu, faktor ini memudahkan Kerajaan untuk merancang satu pelan struktur yang tersusun, tanpa melibatkan masalah yang rumit kepada tanah-tanah persendirian. Dengan adanya pelan struktur yang teratur, bukan sahaja kawasan perumahan dan perniagaan dapat dizonkan, bahkan juga tapak perindustrian, terutamanya perindustrian kecil dapat ditentukan, supaya dapat mengelakkan berlakunya pencemaran alam. Keadaan ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyelerakkan perkembangan perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju daripada tertumpu kepada pusat bandaraya sahaja. Oleh yang demikian, kawasan-kawasan tersebut dikelaskan dalam Taraf Kedua.

Mengenai kawasan-kawasan baru yang lain pula, di mana Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Segambut dan Sungai Pencala yang juga diberi keutamaan Taraf Kedua; sebagaimana Yang Berhormat sendiri sedia maklum kawasan-kawasan ini sebahagian besarnya juga adalah tanah rezab Melayu. Proses pembangunannya adalah perlahan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di Wilayah ini, kerana kebanyakan penduduknya terdiri daripada mereka dalam golongan berpendapatan rendah. Sebaliknya, tanpa pengawasan dan pengawalan yang rapi, kawasan-kawasan tersebut tidak akan dapat berkembang

seimbang dengan kawasan-kawasan lain, terutamanya dengan pusat bandaraya. Oleh yang demikian adanya penekanan dalam Pelan Induk, membolehkan kawasan-kawasan tersebut dimajukan secara tersusun dan seimbang dengan kawasan-kawasan lain di Wilayah Persekutuan. Berbanding pula dengan kawasan-kawasan yang Yang Berhormat sebutkan iaitu di kawasan Parlimen Sungai Besi, Sentul, Kepung dan Jinjang, kesemua kawasan ini telah pun mempunyai "lay-out plan" sendiri. Penyusunan semula kawasan-kawasan tersebut akan melibatkan berbagai-bagai masalah yang rumit, terutamanya ia melibatkan tanah-tanah persendirian. Kawasan-kawasan ini memang pun sudah lebih maju dari kawasan-kawasan yang baru dicadangkan itu. Ahli Yang Berhormat juga menuduh bahawa Pelan Induk tersebut tidak menggambarkan objektif kedua Dasar Ekonomi Baru, iaitu menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan indentifikasi kaum dengan fungsi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan di sini bahawa diskriminasi tersebut tidak timbul, kerana jika diteliti pada keadaan sekarang, pembangunan yang seimbang antara kaum belum lagi wujud. Sebahagian besar aktiviti-aktiviti ekonomi dalam kawasan pusat bandaraya khususnya bukanlah di dalam tangan bumiputera. Pembentukan Taraf Kedua pusat-pusat bandar di kawasan-kawasan baru dan rezab Melayu memberi peluang kepada bumiputera untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan perindustrian. Malah salah satu andaian yang dibuat terhadap penentuan Taraf Kedua kepada kawasan-kawasan baru ialah kadar penghijrahan tenaga buruh dari luar bandar ke bandar akan berlanjutan pada masa-masa akan datang. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar daripada penghijrah-penghijrah tersebut terdiri daripada bumiputera-bumiputera yang datang untuk mencari pekerjaan yang lebih baik, dan sudah tentulah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Untuk mengelakkan pertumbuhan tempat-tempat tinggal yang tidak teratur dan bercampur aduk seperti

yang terdapat di tempat setingan adalah lebih sesuai diletakkan mereka di bandar-bandar baru, dengan menempatkan peluang-peluang pekerjaan di sini, daripada tertumpu ke pusat bandaraya dan kawasan-kawasan yang memang pun sedang membangun seperti di kawasan Sungai Besi, yang sudah pun mempunyai zon-zonnya sendiri. Malah, jika Yang Berhormat teliti, kawasan-kawasan baru yang dikelaskan sebagai Taraf Kedua itu bukanlah khususnya untuk bumiputera sahaja. Oleh itu, tuduhan Yang Berhormat itu adalah tidak benar dan tidak berasas. Pelan Induk disediakan begitu rupa untuk memastikan semua pihak dan warganegara Malaysia mendapat tempat yang adil dalam pembangunan negara.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, berikutan dengan Pelan Induk ini ialah mengenai pengusaha Industri-industri kecil selalu disaman oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana tidak mempunyai lesen.

Kerajaan telah pun menetapkan kawasan-kawasan tertentu untuk meletakkan industri-industri kecil sebelum Pelan Induk diperkenalkan lagi, iaitu dalam kawasan lama 36 batu persegi di bandaraya, dengan berpandukan kepada Pelan Pembangunan Lengkap No. 1039 dan 1041 yang telah diwartakan pada 20hb Ogos, 1970. Bagi mereka yang berniaga di kawasan-kawasan yang ditentukan dalam Pelan tersebut, sememangnya lesen dikeluarkan. Bagi kawasan yang di luar 36 batu persegi pula, dan belum dizonkan atas sebab-sebab tertentu lesen sementara dikeluarkan. Saman hanya dikeluarkan terhadap pengusaha-pengusaha yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (W.P.) 1981, yang tidak membenarkan mereka menjalani perusahaan industri kecil di tempat-tempat yang tidak sesuai yang telah dizonkan untuk kegunaan lain, misalnya kawasan taman perumahan yang dihaskan tempat manusia tinggal. Dan peraturan ini meliputi kawasan Salak South, di mana kawasan tersebut telah mempunyai

pelan "lay-out"nya sendiri. Tindakan Dewan bandaraya itu adalah tidak salah dan berpandu kepada peraturan dan undang-undang yang ada. Malah sebelum tindakan menyaman mereka dikenakan, notis telah pun dikeluarkan memberi amaran kepada mereka, walaupun dari segi Undang-undang, notis tersebut tidak diperlukan. Saya berharap Yang Berhormat itu tidak terlibat menggalakkan penyokong-penyokongnya melanggar undang-undang. Seperti juga tindakan-tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang melanggar undang-undang yang lain, pihak Dewan Bandaraya akan terus menguatkuasakan undang-undangnya demi untuk keselamatan dan kepentingan orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menimbulkan masalah kekurangan kemudahan asas, termasuk perumahan dan tanah bagi penduduk-penduduk bumiputera di Wilayah Persekutuan. Sebenarnya pihak Kementerian saya sangat mengambil berat terhadap masalah tersebut, dan melalui Jabatan-jabatan Kerajaan tindakan-tindakan yang tertentu sedang diambil. Di bawah Program Nadi yang diselaraskan oleh Kementerian saya, tindakan yang tegas sedang diambil untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air paip ke kawasan-kawasan yang berpendapatan rendah. Di samping itu, rumah-rumah kos rendah sedang giat dibina untuk menampung keperluan awam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Jabatan Tanah dan Galian telah pun disusun semula dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas untuk mempercepatkan proses permohonan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara penting yang ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini ialah sistem pengangkutan Aerobus yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan di Kuala Lumpur ini melalui laluan sejauh 5 km. Sistem Aerobus ini adalah satu dua sistem pengangkutan awam laju ringan (Light Rapid Transit) yang akan diadakan di Wilayah Persekutuan untuk kepentingan orang ramai. Sistem Aerobus adalah satu sistem yang

menggunakan teknologi moden yang terbaru. Sistem ini pernah dicuba di Meinhæm di negara Jerman Barat dan adalah terbukti ianya merupakan sistem pengangkutan awam yang efisien yang boleh menampung keperluan orang ramai seperti yang terdapat di Kuala Lumpur ini. Sebelum Kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan aerobus, Kerajaan telah meneliti beberapa jenis sistem yang telah dicadangkan seperti:

- (1) Sistem Aerobus;
- (2) Sistem Light Rail;
- (3) Sistem Mono Rail;
- (4) Sistem Automatic Guideway;
- (5) Sistem Keretapi Bawah Tanah (Underground Train).

Semua sistem ini boleh mengangkut penumpang-penumpang dengan kadar jumlah yang banyak. Tia-tiap sistem mempunyai advantage atau keistimewaannya yang tersendiri mengikut keadaan dan tempat.

Dari segi kos pula, mengikut anggaran yang telah dibuat sistem yang paling murah di antara kelima-lima sistem yang tersebut ialah sistem Aerobus yang berharga kira-kira \$15 juta tiap-tiap satu kilometer bergantung kepada banyak jumlah perhentian dan jenis perhentian yang akan didirikan. Sistem kedua murah pembinaannya ialah Light Rail iaitu kira-kira \$30 juta tiap-tiap satu kilometer dan sistem yang ketiga murah harganya ialah Mono Rail diikuti oleh sistem Automatic Guideway dan yang paling mahal jika hendak dilaksanakan di Kuala Lumpur dan yang paling susah ialah keretapi bawah tanah yang dianggar akan menelan belanja melebihi \$100 juta pada satu kilometer.

Sistem Aerobus bukan sahaja murah harganya tetapi senang untuk dipasang dan paling sesuai untuk diadakan mengikut keadaan yang terdapat di Kuala Lumpur khasnya untuk memberi perkhidmatan jarak dekat di antara satu bangunan yang lain. Sistem ini menggunakan teknologi kabel adalah jauh lebih baik, lebih laju dan lebih

selamat daripada sistem Cable-Car. Sistem Cable-Car itu sendiri memang sudah terkenal sebagai satu pengangkutan awam yang banyak digunakan di seluruh dunia termasuk negara-negara Barat yang sudah maju dan negara-negara yang sedang membangun. Sistem Cable-Car biasanya digunakan melalui laluan-laluan yang sangat rumit dan merbahaya, seperti melalui gaung-gaung di gunung-gunung dan sungai-sungai yang deras dan dalam dan sebagainya yang tidak boleh dilalui oleh lain-lain jenis kenderaan awam.

Oleh itu, orang ramai saya menyeru tidak perlu bimbang atau ragu tentang keselamatan dan kemampuan sistem Aerobus yang akan diadakan di Kuala Lumpur. Sistem ini juga akan disesuaikan mengikut keadaan-keadaan dan keperluan-keperluan yang diperlukan oleh orang ramai. Selain daripada menjadi pengangkutan awam di ibu negara ini adalah juga diharap dijangkakan sistem ini boleh menjadi satu penarikan (attraction) kepada pelawat-pelawat untuk datang melawat negara kita khasnya ibu negara Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah sudi mengemukakan pandangan-pandangan mereka terhadap Kementerian saya. Perkara-perkara yang telah ditimbulkan dan tidak sempat saya jawab akan diambil perhatian dan mana-mana yang sesuai akan dipertimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

*6.13 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan atau menyentuh perkara-perkara mengenai pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar, peruntukan-peruntukan pembangunan Kementerian dan

agensi-agensi serta projek-projek pembangunan Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar yang telah diwujudkan semula sejak lebih setahun yang lalu sememangnya bertujuan untuk memupuk pembangunan negara bagi masa hadapan dan berhasrat untuk membangunkan sektor-sektor luar bandar dalam usaha Kerajaan untuk mencapai cita-cita ke arah kesempurnaan hidup yang seimbang kepada setiap rakyat di negara ini terutamanya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Pada masa ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar lebih menumpukan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan bagi kawasan luar bandar dengan menyusun semula kampung-kampung, penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, bekalan air dan elektrik di samping berusaha menubuhkan industri-industri kecil kampung dengan tujuan meningkatkan lagi pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar serta menggalakkan mereka bergiat di dalam program-program pembangunan masyarakat. Selain daripada itu soal yang lebih penting lagi ialah pembangunan sikap. Ini bertujuan supaya penduduk-penduduk luar bandar lebih berminat mengambil kesempatan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk-penduduk negeri ini dan ini adalah menjadi harapan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat membantu agensi-agensi Kerajaan mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat melahirkan rasa kebimbangan mereka ekoran daripada trend ekonomi negara yang agak merosot pada ketika ini. Mereka khuatir kalau-kalau kawasan mereka ketinggalan di dalam projek-projek pembangunan. Ahli-ahli Yang

Berhormat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan terus maju dan berusaha untuk melaksanakan peranannya bagi memenuhi kehendak-kehendak kemudahan asas. Dalam tahun 1983 misalnya, Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak lebih kurang \$160 juta bagi rancangan bekalan elektrik, manakala sebanyak \$105 juta adalah disediakan untuk menambah lagi kawasan-kawasan yang akan mendapat bekalan air yang bersih. Begitu juga dengan projek-projek jalan luar bandar di mana sebanyak lebih kurang \$134 juta telah disediakan. Di samping itu \$60 juta lagi disediakan untuk projek-projek menaikkan taraf jalan-jalan kampung.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 1981 sepanjang 1,602 batu jalan-jalan luar bandar telah pun disiapkan. Memang telah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi lebih ramai rakyat luar bandar faedah-faedah pembangunan infrastruktur. Justeru itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan bergiat dengan lebih gigih lagi ke arah pembangunan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah dan sedang merancang pelaksanaan program-program sehingga tahun 1985. Dengan sokongan dan kerjasama daripada semua peringkat pentadbiran, program-program ini akan berjaya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ekonomi negara sekarang ini agak merosot, namun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tetap akan memainkan peranannya dalam usaha melahirkan lebih ramai lagi para usahawan bumiputera dari golongan profesional dan seterusnya berusaha memastikan mereka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dari \$160 juta telah diperuntukkan agar Kerajaan dapat memberi perbelanjaan teknikal dan profesional kepada anak-anak bumiputera di dalam dan luar negeri. Kerajaan juga telah

memperuntukkan sebanyak \$44 juta bagi tujuan memberi latihan khidmat nasihat, bimbingan dan pinjaman kepada usahawan-usahawan bumiputera. Kementerian ini berharap untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan bumiputera dari golongan teknokrat dan profesional demi memenuhi hasrat penyertaan bumiputera selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan bimbang dengan beberapa pengurangan peruntukan ke atas Kementerian serta agensi-agensi di bawah Kementrian ini. Kementerian ini akan berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mewujudkan satu corak pentadbiran yang cekap, bersih dan beramanah dan Kementerian ini yakin dan percaya bahawa pentadbiran yang sedemikian akan dapat menjimatkan lagi perbelanjaan pengurusan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekelain, satu konsep pentadbiran bercorak baru yang dipanggil konsep pengurusan melalui mesyuarat telah mula diamalkan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan adalah dipercayai pentadbiran sedemikian akan dapat mengurangkan lagi keperluan mengadakan lawatan-lawatan, perjumpaan-perjumpaan dan kos perhubungan selaras dengan dasar yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, konsep ini juga akan lebih memudahkan lagi tugas-tugas perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan di samping menentukan penglibatan semua pihak untuk kejayaan projek-projek di bawah Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, program-program bekalan luar bandar telah dapat dijalankan dengan baik di mana sebanyak lebih kurang 7,600 buah kampung telah pun mendapat kemudahan tersebut dan adalah dijangkakan

sebanyak 600 buah kampung lagi akan mendapat faedah yang sama menjelang penghujung tahun 1983 nanti, insya Allah. Berkemungkinan juga pembangunan tersebut akan dijalankan di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melahirkan rasa kebimbangan di Dewan yang mulia ini.

Program-program bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) juga akan dipertingkatkan lagi sekiranya masyarakat dapat memberi kerjasama sepenuhnya serta sambutan yang menggalakkan ke atas program-program yang dijalankan oleh pihak KEMAS. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, KEMAS setakat ini telah dapat memberi faedah ke arah pembaharuan sikap kepada lebih kurang 459,000 orang penduduk-penduduk luar bandar melalui lebih daripada 13,300 kumpulan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh bahagian tersebut. Adalah diyakini dan dipercayai bahawa jumlah ini akan meningkat lebih setengah juta penduduk melalui lebih kurang 16,000 kumpulan aktiviti pada akhir tahun 1982 ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga akan mempertingkatkan lagi program-program pembangunan dan pelajarannya di masa-masa hadapan. Sebagai perbandingan MARA setakat ini telah berjaya mengeluarkan seramai 13,000 orang teknokrat bumiputera dan telah juga mengeluarkan sebanyak 21,000 biasiswa untuk pelajaran tinggi. Bahagian pelajarannya telah juga berjaya mengeluarkan lebih dari 5,000 orang penuntut setahun melalui Maktab Rendah Sains MARA, Institut Kemahiran MARA dan Latihan Kemahiran MARA. Manakala Bahagian Usahawan MARA pula telah berjaya memberi latihan khidmat nasihat dan bimbingan kepada keseluruhan usahawan di mana lebih 30,000 orang usahawan-usahawan telah mendapat faedah daripada perkhidmatan ini setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mempertingkatkan serta menambahkan lagi

bilangan pusat-pusat latihan kraftangan, bilangan kawasan pembangunan infrastruktur, penubuhan pusat-pusat perindustrian kecil di kawasan luar bandar serta lain-lain program yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan yang masih belum dibangunkan, Kementerian ini berharap agar ianya dapat memainkan peranan dengan lebih teratur dan berkesan lagi melalui perancangan-perancangan yang telah ditetapkan untuk masa-masa depan. Kementerian ini sedang berusaha untuk melaksanakan program pembangunan tersebut demi kepentingan dan juga faedah rakyat di luar bandar dalam segala bidang bagi menambah lagi keperluan-keperluan asas dan juga membaharui sikap masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan kepada Kementerian ini yang bertindak dan berfungsi untuk mewujudkan satu corak pentadbiran ke arah pembangunan di seluruh negara bagi lapisan masyarakat ke negara ini. Atas pandangan dan teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian ini akan menggunakan di dalam perlaksanaannya dan perancangan Kementerian ini di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

6.26 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi segala pandangan, teguran dan cadangan berhubung dengan beberapa perkara di bawah Kementerian Buruh dan

Tenaga Rakyat. Kementerian saya akan memberi perhatian yang teliti kepada semua pandangan-pandangan, teguran dan cadangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh mengenai masalah kekurangan tenaga pekerja yang sedang dialami oleh Negara kita sekarang ini dan telah mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memang sentiasa memberi perhatian berat atas masalah ini. Kementerian saya telah merancang langkah-langkah jangka pendek dan juga langkah-langkah jangka panjang bagi menyediakan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan di setiap sektor pekerjaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dapat memerhatikan bahawa Kerajaan memang memberi keutamaan kepada program-program latihan tenaga kerja. Belanjawan Pembangunan 1983 bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, seperti yang sedang dipertimbangkan di Dewan ini sekarang, telah ditambah sebanyak hampir-hampir 200% dari \$11,053,911 dalam tahun 1982 kepada \$47,622,010 untuk tahun 1983. Peruntukan Pembangunan tersebut adalah untuk membina Institut-institut Latihan Perindustrian bagi melatih tenaga pekerja mahir dan separuh mahir melalui kursus pelbagai ketukangan.

Buat masa sekarang ini hanya terdapat dua buah Institut Latihan Perindustrian yang bergerak cergas dalam memenuhi keperluan tenaga mahir iaitu Institut Latihan Perindustrian, Kuala Lumpur dan Institut Latihan Perindustrian Prai yang mana hanya dapat melatih 753 orang pekerja mahir dan 650 orang pekerja separuh mahir setahun. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1988 nanti adalah dijangka 8 buah Institut Latihan Perindustrian lagi akan siap dibina dan

memulakan kursus-kursus latihan. Tempat-tempat di mana Institut-institut tersebut akan diadakan dan tarikh-tarikh siapnya adalah seperti berikut:

<i>Institut Latihan Perindustrian</i>	<i>Tarikh siap</i>
1. Kuala Lumpur (kemudahan tambahan) .. .. .	Julai, 1983
2. Prai (kemudahan tambahan) ..	Julai, 1983
3. Johor Baharu .. .. .	Julai, 1983
4. Kuala Terengganu .. .. .	Julai, 1984
5. Labuan .. .. .	Julai, 1984
6. Alor Setar .. .. .	Januari, 1986
7. Ipoh .. .. .	Januari, 1986
8. Kuantan .. .. .	Januari, 1986
9. Melaka .. .. .	Januari, 1988
10. Kota Bahru .. .. .	Januari, 1988

Tuan Yang di-Pertua, dengan siapnya kesemua Institut-institut Latihan Perindustrian itu kelak jumlah tenaga pekerja mahir dan separuh mahir dapat dipertingkatkan lagi sehingga menjelang tahun 1990. Adalah dijangka bahawa jumlah pelatih yang akan dikeluarkan oleh Institut-institut tersebut dari tahun 1983 hingga tahun 1990 adalah seperti berikut:

<i>Jurusan</i>	<i>Jumlah</i>
1. Bahagian Mekanikal .. ..	2,366
2. Bahagian Kejuruteraan Letrik	1,050
3. Bahagian Pembinaan ..	1,160
4. Bahagian Percetakan ..	80

Di samping kursus-kursus biasa yang terdapat di Institut-institut Latihan Perindustrian, Kementerian saya juga sedang mengelolakan kursus-kursus khas di tapak-tapak binaan sebagai langkah jangka pendek bagi menyediakan tenaga-tenaga mahir dalam industri pembinaan. Kursus ini yang telah bermula pada bulan Mac, 1981 yang lalu

berjaya melatih seramai 373 orang setakat ini bagi ketukangan-ketukangan berikut:

#### *Ketukangan*

1. Kerja paip .. .. .	19
2. Kayu dan Tanggam .. ..	115
3. Simen dan Batu Bata ..	201
4. Bengkok Besi .. .. .	38
	<hr/>
Jumlah ..	373
	<hr/>

Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang yang sepatutnya memulakan operasi dengan sepenuhnya pada bulan Julai, 1983 yang akan datang ini telah juga terlibat dengan kursus khas ini di mana 42 pelatih telah memulakan kursus pada bulan Oktober, 1982 dalam Ketukangan Kayu dan Tanggam, serta Simen dan Batu Bata. Dalam menggalakkan Latihan Perindustrian di peringkat tinggi Kerajaan kita dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Jepun akan juga menubuhkan sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Tinggi yang akan dikenali dengan nama ringkas "CIAST" bertempat di Shah Alam, yang mana dijangka akan siap untuk memulakan operasinya dalam bulan Mac, 1984 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana tidak saya memberi jawapannya di sini, akan diteliti oleh Kementerian saya dan mana-mana yang sesuai akan diterima sebagai panduan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.33 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian saya semasa perbahasan dasar Belanjawan 1983.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai ada menyentuh tentang kedudukan penyelidikan sekam padi bagi membuat kertas. Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai berkenaan dengan perkara ini.

Pada masa ini pulpa kertas adalah diperbuat daripada pokok pine (kayu jenis lembut) dan prosesnya ialah dengan menggunakan sodium sulphide. Pelepasan effluen dari industri seumpama ini mengakibatkan pencemaran yang berleluasa. Satu kajian untuk menggunakan larutan ammonia sebagai pengganti sodium sulphide dan kajian kegunaan proses ini kepada beberapa bahan mentah lain termasuk jerami padi masih dijalankan. Walau bagaimanapun beberapa projek penyelidikan yang menggunakan bahan-bahan pokok padi terutama sekam padi ada dijalankan oleh Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Berikut adalah projek-projek penyelidikan yang dimaksudkan:

- (1) pembakar sekam padi;
- (2) simen sekam padi;
- (3) kegunaan sekam padi untuk bahan binaan;
- (4) serbuk pencuci daripada abu sekam padi;
- (5) papan dinding dari sekam padi;
- (6) sekam padi sebagai aggregate concrete;
- (7) rice husk char-bahan tapisan;
- (8) naterium silikat;
- (9) sekam padi sebagai pencuci enjin kapal terbang.

#### (1) Pembakar Sekam Padi:

SIRIM telah mereka bentuk dua jenis pembakar sekam padi yang menggunakan sekam padi sebagai pembakar untuk mengeluarkan haba (wap panas) bagi mengeringkan bahan-bahan pertanian seperti padi, tembakau dan lain-lain. Percubaan telah dijalankan di salah sebuah kilang padi

Koperasi Lembaga Pertubuhan Peladang di Tanjung Karang yang mana menunjukkan 15 kg. sekam boleh mengeringkan 250 kg. padi daripada kelembapan 25% kepada 10%.

#### (2) Simen Sekam Padi:

SIRIM telah menjalankan kajian mengenai campuran simen daripada abu sekam dan simen Portland. Campuran ini mempunyai kekuatan yang setanding dengan simen Portland, dan memperlihatkan sifat-sifat ketahanan asid. Potensi kegunaan campuran simen tersebut dalam perusahaan memproses nenas dan getah adalah besar.

#### (3) Kegunaan Sekam Padi untuk Bahan Binaan:

Prjkek ini merupakan projek kerjasama SIRIM dan GIRIK, Jepun, adalah bertujuan untuk menyelidik cara-cara membuat bahan-bahan "light weight" dengan menggunakan sumber tempatan iaitu abu sekam padi. Projek ini masih berjalan.

#### (4) Serbuk Pencuci daripada Abu Sekam Padi:

Satu kajian kemungkinan tekno-ekonomi untuk membuat serbuk pencuci sedang dijalankan oleh SIRIM. Kajian ini menunjukkan campuran abu sekam padi dengan sebahagian daripada serbuk bahan pencuci menghasilkan serbuk pencuci dengan sifat "abrasive" dan "detergent" yang baik.

#### (5) Papan dinding daripada Sekam Padi:

Satu siri percubaan telah dijalankan untuk menghasilkan papan dinding dari sekam dengan menggunakan pelekat tempatan seperti "urea" dan "phenol formaldehyde". Papan dinding ini mempunyai sifat-sifat tahan api dan anai-anai dan sesuai untuk kegunaan sekatan dalam.

#### (6) Menggunakan Sekam Padi sebagai "Aggregate" dalam Konkrit Ringan:

Kegunaan sekam padi sebagai "aggregate" dalam konkrit ringan telah juga dibuat. Konkrit ringan dibuat dengan mencampurkan abu, simen dan air sehingga ketumpatan kurang daripada 100 paun dalam

satu kaki padu. Adalah didapati sekam padi boleh digunakan dengan jayanya dalam menyediakan konkrit ringan untuk sekatan-sekatan.

#### (7) Naterium Silikat (sodium silicate):

SIRIM telah menjalankan kajian mengenai penggunaan naterium silikat daripada sekam padi di dalam batu bata. Anggaran kos permulaan pengeluaran naterium silikat dari abu sekam padi, walaupun ketulinannya agak rendah sedikit, adalah lebih kurang setengah jika dibandingkan dengan kos naterium silikat commercial. Untuk penggunaan perindustrian, di mana ketulinan begitu diutamakan, penggunaan naterium silikat dari abu sekam padi adalah dicadangkan.

#### (8) Sekam Padi sebagai Pencuci Enjin Kapal terbang:

SIRIM ada membuat beberapa ujian dengan menggunakan sekam padi sebagai bahan pencuci enjin "Auxillary Power Unit" kapal terbang jenis Boeing. Buat masa ini, pihak MAS mengimport sekam padi ini dari Amerika Syarikat.

Saya juga ingin menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang meminta Kementerian saya mengambil langkah-langkah perlu dalam pemerosesan pengeluaran bio-gas daripada najis ayam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui SIRIM telah menjalankan penyelidikan-penyelidikan melalui beberapa projek yang melibatkan bahan-bahan biogas sama ada dari "biological waste" atau "botanical waste". Sebenarnya, SIRIM sekarang sedang memperkenalkan dan memajukan teknologi ini. Teknologi mengeluarkan biogas dari buangan ini telah wujud dan diketahui, dan SIRIM sedang menentukan skel operasinya (scale of operation). SIRIM mempunyai "pilot plant" sendiri di Shah Alam dan telah membuktikan biogas boleh dikeluarkan dan keputusannya adalah menggalakkan.

Bahan najis ayam yang dimaksudkan itu juga telah dicuba oleh SIRIM di kawasan ternakan ayam, Subang. Ujian itu membuktikan bahawa biogas boleh diperolehi dan boleh digunakan sebagai gas memasak dan menjanakuasakan letrik.

Tuan Yang di-Pertua, SIRIM juga terlibat dalam projek membina "plant" biogas dari buangan lembu ternakan di Melaka, Kuala Langat dan Sepang. Usaha-usaha juga sedang dirancangan untuk menjalankan dua projek biogas di Sabah dalam ladang ternakan lembu. Di samping itu, satu projek bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan SIRIM juga dijalankan bertujuan untuk menyelidik dan mewujudkan sistem pengering untuk mengeringkan hampas ubi kayu dengan menggunakan kuasa matahari (solar) dan biogas di Perak.

Beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang menyentuh mengenai peranan kemajuan teknologi dalam pembangunan negara dan menyaranakan supaya Kerajaan meningkatkan keupayaan sains dan teknologi untuk menyesuaikan diri dalam menghadapi cabaran kemajuan teknologi dunia yang pesat, sukalah saya memberitahu bahawa Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini dan telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menentukan keperluan teknologi sektor perindustrian dan peranan pemindahan teknologi dalam proses pertumbuhan sektor perindustrian. Kajian ini dijalankan ke atas dua jenis pemindahan teknologi, iaitu pemindahan teknologi asing dan juga pemindahan teknologi tempatan. Adalah menjadi matlamat-matlamat jawatankuasa ini untuk mewujudkan satu dasar pemindahan teknologi yang akan, antara lainnya, menentukan keperluan teknologi, membangunkan satu sistem maklumat mengenai teknologi, mewujudkan keupayaan perkhidmatan teknologi dan kemahiran tenaga manusia, dan mengawasi perubahan-perubahan teknologi.

Seterusnya mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kita menjalankan perusahaan-perusahaan yang berasaskan

sumber-sumber asli dan mendirikan perusahaan berat. Suka saya menyatakan ini juga adalah menjadi salah satu tugas SIRIM. Dalam usaha ini, SIRIM telah menjalankan penyelidikan untuk mengkaji cara-cara menggunakan sumber-sumber asli.

Di antara projek-projek yang menggunakan sumber-sumber asli yang disebutkan di awal ucapan saya tadi, terdapat juga projek-projek yang menggunakan sisa-sisa kelapa sawit untuk mengeluarkan tenaga dan makanan binatang dan lain-lain projek yang sedang dijalankan.

Di samping itu, SIRIM juga sedang mempergiatkan aktiviti untuk memberi kemudahan-kemudahan latihan kepada perusahaan-perusahaan tempatan melalui kemudahan-kemudahan yang ada padanya. Pusat-pusat teknologi di SIRIM seperti Pusat Teknologi Logam, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Logam, Pusat Fondri, Pusat Metrologi dan lain-lain kemudahan yang ada pada SIRIM akan memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan lagi kemahiran negara dalam bidang perusahaan berat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan sama ada secara langsung atau tidak sewaktu perbahasan ini, tetapi tidak disentuh dalam ucapan ini, akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

6.52 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan teima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan bagi tahun 1983 dan juga kepada masyarakat umum dari segala lapisan kerana memberi sambutan yang begitu menggalakkan terhadap Belanjawan 1983. Segala teguran ataupun cadangan yang dikemukakan amatlah saya hargai.

Kerajaan bersyukur atas sambutan yang begitu baik terhadap Belanjawan 1983, terutama sekali sambutan dari golongan berpendapatan rendah yang bilangannya paling terbesar di negara ini. Ini menunjukkan bahawa strategi Belanjawan adalah adil dan saksama kepada kebanyakan penduduk negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa kita harus mengutamakan kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah. Bahkan inilah semangat yang telah mencetuskan Dasar Ekonoimi Baru dan inilah juga semangat pemikiran di belakang Belanjawan 1983. Tujuan kita bukanlah hendak memelihara kepentingan segelintir manusia sahaja tetapi memajukan kepentingan masyarakat seluruhnya.

Mereka yang mampu patutlah lebih sanggup memikul lebih banyak tanggungan yang dipikul oleh masyarakat di ketika kemelesetan ini. Kalau tidak, bagaimanakan pula kita akan dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru terutama sekali untuk membasmi kemiskinan.

Kerajaan telah memberi galakan-galakan yang banyak kepada pihak swasta untuk membolehkan masyarakat perniagaan meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan mereka. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta memainkan peranan yang lebih besar untuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, tujuan kita ialah menggalakkan sektor perdagangan pada keseluruhannya dan bukan peniaga-peniaga individu yang mengambil kesempatan daripada dasar-dasar Kerajaan untuk memajukan kepentingan mereka sendiri. Golongan-golongan berpendapatan tinggi dapat merasa nikmat-nikmat daripada keadaan ekonomi yang kukuh, peluang-peluang perdagangan yang menarik, serta kestabilan politik dalam suasana ketenteraman dan keselamatan. Mereka mestilah sedar bahawa nikmat-nikmat ini tidak datang secara percuma tetapi memerlukan wang dalam bentuk perbelanjaan Kerajaan yang mesti berjalan

terus. Bagaimanakah pula perbelanjaan ini hendak dibayar jika tidak sekurangnya dengan cara menaikkan cukai. Orang-orang yang berada yang tidak begitu senang dengan kenaikan-kenaikan cukai mestilah insaf mereka tidak harus bersikap tamak. Tetapi mereka hendaklah meningkatkan ikhtiar membantu Kerajaan memajukan lagi pertumbuhan ekonomi kita supaya golongan yang kurang bernasib baik sama-sama mendapat faedah dan nikmatnya.

Pihak Pembangkang, seperti biasa tidak senang hati dengan langkah-langkah berani Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Mereka mensifatkan Belanjawan tahun 1983 sebagai Belanjawan yang tidak efektif dan berasaskan pandangan yang terlalu optimis. Tetapi pihak Pembangkang, di sepanjang perdebatan ini, tidak langsung mengemukakan sebarang idea atau syor yang konkrit untuk menghadapi cabaran-cabaran kemelesetan ini. Saya mengharapkan teguran-teguran yang membina dari pihak Pembangkang. Tetapi pihak Pembangkang telah gagal menunaikan kewajibannya di dalam Dewan yang mulia ini—sekarang seorang pun tidak ada di sini (*Tepuk*).

Dalam perancangan kita bagi menyediakan Belanjawan, kita berpedomankan ramalan-ramalan yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi yang terkemuka dari kalangan OECD dan IMF. Semasa menyediakan Belanjawan tahun 1982 ramai pakar-pakar ekonomi berpendapat bahawa pemulihan ekonomi dunia akan berlaku secara perlahan pada pertengahan tahun 1982. Tetapi ada juga setengah pakar-pakar lain yang mengangap kemelesetan akan menjadi lebih teruk daripada zaman Meleset tahun 30an. Maksud kita bukanlah hendak menakutkan orang. Kita perlu mewujudkan satu suasana yang baik untuk menyakinkan pihak swasta, terutama pelabur-pelabur supaya mereka dapat terus memaju serta memperkembangkan perusahaan dan perniagaan mereka bagi mengatasi kesan buruk dari kemelesetan ekonomi dunia tidaklah seburuk yang dijangkakan oleh setengah-setengah pakar ekonomi dunia.

Apa yang berlaku sekarang ialah kemelesetan ini berlanjutan lebih lama dari yang dijangka.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan pada tahun yang lepas sepatutnya mengurangkan perbelanjaan Belanjawan dan tidak seharusnya memberi galakan-galakan cukai untuk memajukan pertumbuhan ekonomi. Sebagai maklum, Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab memesatkan pertumbuhan ekonomi serta memperluas kebajikan hidup untuk seluruh rakyat, terutama golongan yang berpendapatan rendah. Oleh sebab itulah Kerajaan sengaja tidak mengurangkan peruntukan perbelanjaan dan terus memberi galakan cukai, supaya pertumbuhan ekonomi tidak terhalang dan usaha-usaha kita untuk menolong golongan-golongan berpendapatan rendah tidak tergendala. Lagi pun pakar-pakar ekonomi negara-negara perindustrian berpendapat bahawa ekonomi mereka akan pulih dalam tahun 1982. Oleh sebab itu, adalah difikirkan tidak wajar bagi kita pada ketika itu untuk mengambil langkah-langkah secara tergesa-gesa bagi mengurangkan perbelanjaan dan pertumbuhan ekonomi kita. Sesungguhnya, jika kita mengambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang sudah tentulah kita tidak menjalankan tanggungjawab kita sepenuhnya seperti yang diamanahkan oleh rakyat. Kerajaan Barisan Nasional hendaklah memajukan kebajikan rakyat tetapi pihak Pembangkang suka melihat rakyat menderita. Oleh itu, Kerajaan telah berusaha sedaya upaya dan selagi ada kesempatan untuk memajukan kepentingan rakyat. Apabila sudah tidak ada jalan lain, barulah kita mengadakan perubahan dasar, seperti yang telah dilakukan di pertengahan tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan.

Apabila kita mengambil langkah-langkah cukai yang berani ini tidak menghiraukan soal populariti. Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan mempunyai rekod cemerlang dan tidak bergantung kepada tektik Belanjawan untuk memenangi pilihanraya (*Tepuk*).

Ekonomi negara kita masih kukuh dan dijangka dapat berkembang dengan kadar yang memuaskan walaupun dalam keadaan ekonomi dunia sedang meleset. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.9% yang dijangkakan itu lebih rendah dari yang telah dianggarkan dahulu, tetapi pertumbuhan ini masih baik jika dibandingkan dengan pertumbuhan di negara-negara lain.

Kita menjangka pertumbuhan ekonomi negara akan lebih tinggi dari anggaran 4.9% bagi tahun 1983 jika sekiranya perkembangan ekonomi antarabangsa bertambah baik kelak.

Imbangan Pembayaran negara dijangka bertambah kukuh pada tahun hadapan. Dengan langkah-langkah cukai ke atas import, kedudukan import negara akan bertambah baik. Kita tidak menjangkakan penghapusan cukai ke atas minyak wangi, alat-alat solek, kamera dan sebagainya akan meningkatkan import dan menjejaskan Imbangan Pembayaran. Import kita mengenai barang-barang ini merupakan sebahagian kecil sahaja daripada jumlah import. Sebaliknya, penghapusan cukai itu akan memperbaiki lagi Imbangan Pembayaran melalui perkembangan dalam perniagaan barang-barang ini.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mempersoalkan kenaikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan dari 5% kepada 10%. Kata mereka cukai-cukai ini akan mempengaruhi paras harga-harga pengguna di dalam negeri dan ini akan membebankan rakyat. Perlu saya tegaskan di sini bahawa cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang-barang asas dan keperluan harian. Tetapi ia hanya dikenakan ke atas barang-barang yang tidak perlu seperti kereta, minuman keras, tembakau, rokok dan lain-lain. Oleh itu kenaikan kadar cukai ini tidak akan membebankan rakyat pada keseluruhannya tetapi akan melibatkan orang yang menggunakan barang-barang itu sahaja, iaitu mereka yang mampu membayar cukai tersebut. Begitu juga dengan kenaikan kadar cukai perkhidmatan. Golongan yang mampu sahaja akan menanggung beban cukai ini.

Lagi pun, barang-barang ini masih menelan perbelanjaan yang besar dalam perdagangan import dan oleh itu kenaikan cukai dan harga atas barang-barang ini akan mengurangkan pengimportannya.

Saya berasa kesal dan keciwa tentang sikap segolongan peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil faedah dari kenaikan cukai jualan. Kalau dinaikkan kadar cukai, maka dengan serta merta peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang. Kalau diturunkan cukai, lambat sekali hendak diturunkan harga barang-barang. Kenaikan cukai jualan sebanyak 5% itu hanyalah dikenakan ke atas 25% sahaja dari barang-barang pengguna. Barang-barang keperluan yang kebanyakannya digunakan oleh kumpulan-kumpulan orang yang berpendapatan rendah sama sekali tidak dikenakan cukai jualan ini. Oleh itu tidak ada sebab untuk peniaga menaikkan harga barang-barang keperluan. Peniaga-peniaga yang sengaja menaikkan harga barang-barang tanpa sebab-sebab yang menasabah, melainkan untuk kepentingan diri sendiri sudah patut menerima kutukan masyarakat. Saya mahu menasihatkan orang-orang ini, berhati-hatilah dan kenangkanlah tanggungjawab saudara terhadap masyarakat. Kalau mereka berdegil dan terus mengeksploitasikan keadaan, mereka akan menimbulkan kemaharan masyarakat dan mendorong Kerajaan mengambil sesuatu tindakan.

Walaupun begitu pihak pengguna perlulah berhati-hati apabila membeli barang-barang. Mereka perlu bekerjasama dengan kesatuan-kesatuan Pengguna untuk memainkan peranan yang lebih berkesan supaya masyarakat pembeli tidak dipermainkan oleh pihak penjual. Kerajaan sentiasa berdiri dan sanggup menyokong Kesatuan-kesatuan Pengguna dan sedia menolong mereka dalam usaha membela kepentingan masyarakat pengguna.

Kita perlu memperkukuhkan ekonomi dan kewangan negara dalam suasana kemelesetan ekonomi dunia supaya kita dapat membuat persediaan yang lebih berkesan untuk

memajukan ekonomi kita apabila suasana ekonomi antarabangsa pulih kelak. Oleh yang demikian, perlulah Kerajaan menjimatkan perbelanjaan, tetapi dengan tidak menjejaskan prestasi Kementerian dan Jabatan yang berkenaan dan juga sektor-sektor ekonomi yang dikira boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Mengenai peruntukan sektor pertanian untuk tahun 1983 pula, walaupun peruntukan ini kurang dari peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1982, namun demikian pengurangan peruntukan ini hanyalah merupakan sebanyak 1.9 mata peratusan (percentage point) sahaja. Pengurangan ini dijangka tidak terlalu menjejaskan program-program dan aktiviti-aktiviti di dalam sektor ini.

Bagi kemudahan-kemudahan luar bandar pula, peruntukan yang mencukupi akan terus diberi. Pada keseluruhannya, peruntukan yang dicadangkan bagi program bekalan air luar bandar bagi tahun 1983 adalah melebihi jumlah yang diluluskan bagi tahun 1982. Bagi lain-lain kemudahan seperti jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar serta juga bekalan elektrik luar bandar, peruntukan yang dicadangkan bagi tahun 1983 adalah sesuai dengan prestasi yang telah dicapai pada tahun-tahun yang lepas.

Mengenai peruntukan perbelanjaan pembangunan Sektor Pertahanan dan Keselamatan, sukalah saya menegaskan sekali lagi, bahawa Kerajaan memang sedar tentang perlunya diperimbangkan perbelanjaan pembangunan bagi sektor keselamatan dengan perbelanjaan pembangunan bagi sektor socio-ekonomi. Oleh kerana itu, bagi tahun 1983, Kerajaan menyediakan sebanyak \$8,608 juta atau 74% dari jumlah peruntukan Pembangunan bagi sektor socio-ekonomi. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan tinggi kepada sektor tersebut. Peruntukan perbelanjaan bagi Sektor Keselamatan sebanyak \$2,483 juta atau 21.3% daripada jumlah peruntukan adalah difikirkan menasabah. Ini adalah oleh kerana kita perlu memperkukuhkan keupayaan kita dalam menghadapi dan membentaras

ancaman-ancaman terhadap keselamatan kita baik dari dalam ataupun dari luar negeri supaya dapat mengekalkan suasana yang stabil dan tenteram untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai beban yang dipikul oleh negara, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi perkara ini dan akan terus berhati-hati di dalam membuat pinjaman, terutama dari luar negeri, walaupun nisbah khidmat bayar hutang negara kita sekarang ini adalah sebanyak kira-kira 4.9% dalam tahun 1982 dan ini adalah di antara yang rendah di dalam dunia. Lagi pun Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pinjaman-pinjaman yang dibuat adalah bagi membiayai projek-projek pembangunan yang akan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta juga meningkatkan pendapatan rakyat.

Mengenai langkah-langkah cukai, saya sudah pun menyentuh sedikit sebanyak tentang cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Oleh itu saya hanya hendak menerangkan satu dua perkara sahaja.

Seorang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan iaitu cukai jualan akan mengakibatkan harga rumah termasuk rumah kos rendah dan beliau mencadangkan Kerajaan mengecualikan cukai jualan atas bahan-bahan pembelian. Sebenarnya Kerajaan telah lama mengecilkan bahan-bahan binaan dan alat-alat yang digunakan dalam perusahaan binaan dan perumahan. Saya suka menegaskan di sini bahawa pengecualian ini akan terus dikekalkan. Oleh itu cukai jualan tidak patut dijadikan alasan menaikkan harga rumah terutama sekali harga rumah kos rendah. Oleh itu cukai jualan tidak patut dijadikan alasan untuk menaikkan harga rumah, terutama sekali harga rumah kos rendah.

Cadangan juga telah dikemukakan supaya semua duti ke atas getah, kelapa sawit dan koko dimansuhkan untuk membantu pekebun-pekebun kecil. Mengenai koko, pengeluaran dan pengeksporthannya tidak

dikenakan apa-apa duti. Mengenai getah dan kelapa sawit pula, semenjak bulan Oktober, 1979, saya telah memperkenalkan konsep cost-plus dalam struktur duti eksport barang-barang ini. Di bawah sistem baru ini, beban duti yang dikenakan ke atas getah dan kelapa sawit telah banyak dikurangkan. Ini juga bermakna Kerajaan telah mengorbankan berjuta-juta ringgit kerana tidak memungut hasil dari duti-duti eksport ini.

Mengenai subsidi-subsidi Kerajaan, ada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kajian semula dilakukan untuk menentukan ianya tidak akan dinikmati oleh mereka yang tidak berhak menerimanya. Sukalah saya menyatakan bahawa pemberian subsidi ini perlu diteruskan sebagai satu tindakan untuk melindungi rakyat daripada kesan inflasi. Namun demikian, Kerajaan juga sedar bahawa subsidi ini bukan sahaja dinikmati oleh orang-orang berpendapatan rendah, tetapi orang yang berkemampuan pun dapat menikmatinya, walaupun mereka sepatutnya tidak berhak menerima subsidi-subsidi ini. Sudah tentulah keadaan ini mesti dikawal dengan lebih rapi supaya tidak membazirkan perbelanjaan Kerajaan atas subsidi yang berjumlah kira-kira \$1,200 juta setahun. Kerajaan akan terus memberi perhatian atas perkara ini, serta menjalankan kajian dri masa ke masa untuk menyemak soal penggunaan subsidi dan mengubahsuaikan kadar-kadar subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih menghadapi satu zaman yang tidak menggalakkan akibat dripada perkembangan ekonomi dunia. Rakyat seharusnya menyumbang tenaga dan masa untuk menentang cabaran-cabaran ini. Pihak Kerajaan telah memberi berbagai-bagai galakan cukai dan subsidi dengan tujuan untuk mengalakkan perkembangan ekonomi, membasmi kemiskinan dan membendung inflasi. Semuanya ini memakan belanja yang banyak. Rakyat seluruhnya perlu menyedari hakikat ini dan perlulah membuat pengorbanan supaya dapat menentang kesan-kesan yang buruk ini.

Pihak swasta harus juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Mereka tidak

seharusnya mementingkan diri sendiri semata-mata dengan membolot keuntungan yang banyak dan menindas pihak-pihak pengguna. Mereka mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan tidak harus mengambil kesempatan daripada langkah-langkah Belanjawan untuk mendapat untung semata-mata.

Saya yakin bahawa kita akan dapat menghadapi cabaran tahun 80an ini dengan lebih cekap dan berkesan. Kita mempunyai banyak sumber-sumber kekayaan yang boleh dimajukan lagi. Dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita akan dapat meneruskan usaha-usaha kita bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan harga pengguna yang stabil serta juga meningkatkan taraf hidup rakyat seluruhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya kemukakan kepada Majlis ini sekarang Bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Diputuskan,**

Bahawa Usul yang berikut ini ditunjukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang

sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran

“Maksud Pembangunan” atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu

bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, 9hb November, 1982.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.16 malam.*